

DR.2.3.2000

"DOKUMEN INI BELUM DISEMAKI!"
[Senarai Ahli -Ahli Parlimen dilampirkan]
[kandungan dilampirkan]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 2 Mac 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan*
Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN

1. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:-

- (a) adakah kementerian bercadang mengubahsuai dan membesarkan pondok Rukun Tetangga yang sedia ada menjadikannya sebuah pusat komuniti yang mempunyai kemudahan sukan, rekreasi dan lain-lain kemudahan; dan
- (b) apakah rasional menubuhkan unit Rukun Tetangga di luar bandar memandangkan ia akan bertindih dengan peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Istilah pondok Rukun Tetangga tidak lagi dipakai. Sebaliknya apa yang ada ialah Pusat Rukun Tetangga. Di bawah konsep baru pusat ini mempunyai ruang yang lebih luas iaitu kira-kira 1,000 meter persegi. Ia adalah untuk membolehkan Rukun Tetangga menjalankan pelbagai aktiviti kejuranan, menempatkan tabika

perpaduan, taska, bilik aktiviti pejabat Rukun Tetangga dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Pusat Rukun Tetangga tidak menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi kerana kemudahan-kemudahan seumpama ini ada disediakan oleh agensi dan kementerian yang berkaitan untuk masyarakat setempat.

- (b) Pada dasarnya Rukun Tetangga ditubuhkan di kawasan bandar sahaja terutama di kawasan yang penduduknya berbilang keturunan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu ia juga ditubuhkan di kawasan-kawasan lain termasuk luar bandar dan ia dibuat atas permintaan orang ramai dan persetujuan pegawai daerah dan JKK.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pihak RT telah menubuhkan sayap wanita sejak beberapa tahun kebelakang. Jadi, adakah kita telah mencapai matlamat asalnya, dan dengan kemudahan yang berada sekarang bagaimana kita bercadang untuk menggalak lebih ramai golongan belia menyertai aktiviti RT. Sekian, terima kasih.

Tuan S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama, soalan tambahan ada berkaitan dengan wanita, Jiran Wanita. Di banyak tempat ditubuhkan – tiap-tiap RT ada Jiran Wanita, dan pada masa ini Jiran Wanita juga telah menubuhkan banyak taman asuhan di kawasan-kawasan mereka di mana mereka dapat mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti menjaga anak-anak yang umurnya kurang daripada empat tahun. Dan juga diperbanyakkan aktiviti-aktiviti di mana wanita boleh mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga.

Bagi belia-belia pula kita ada aktiviti Jiran Muda, dan dengan adanya konsep baru di mana semua peringkat ada di suatu tempat iaitu aktiviti Jiran Wanita, aktiviti belia dan aktiviti Rukun Tetangga, maka kita dapat semua aktiviti di satu pusat. Jadi, setakat ini kementerian saya sudah bina beberapa pusat aktiviti seperti ini dan ada 15 buah pusat seperti ini di dalam cadangan. Apabila ianya dibina, apabila kita dapat tanah daripada kerajaan-kerajaan negeri kita akan perbanyakkan aktiviti-aktiviti bagi wanita dan belia.

Tuan Chang See Ten: Soalan tambahan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada pihak kementerian tentang selain daripada memainkan peranan untuk mewujudkan perpaduan, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk menangani masalah sosial yang negatif yang semakin serius di kalangan masyarakat kita. Sekian, terima kasih.

Tuan S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya juga telah mengadakan beberapa program untuk menangani masalah-masalah sosial. Jawatankuasa Kabinet Membanteras Masalah Sosial telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji masalah-masalah sosial di kalangan remaja kita dan beberapa tindakan susulan diambil untuk mengatasi masalah-masalah itu. Seperti masalah dadah di mana Kementerian Dalam Negeri menguruskan perkara ini, kementerian itu juga telah meminta jawatankuasa itu supaya Rukun Tetangga bermain peranan yang lebih penting untuk mengatasi masalah-masalah berkaitan dengan masalah dadah di tiap-tiap kawasan. Juga kita akan memperbanyakkan aktiviti-aktiviti di kawasan-kawasan di mana kita dapat kenal pasti ada masalah-masalah sosial supaya kita dapat mengatasi masalah-masalah sosial. Ini.

Kita juga sedar bahawa di bandar-bandar kita menghadapi *urbanization*, dengan izin, maka kita ada jawatankuasa khas dalam kementerian seperti Jawatankuasa Kabinet Membanteras Masalah Sosial di kawasan ladang dan juga lain-lain tempat. Jadi, kita membuat kajian dan mengikut kajian itu kita mengambil tindakan dengan kerjasama daripada beberapa pihak dan agensi untuk mengatasi masalah-masalah sosial berkaitan dengan remaja kita.

2. **Tuan Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan langkah kerajaan memenuhi tuntutan penyediaan rumah rakyat termiskin (PPRT) bagi daerah luar bandar serta jalan-jalan kampung terutama bagi daerah Kinabatangan dan adakah keutamaan akan diberi kepada program meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar

sentiasa prihatin akan masalah penduduk luar bandar dan sentiasa mengambil daya usaha untuk membela nasib rakyat luar bandar dengan melaksanakan pelbagai program pembangunan yang dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi dalam kualiti hidup penduduk. Antara projek yang dilaksanakan bagi kawasan Kinabatangan ialah projek jalan kampung sepanjang 6.7 kilometer – 7 projek dengan kos RM707,304. Bagi tahun 2000 – 12 batang jalan sepanjang 38.8 kilometer telah pun dikenal pasti untuk dinaik taraf dan senarai projek ini akan dimuktamadkan di peringkat negeri sebelum dikemukakan ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk pertimbangan dan pelaksanaan.

Projek jalan luar bandar, iaitu Jalan Bambang-Disikong sepanjang 1.5 kilometer telah siap dengan kos RM0.7 juta. Peringkat kedua jalan ini sepanjang 2.5 kilometer dengan kos RM0.9 juta dijangka siap pada bulan Mac tahun 2000. Untuk tahun 2000 di bawah program pemulihan rumah di negeri Sabah sebanyak 276 unit telah dirancang untuk dibina semula. Bagi program rumah PPRT pula sebanyak 121 buah telah dibina antara tahun 1995 hingga tahun 1999. Bagi bekalan elektrik luar bandar 12 projek grid telah pun siap dan bagi tahun 2000 – 14 projek solar dengan kos RM2.9 juta akan dilaksanakan di daerah ini.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, dalam masa yang sama di samping usaha Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kerajaan negeri juga menerusi Yayasan Sabah telah mengusahakan rumah seperti ini menerusi program Perumahan Perhutanan Masyarakat (PPM) khususnya di Kinabatangan, semenjak Barisan Nasional memerintah di negeri Sabah telah hampir 600 buah rumah didirikan dan saiznya serupa dengan PPRT, cuma pendekatannya berlainan. Jadi, permasalahan yang dihadapi sama ada oleh PPM dan juga PPRT ini iaitu bekalan air bersih.

Saya telah melihat dan membuat kajian untuk mengatasi sementara waktu persoalan ini, sudikah kementerian ini memperuntukkan peruntukan khas untuk membekal tangki-tangki air kepada mereka yang telah diberikan projek PPM dan PPRT ini. Kerana pada saya kalaupun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tak payah buat ucapan.

Tuan Moktar bin Radin: Tidak. Ini soalan, kita minta kementerian ini supaya dapat memperuntukkan tangki air untuk membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar di kawasan saya.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya bagi negeri Sabah dan Sarawak kemudahan asas, air, api jalan dan sebagainya setakat ini yang telah diselesaikan hanya dalam lingkungan 70% oleh kerana luas geografinya begitu besar. Jadi, bagi tahun 2000 dan 2001 menjangkau Rancangan Malaysia Kelapan semua projek yang masih belum dapat dilaksanakan dibawa, akan disusun semula untuk diusahakan supaya semua rakyat yang memerlukan kemudahan asas dapat menikmati kemudahan-kemudahan ini. Jadi, tentang soalan Yang Berhormat mengenai tangki-tangki air itu saya minta Yang Berhormat menulis surat kepada saya kerana ini adalah satu perkara khusus, perlu dikaji dan jika tiada masalah ini juga dapat diberi bantuan. Terima kasih.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Dari sudut pendekatan nasional ini menjadi pemerhatian secara menyeluruh golongan miskin di luar-luar bandar. Yang penting untuk diambil perhatian ialah sejauh manakah pelaksanaan projek ini yang diuruskan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dijalinpadukan ataupun mendapat kerjasama baik daripada kerajaan negeri seperti negeri Kelantan atau negeri-negeri lain untuk masa-masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak ada masalah dengan dua negeri ini. Sememangnya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh perbelanjaan yang terbesar di Semenanjung disalurkan kepada dua negeri ini. Jadi, bagi masa yang akan datang kita akan lihat kes by kes oleh kerana Terengganu dan Kelantan merupakan dua negeri yang masih mempunyai banyak golongan termiskin, khasnya di Kelantan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan saya ucap terima kasih kepada penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat tentang penyediaan-penyediaan kemudahan kepada penduduk di PPRT. Selama ini kerajaan melaungkan apa-apa pengagihan dan

penempatan ini mereka tidak memilih bulu antara UMNO atau PASkah, parti pembangkang ataupun kerajaan. Tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa sedang berlaku di beberapa tempat termasuklah di kawasan saya sendiri di mana mereka yang menduduki kawasan-kawasan perumahan yang diberikan oleh kerajaan dalam PPRT ini menghadapi tekanan daripada pihak berkuasa, pihak kerajaan apabila mereka dilihat sebagai orang yang mirip ataupun membantu dan menyokong parti-parti pembangkang, dan ini sedang berlaku di kebanyakan tempat khususnya di dalam kawasan Parlimen Pokok Sena.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kita tahu juga semua rancangan PPRT di seluruh negara kira banyak yang mendapat bantuan adalah daripada parti pembangkang. Jadi, kalau perkara ini perkara yang khusus Yang Berhormat memberi soalan kepada saya itu, saya tidak beri jawapan yang tepat oleh kerana perkara ini perlu dilihat dan perlu diberitahu secara yang spesifik. Jadi, kalau hendak minta saya jawab secara khusus, minta maaf saya tidak dapat jawab. Tetapi pada umumnya, kemiskinan adalah satu perkara yang melanda semua pihak, ia tidak mengira agama, terutama sekali orang Melayu, dia tidak kira pembangkang ataupun penyokong. Bagi kerajaan semuanya ini adalah sasaran kepada kita. Oleh kerana kebaikan dalam masyarakat kalaulah ekonomi di semua tempat membangun, ia akan membantu seluruh masyarakat. Kalau kita membeza-bezakan ia juga akan membeza-bezakan pembangunan di seluruh masyarakat.

3. **Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan jurang pemisah lebih-lebih lagi dari aspek fizikal di antara sekolah-sekolah di desa-desa dengan sekolah-sekolah di bandar-bandar amat ketara, apakah rancangan kementerian bagi mengurangkan jurang tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya dapat menjawab soalan pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat mengenai aspek fizikal sekolah-sekolah sama ada di bandar mahupun di bandar. Untuk tujuan tersebut beberapa program dirancang dan dilaksanakan dalam menyediakan kemudahan fizikal terutamanya kemudahan infrastruktur di sekolah-sekolah di luar bandar supaya jurang

perbezaan antara sekolah-sekolah di desa dengan sekolah-sekolah di bandar dapat dikurangkan.

Antara program yang sedang dilaksanakan adalah program baik pulih dan naik taraf sekolah-sekolah luar bandar di mana program ini menumpukan kepada pembaikan dan penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah, rumah guru dan asrama serta kemudahan fizikal lain. Kementerian juga sedang bekerjasama dengan agensi yang berkaitan untuk membekalkan elektrik ke sekolah-sekolah di kawasan yang masih belum menerima bekalan elektrik tetap sebagai asas untuk pembekalan peralatan komputer bagi pembelajaran dan pengajaran serta untuk mempertingkatkan urusan pentadbiran sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman tambahan di sini kami di Kementerian Pendidikan sentiasa prihatin terhadap segala aspek kemudahan yang dikira sebagai pemboleh atau segala macam kemudahan demi untuk memudahkan lagi proses pembelajaran. Kita juga terus terus memantau keadaan-keadaan seperti ini dari masa ke semasa. Malah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh juga banyak wang telah diperbelanjakan bagi kemudahan tersebut. Kita juga di sini, saya ingin tegaskan di Kementerian Pendidikan bekerja sebagai pasukan – menteri, timbalan-timbalan menteri, setiausaha parlimen dan pegawai-pegawai kementerian, kami semua bekerja sebagai pasukan. Jadi, tidak timbullah bahawa ada pihak Yang Berhormat di sebelah sana mengatakan ‘menteri makan gaji buta’. Untuk menyimpulkan jawapan saya pada hari ini saya ada sebuah pantun. Yang korek itu kendi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tunggu nanti, kalau ada soalan tambahan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan itu sahaja, sikit sahaja.

Yang korek itu kendi;

Yang merah itu saga;

Yang baik itu budi;

Yang indah itu bahasa. [Tepuk] [Ketawa]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya memang kagumlah dengan jawapan berpantun sekali ini. Sebagai maklumat awal, negeri Sarawak mula membangunkan sekolah di luar bandar pada tahun 1965 selepas penubuhan Malaysia. Banyak sekolah ini

dibina dengan atap ataupun dengan ‘semper ramin’ daripada *sawmill* di bandar, dengan yang demikian keadaan sekolah memang teruk. Jadi, kerajaan negeri Sarawak, saya sendiri telah berbincang, bersetuju, sekolah di luar bandar itu diwujudkan berlandaskan kampung dan rumah panjang yang mungkin ada 50-60 murid-murid sekolah. Dan kita bersetuju iaitu patut diadakan pencatuman sekolah-sekolah ini, iaitu kita buat *integrated* sekolah di satu-satu tempat yang strategi.

Bilakah pihak kementerian hendak menjemput ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional kerana di Sarawak semua Barisan Nasional ahli Parlimen - 28 orang. Jemput ahli Parlimen ini untuk membincang bagaimana hendak menyatukan – buat sekolah ini, *integrated* sekolah dan ditutupkan sekolah-sekolah yang kecil supaya boleh diadakan persediaan, kemudahan guru dan bahkan melaksanakan sekolah bestari di luar bandar boleh dicapai dengan seberapa cepat yang boleh supaya kita boleh mengatasi masalah persoalan sekolah-sekolah luar bandar yang tidak senonoh pada masa ini dikatakan, walaupun hanya mungkin 20-30% sahaja yang terbaik, yang lain boleh kata ‘baik’. Terima kasih.

Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lumar. Saya rasa terima kasihlah, syukur, Alhamdulillah bahawa Sarawak diperintah 100% oleh Barisan Nasional [*Tepuk*]. Dan keduanya mengenai apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, saya akan mengambil itu sebagai cadangan yang begitu baik iaitu pendekatan bersepadu di mana sekolah-sekolah kecil ini hendak disatukan menjadi satu keadaan dan contoh yang boleh saya beri ialah kalau kita lihat di sekolah di Alor Setar, Kedah – tempat saya – di mana kita ada satu kompleks yang begitu besar di mana semua sekolah terdapat di situ, sebagai satu kompleks termasuk pejabat pendidikan juga di dalam kompleks itu sendiri. Walau bagaimanapun, kita akan mengambil cadangan itu secara serius dan saya sendiri beri pengakuan kepada Yang Berhormat, kita akan bawa ke tengah untuk dibincang dan kita akan buat lawatan sekali lagi ke Sarawak. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Yang Berhormat Sungai yang bukan Petani itu, berjawab seperti *rusa kena tambak* [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tambahan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tambahan.

*Ikan dijaja berbau hanyir;
Sarat seperahu di seberang sana;
Terkilat saja ikan di air;
Sudah tahu jantan betina. [Ketawa] [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa tujuan itu Yang Berhormat, [Ketawa] bukan soalan tambahan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tujuan itu, kita pun tahu jawapan dia kerana susah payah untuk menjawab dengan keloh-kesah, tidak jawab dengan betul. Misalnya [Disampuk] soalan tambahannya. Adakah Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau ada tolong cepatkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya mesti cepat. Saya sentiasa cepat di sini. [Ketawa] Bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan sekolah di desa yang belum lagi menerima bekalan elektrik dan apakah rancangannya setakat ini yang dapat dijayakan untuk membekal seperti komputer. Kalau tidak ada bekalan elektrik, bagaimana kita boleh bekalkan komputer, saya pun susah hendak tahu, mungkin menggunakan mesin generator, [Disampuk] factory boleh ya, boleh gunakan untuk komputer. [Ketawa] Dan adakah Yang Berhormat cadangkan sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Besi, bekalkan bateri yang banyak untuk membolehkan sekolah-sekolah di desa dapat memperolehi komputernya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan Yang Berhormat dari Tepong, maaf saya, kadang-kadang tersilap, saya tahu Yang Berhormat tadi pun silap juga sebut Sungai yang tidak bertani, sebenarnya Sungai Petani itu sudah pun diwartakan iaitu kawasan itu ialah P.15.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong sengaja.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Oh sengaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Salahkan kawasan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, saya jemput Yang Berhormat boleh melawat kawasan saya. Mengenai sama ada pantun itu jantan ataupun betina, di sini ingin saya beritahu Yang Berhormat, saya masih jantan, ini bukan seksis ya, saya jantan. *[Ketawa]* Sebab mungkin ada orang kata, saya mungkin hendak bersikap samseng, saya tidak akan layanlah soalan-soalan macam itu. Walau bagaimanapun, soalan Yang Berhormat tadi saya tetap kata saya jantan, anak jantan.

Seorang Ahli: Jantan ada dalam *Harakah*.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya dengar komen tu, tidak dapat kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua, sudah buat komen *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak ada lain lagi hendak jawab. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, ada. Sebab saya ada masa lagi untuk jawab soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi masa kita di sini tidak cukup, soalan banyak lagi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Baiklah Tuan Yang di-Pertua. Cadangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita juga kelmarin, telah bincangkan mengenai dengan bahawa bekalan letrik di sekolah-sekolah di Sarawak terutama sekali di sekolah-sekolah luar bandar dan juga sekolah-sekolah di Sabah. Semalam juga telah dibangkit dalam perbincangan Belanjawan untuk membuat cadangan ini kepada pihak kementerian. Oleh yang demikian, saya ambil cadangan Yang Berhormat itu secara serius juga, di mana kita akan berusaha lebih kuat lagi untuk mengadakan bekalan letrik di kawasan-kawasan luar bandar dengan kerjasama kementerian-kementerian yang berkenaan.

Persoalan mengenai dengan bateri ini, saya rasa ini tidak ada – boleh kita terimalah sebab soalan beteri ini, boleh jadi juga kita akan bincang mengenainya selepas ini. Mengenai dengan kalau saya hendak senaraikan satu persatu dengan perancangan kita mengenai sekolah-sekolah luar bandar terutama sekali dari segi ubahsuai dan naik taraf keadaannya itu, saya ada angka-angka ini tetapi oleh kerana masa ya, saya begitu banyak sekali hendak sebut, banyak sangat Tuan Yang di-Pertua, jadi kalaulah pihak Yang

Berhormat inginkan, saya akan berikan kemudian kepada pihaknya, mengenai dengan apakah sekolah-sekolah yang telah kita lakukan perkara ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan, soalan bilangan sekolah yang belum mempunyai bekalan elektrik

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapan bertulis akan dibekalkan.

4. **Datuk Yong Teck Lee [Gaya]** minta Menteri Pertahanan menyatakan bukannya sudah sampai masanya kita bertindak drastik terhadap pendatang tanpa izin yang makin bertambah. Adakah atau bilakah kementerian akan bercadang untuk menggunakan anggota tentera untuk mengatasi kemasukan pendatang tanpa izin ini.

Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat Bandau pada 13 Mac 2000, memandangkan isu yang dibangkitkan adalah sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ke Malaysia adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandangkan masalah ini merupakan ancaman dalam negeri. Namun begitu, sejak akhir-akhir ini, ATM telah diminta untuk membantu KDN dalam usaha membanteras kemasukan PATI ke negara ini menerusi beberapa operasi bersepadu yang melibatkan beberapa agensi seperti ATM, PDRM dan Jabatan Imigresen.

Tidak dinafikan bahawa ATM berperanan mempertahankan negara, khususnya dari sebarang ancaman luar. Memandangkan masalah ini adalah saling berkaitan, ATM turut mengambil tanggungjawab dengan menjalankan beberapa operasi mencegah kemasukan PATI, khususnya di negeri Sabah. Dalam konteks ini, ATM sedang melaksanakan operasinya di empat buah pulau di Timur Sabah iaitu di Pulau Bangi, Pulau Balambangan, Pulau Keniongan dan Pulau Jambongan.

Datuk Yong Teck Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan. Memang kita sedar ada operasi bersepadu, selalu kita baca di surat khabar. Tetapi walaupun demikian, pada minggu yang lalu Timbalan Menteri

di Jabatan Perdana Menteri mengakui bahawa walaupun banyak operasi dan walaupun ada banyak tindakan mencegah kemasukan PTI tetapi masa kini negara Malaysia pada keseluruhan sudah beratus ribu PTI dari banyak negara dan kalau di Sabah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sudah mengakui bahawa ada 100,000 PTI. Walaupun banyak operasi di jalankan jadi memang keadaan yang ada masa kini ada kekurangannya dan kalau kita lihat sebagai tambahan, walaupun pihak polis berusaha dalam ini tetapi bagi menjalankan tugas-tugas biasa, *crime prevention duties*, yang biasa oleh polis pun sudah ada kekurangan anggota polis. Maka saya rasa kalau untuk menanggapi masalah PTI yang serius ini saya rasa bolehlah pihak ATM memainkan peranan yang lebih besar, walaupun bukan mengambil alih pada keseluruhan tugas mencegah kemasukan PTI tetapi boleh memainkan peranan yang lebih besar.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan, tanggungjawab untuk membanteras kemasukan PATI ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri. Dari segi ATM, kami menunggu pelawaan daripada Kementerian Dalam Negeri yang akan mengagihkan kawasan-kawasan tertentu untuk diletakkan di bawah tanggungjawab ATM untuk menjalankan operasi-operasi tertentu. Pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan saya kemukakan kepada pihak yang berkenaan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Masalah pendatang tanpa izin ini memanglah kita tidak nafikan begitu agak sukar untuk kita mengatasi kemasukannya, sama ada melalui laut, darat atau sebagainya. Saya hendak mencadang untuk membuat penjelasan kepada kerajaan sama ada kerajaan bersetuju supaya hukuman tekong, sama ada tekong laut atau tekong darat atau orang atau tuan-tuan punya industri kilang yang memberi pekerjaan kepada pendatang tanpa izin hendaklah di hukum lebih berat lagi, kalau masa ini mungkin hukum buang daerah atau sebagainya. Adakah kerajaan bersetuju supaya mereka ini dikenakan hukuman sebat. Sebab pendatang tanpa izin ini semakin bertambah serius, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada kerajaan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan dalam soalan ini tidak di bawah Kementerian Pertahanan sebab ini urusan yang dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri dan juga Jabatan Peguam Negara. Namun demikian, kerajaan pada keseluruhannya merasakan bahawa perkara ini adalah satu perkara yang sangat serius dan perlu ditangani dengan cara yang lebih berkesan.

[Beberapa Ahli bangun]

Datuk Yong Teck Lee: Tuan Yang di-Pertua, tambahan sedikit. Ancaman dalam negeri tetapi ancaman luar yang melibatkan Kementerian Pertahanan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: sila duduk, sila duduk, Wangsa Maju.

Datuk Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Langkah kerajaan terhadap pendatang tanpa izin yang makin bertambah amatlah mustahak dan relevan. Kita juga telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang kementerian hanya menolong Kementerian Dalam Negeri. Soalan saya, kita juga terima kasih kepada Kementerian Pertahananlah yang telah sanggup membantu Kementerian Dalam Negeri. Berapa banyak anggota tentera yang telah dikerahkan, melibatkan diri dalam gerakan mengatasi masalah ini pada masa ini. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Dari segi kawasan di Semenanjung, bagi kawasan negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan, sekurang-kurangnya 3 buah batalion terlibat di dalam operasi berkenaan dan saya difahamkan di Sabah sekurang-kurangnya 2 batalion terlibat.

5. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab mengapa skim insurans kesihatan negara belum diperkenalkan lagi, apakah halangan yang mengakibatkan kelewatan dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun di jawab pada 22 Februari lalu iaitu soalan daripada Ahli Parlimen Pendang.

Tuan Tan Kok Wai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan ini sudah dijawab.

Tuan Tan Kok Wai: Mengapa selalu dipadamkan. [*Menuding kepada mikrofon*] [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tidak ada kaitan dengan soalan itu.

Tuan Tan Kok Wai: Diskriminasi dari sana. [*Menuding ke arah Telekom*] [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi saya cakap soalan ini sudah jawab.

Tuan Tan Kok Wai: Soalan tambahan boleh ditimbulkan sungguhpun soalan itu telah pun dijawab, soalan yang berbentuk sama [*Disampuk*] pengalaman Tuan Yang di-Pertua di sini pun sudah lama juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, sekarang apa soalan kemukakan, saya benarkan satu soalan.

Tuan Tan Kok Wai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Point of order, ini tidak baca peraturan. [*memegang buku Peraturaran Mesyuarat Dewan Rakyat*]

Tuan Tan Kok Wai: Apa itu Point of order?

Tuan Haji Noh bin Omar: Dalam peraturan ini sebut, kalau soalan yang telah dijawab tidak boleh lagi tanya soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tambahan

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tidak boleh, dalam Peraturan Mesyuarat.

Tuan Tan Kok Wai: Ini sudah menjadi satu amalan dan praktik Dewan ini selama 42 tahun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tunjukkan peraturan, tunjukkan peraturan mana?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Saya akan bagi, saya akan bacakan peraturaran.

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan berapa, tunjukkan?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Saya akan bagitahu kemudian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cheras.

Tuan Tan Kok Wai: Sebelum saya menimbulkan persoalan saya, saya ingin merujuk kepada point of order 44(2) lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cheras, saya sudah benarkan Yang Berhormat keluaran soalan, tolong keluaran, kalau tidak ada, berhenti.

Tuan Tan Kok Wai: Okay. Saya mengaku. Ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa disebabkan ketidaksamaan yang besar pendapatan rakyat Malaysia, di mana segolongan kecil pesakit yang kaya dan berupaya dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang mewah dan selesa di hospital bertaraf lima bintang misalnya sedangkan segolongan besar rakyat yang miskin dan tidak berupaya sering menderita kerana gagal mendapatkan rawatan perubatan yang baik dan selesa di hospital-hospital kerajaan seperti Hospital Kuala Lumpur di mana, keadaannya paling sesak, suasana tidak selesa, kotor, berbau busuk, pesakit

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan, bukan buat ucapan, Yang Berhormat Cheras. *[Disampuk]*

Tuan Tan Kok Wai: Dalam peraturan mesyuarat, soalan boleh ditimbulkan secara berbentuk panjang kalau masalah itu cerita panjang *[Ketawa]* sebab kekecewaan dan penderitaan pesakit miskin dalam negara ini memang cerita panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.

Tuan Tan Kok Wai: Saya terpaksa memanjangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi kalau hendak panjangkan.

Tuan Tan Kok Wai: Tanpa gangguan boleh dipendekkan tetapi mereka di sana yang tidak berdisiplin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Point of order 24.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cheras, sila duduk.

Tuan Tan Kok Wai: Point of order tidak harus ditimbulkan semasa persoalan di

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, Point of order boleh ditimbulkan bila-bila masa sahaja. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cheras, sila ikut peraturan. Sila duduk. *[Disampuk]* Duduk dulu.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Point of order.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Duduklah, tidak tahu undang-undangkah. Bodoh, duduk!

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Point of order 24.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dua puluh apa?

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: 24.

Seorang Ahli: 24 apa?

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: 24(3). Yang mengatakan “tiada pertanyaan tambahan boleh dibenarkan mengenai apa-apa pertanyaan jika Menteri mengisytiharkan bahawa pertanyaan itu telah pun dijawab dalam persidangan sebelum bagi penggal Parlimen ini.” *[Disampuk]* 24.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak sah.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: 24(3).

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana 24(3) pula di sini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Ini buku yang terbaru, terkini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak sah, tidak sah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri,.....

Dr. Tan Seng Giaw: Buku itu tidak sah *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang saya bersetuju tetapi saya sudah kasi kebenaran untuk satu. Jadi, kalau Yang Berhormat bagi Cheras dia tidak minat untuk mengemukakan soalan itu, saya

Tuan Tan Kok Wai: Bukan, bukan Tuan Yang di-Pertua,

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan bagi urusan persidangan yang ke hadapan ini bolehkah Tuan Yang di-Pertua, memutuskan bahawa tidak lagi dibenarkan soalan tambahan jika menteri itu mengisytiharkan soalan itu sudah dijawab lebih awal lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 24. Tuan Yang di-Pertua mesti buat sesuatu petua mengapa dia gunakan buku peraturan yang bukan disahkan oleh Parlimen. Itu tidak boleh diguna [Disampuk] kalau hendak guna, guna di luar.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Kepong, [Ketawa].....

Dr. Tan Seng Giaw: Ini yang sah, itu tidak sah. [Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hei, yang Kepong ini pun sah juga kepong. [Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana sah pula.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Point of order, [Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat] ini yang sah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini, sah ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak betul.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itu sudah diubahsuai.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: ...okay, yang ini sah tak? Ini sah?

Dr. Tan Seng Giaw: Itu sah tapi tak ada.....

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Okay, sah dengar bagi saya baca 24, [Disampuk].....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua saya minta, saya minta kalau

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: 24, saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: biar saya terangkan. Saya benarkan Yang Berhormat bagi Cheras [Disampuk] untuk

mengemukakan soalan tambahan kerana soalan ini [*Sorak*] berada di dalam order paper. Jadi,

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, di Cheras bukan ada soalan tambahan, dia berucap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, sebab

Tuan Moktar bin Radin:ucap tidak tentu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Cheras nampaknya minat untuk mengemukakan soalan tambahan. [*Sorak*] Jadi, Yang Berhormat saya hendak [*Disampuk*]

Tuan Tan Kok Wai: Yang Berhormat Menteri Kesihatan sungguhpun seorang veteran tetapi orang baru dalam Kementerian Pendidikan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah terus, tak payah. Jadi, Yang Berhormat Tuan Lee Kah Choon. [*Disampuk*]

6. **Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bagaimana pemilik-pemilik bangunan boleh dikecualikan daripada membayar caj-caj pementungan untuk bangunan-bangunan yang tidak diduduki.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, premis-premis yang tidak diduduki atau kosong sememangnya layak ditimbang untuk menikmati pengecualian ke atas caj perkhidmatan pementungan.

Umumnya premis hendaklah mengemukakan permohonan pengecualian caj perkhidmatan pementungan terus kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. bersama-sama sesalinan penyata akaun air, bil-bil air atau resit atau surat daripada pihak berkuasa air negeri yang menunjukkan tiada penggunaan air bagi tempoh bangunan berkenaan tidak diduduki. Pihak IWK akan membuat penyelarasan terhadap bil-bil pementungan bagi premis tersebut.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah adakah Yang Berhormat Menteri bercadang memberi pengecualian tersebut dengan retrospective effect memandangkan IWK telah diambil alih oleh kerajaan.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, soal pengambilan alih IWK ini masih belum diputuskan ataupun diumumkan secara rasminya. Jadi, saya rasa soalan itu tidak dapat saya jawab kerana itu memang dalam bidang kuasa kementerian lain.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, mengapa penswastaan perkhidmatan pembedung ini yang dijalankan oleh IWK ini tidak berjaya, apa sebabnya sehingga kena diambil alih oleh kerajaan?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebarang pengesahan mengatakan bahawa projek penswastaan ini telah gagal. Dari segi perkhidmatan pembedung memang perkhidmatan itu diteruskan dan tidak ada terjejasnya. Apa yang telah 'dibangkit-bangkit' ialah soal pengambilan alih IWK. Itupun satu soal hanya melibatkan ownership equity IWK, ia tidak ada kaitan tentang sistem pembedung ataupun perkhidmatan.

Pada masa ini kerajaan masih mengawasi dan sentiasa menjaminkan perkhidmatan itu dijalan dengan licin dan pada pendapat ataupun sepanjang pengetahuan kerajaan terutamanya kementerian saya perkhidmatan pembedung itu tidak ada dilambatkan langsung, sebaliknya telah pun diperbaiki kalau dibandingkan dengan dahulu.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Sejak IWK wujud di negara kita, nampaknya bebanan perbelanjaan kepada soal-soal pembedung ini bertambah dan saya mendapat maklumat daripada pihak sekolah berasrama penuh di mana sekolah-sekolah berasrama penuh, mereka terpaksa membayar bayaran kepada IWK dalam bentuk ataupun bayaran kos yang agak tinggi RM5,000 sehingga RM6,000 dan ini berkaitan dengan takrif yang diberikan oleh IWK kepada bangunan-bangunan sekolah berkenaan sebagai bangunan awam.

Dengan kos yang tinggi ini akan menimbulkan bebanan kepada pihak sekolah-sekolah berasrama penuh dan juga mungkin akan menjejaskan urusan-urusan dan juga kos-kos lain yang boleh mungkin dapat ditampung oleh

sekolah berkenaan. Ini saya bimbang akan menimbulkan masalah dari segi kemudahan-kemudahan lain di sekolah-sekolah berasrama penuh.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan sedar dengan masalah ini dan adakah kerajaan dapat memikirkan satu cara di mana takrif yang diberikan kepada pihak sekolah-sekolah berasrama penuh ini, takrif yang bersesuaian yang dapat ditanggung oleh pihak sekolah yang berkenaan. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat telah maklum sejak timbulnya isu pembayaran perkhidmatan pembetulan ini kerajaan telah buat keputusan dua kali. Sekali dalam tahun 1996 bermula 1 Januari 1997, dia punya kadar bayaran telah dikaji semula sehingga banyak premis individu dan perumahan telah pun dikurangkan daripada permulaan.

Kemudian, satu lagi kajian semula telah dibuat dalam tahun 1998 di mana pengurangan selanjutnya terhadap bangunan-bangunan komersial telah pun dikenakan. Pada masa kini, oleh kerana terdapat banyak sangat dia punya pandangan yang berbeza-beza, kerajaan telah pun melantik melalui EPU ataupun Jabatan Perdana Menteri telah melantik juruperunding untuk membuat kajian ke atas penyusunan semula IWK secara menyeluruh, dengan tumpuan khusus ke atas sistem kutipannya.

Jadi, Yang Berhormat telah bangkitkan pasal sekolah berasrama penuh, kerajaan akan memberi perhatian apabila juruperunding telah mengemukakan dia punya hasil kajian, kerajaan akan ambil kira pandangan itu.

7. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) jumlah pelanggan Internet di negara kita sehingga 31/12/1999. Bagaimana penggunaan Internet di negara kita jika dibandingkan dengan negara-negara di rantau Asia Pasifik; dan
- (b) apakah program atau rancangan kementerian untuk meningkatkan lagi penggunaan Internet di kalangan rakyat Malaysia dan buat masa yang sama mengawasi penggunaan Internet supaya tidak menyebarkan maklumat yang tidak benar termasuk perkara fitnah.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Amar Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat penggunaan Internet di kalangan penduduk Malaysia setakat ini dianggarkan melebihi 1.5 juta dengan jumlah 750,000 pelanggan. Kadar penggunaan Internet di Malaysia adalah dianggarkan 7% bagi setiap 100 penduduk. Berdasarkan perangkaan ini kadar Internet di Malaysia adalah masih rendah dan kita berpendapat perlu dipertingkatkan.

Bagi soalan bahagian (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara lain matlamat dasar kebangsaan kerajaan ialah untuk memastikan penyediaan perkhidmatan sama rata yang mampu dibayar oleh pengguna. Sehubungan ini, antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ialah:

- (i) mengadakan program yang dikatakan universal service provision bagi industri communication dan multimedia;
- (ii) memperkenalkan perintis projek e-community, bertujuan untuk memperkenalkan kegunaan Internet dan sebagainya kepada komuniti-komuniti khusus di luar bandar.

Juga seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di waktu memperkenalkan Budget minggu yang lepas bahawa insentif kemudahan pemilikan pembelian komputer peribadi juga telah diperkenalkan.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Memandangkan pelanggan Internet di negara kita masih dikatakan kurang ataupun rendah dan usaha kerajaan untuk memajukan dari segi bidang IT di negara kita – tadi saya dengar ada sebut tentang e-community dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan lebih lanjut tentang e-community dan saya pernah dengar e-bureau dan sebagainya. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri melanjutkan penjelasan ini dan berapa e-community telah ditubuhkan dan bagaimana pencapaian setakat ini? Terima kasih.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kita memperkenalkan projek yang dikatakan e-community ini untuk bertujuan

mengenal pasti apakah tujuan kegunaan alat-alat seperti komputer dan sebagainya khususnya di tempat-tempat yang lebih terpencil lagi.

Kita sekarang telah pun membuat persediaan secara pilot project, tujuh projek e-community yang telah diperkenalkan.

- (i) di Pendang, Kedah;
- (ii) di Kota Samarahan, Sarawak;
- (iii) di Bario, Sarawak juga.

Dan juga kita memperkenalkan satu lagi yang dikatakan merangkumi dengan izin, *charitable homes* di negara kita ini. Sebahagian dari menentukan apakah harus kegunaan Internet dan IT dalam kalangan masyarakat tersebut. Misalannya, di Pendang satu dari projek yang kita perkenalkan sekarang ialah untuk menentukan kegunaan IT bagi penduduk-penduduk tempatan dalam melibatkan 500 orang wanita dalam tugas harian mereka. Ini satu cara yang kita perkenalkan kepada rakyat kita sekarang.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita mengucapkan syabas kepada kerajaanlah. Boleh dikatakan di negara kita ini dari segi service providersnya sudah diwujudkan satu level landfill, dengan izin, syabaslah. Sekarang saya sudah ada banyak service providers dari segi kemudahan Internet ini. Tetapi saya hendak balik semula kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kluang tadi tentang – saya orang panggil ini 'Pendemokrasian Internet'. Nelayan kalau dahulu mereka belayar dalam laut, apakah mereka ini mampu peluang diberi untuk hendak belayan dalam cyber laut pula. Saya hendak bertanya bagaimana kita hendak pastikan supaya tiap-tiap masyarakat di Malaysia ini, mungkin termasuk yang di rumah panjang Yang Berhormat sendiri. Mengapa tidak mereka juga served dalam cyber daripada rumah panjang.

Ini kalau dahulu Internet ini hanya kepada mereka yang influence yang mampu tetapi sekarang ini kalau dilihat di luar negara Internet ini sudah menjadi satu perkara yang asas seperti juga keupayaan untuk mendapatkan api elektrik, telefon dan lain-lain. Saya hendak bertanya sedikit adakah kerajaan timbang supaya tiap-tiap tempat di luar bandar, sekurang-kurangnya di balai balai raya, di pejabat pos, tiap-tiap bandar di pejabat pos, rumah panjang

sendiri Datuk. Alangkah bangganya masyarakat Dayak di sana surfing in Internet di rumah panjang itu sendiri. Bagaimana ini menjadi satu natijah hasrat kita untuk semua bangsa menikmati perkhidmatan Internet ini. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari hakikat bahawa perlunya kita mengurangkan perbezaan di antara kaum-kaum dan penduduk di tempat yang terpencil jika dibanding dengan tempat yang lebih maju lagi seperti di Klang Valley dan sebagainya. Berkaitan dengan perkhidmatan IT juga, itulah tujuan kerajaan dan hasratnya.

Walaupun demikian, kita pun menyedari sukar untuk kita memenuhi harapan itu dengan serta merta atau sekali gus. Tujuan kita ialah untuk memperkenalkan alat-alat ini ataupun perkhidmatan ini tertumpu kepada sekolah-sekolah sebagai priority pertama. Juga tertumpu kepada komuniti-komuniti yang tertentu.

Yang Berhormat bagi Rompin telah menyebut kegunaan post office dan sebagainya. Sebenarnya, ini suatu rancangan yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan juga untuk mewujudkan rangkaian kegunaan IT base dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, community base, kegunaan community base yang akan menggunakan post office, akan menggunakan tempat-tempat yang lain di mana yang sesuai. Satu dari cabaran untuk mewujudkan ini ialah untuk menentukan rangkaian atau teknologi yang boleh membantu kita berbuat demikian dengan harga yang lebih munasabah lagi.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya hendak tanya Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia mengenai rancangan yang akan dibuat oleh kementerian untuk melatih ataupun memberitahu ataupun educate Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional kerana apabila tiap-tiap kali kita sebut pasal Internet ini selalu mereka kononnya, dengan perkara-perkara fitnah sedangkan dalam Internet itu betapa kayanya maklumat-maklumat yang ada yang boleh digunakan untuk membangunkan negara.

Jadi, saya harap kerana Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ini pemikiran mereka terpenjara. *[Tepuk]*

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Internet ialah suatu teknologi yang mempunyai kekuatannya dan mempunyai

kelemahannya dari segi akses dan sebagainya. Bagi kita ialah kita harus memperkenalkan untuk menggunakan alat ini secara bertanggungjawab dan kita berharap tidak ada pihak di negara ini yang menggunakan Internet ini untuk menyebarkan fitnah, [*Tepuk*] sekiranya menyebarkan fitnah tujuannya kegunaan Internet dengan tidak baik. Terima kasih.

[Soalan No. 8 - Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud [Kuala Krai] tidak hadir]

9. **Tuan Kong Cho Ha [Lumut]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah perancangan dan tindakan pihak kerajaan dalam memajukan dan membangunkan infrastruktur pelancongan di Pulau Pangkor selain daripada memperkenalkan destinasi tarikan pelancongan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, Pulau Pangkor adalah merupakan salah satu destinasi pelancongan yang terkenal di Malaysia kerana pantainya yang indah dan bersih. Memandangkan kepada populariti Pulau Pangkor sebagai salah satu destinasi pelancongan utama negara, kementerian di bawah Rancangan Malaysia Keenam telah membelanjakan sebanyak RM7.9 juta bagi menyediakan dan mempertingkatkan pelbagai kemudahan infrastruktur pelancongan di Pulau Pangkor.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh pula sebanyak RM4.5 juta yang disediakan telah dibelanjakan untuk kemudahan-kemudahan pelancongan di pulau ini. Di antara perancangan dan tindakan pihak kerajaan dalam memajukan dan membangunkan infrastruktur pelancongan di Pulau Pangkor termasuklah:

- (i) membangun dan mempertingkatkan kemudahsampaian pelancongan ke Pulau Pangkor serta kemudahan infrastruktur di persekitaran Pulau Pangkor supaya lawatan mereka mengikut jadual, selamat dan selesa serta dapat memenuhi cita rasa mereka;
- (ii) kemudahsampaian tersebut termasuklah pembangunan dan penyelenggaraan landasan kapal terbang kecil, pemberian dan peningkatan jeti atau terminal-terminal

- berlepas dan di pintu-pintu masuk Pulau Pangkor, membina, menaik taraf dan membaiki jalan pelancongan keliling Pulau Pangkor;
- (iii) melaksanakan program pengindahan dan kebersihan tempat-tempat pelancongan di Pulau Pangkor seperti membina landskap di Teluk Ketapang, Teluk Nipah, Carol Bay serta laluan baru;
- (iv) menyediakan dan mempertingkatkan kemudahan pelancongan seperti membina dewan konvensyen dan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan dengannya untuk menjadikan Pulau Pangkor destinasi myth; dan
- (v) membina jambatan gantung di trek-trek hutan, menyediakan trek basikal, membina tempat-tempat berteduh, gerai-gerai, pusat penerangan pelancongan dan sebagainya.

Terima kasih.

Tuan Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pelancongan, terima kasih kerana telah banyak membawa pembangunan ke Pulau Pangkor dan oleh kerana itu industri pelancongan begitu maju.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2000 adalah Tahun Melawat Negeri Perak dan Tentera Laut Diraja Malaysia akan mengadakan Hari Armada pada bulan Mei dan Pesta Laut Lumut juga akan diadakan pada bulan Mei. Di sini saya mengalu-alukan Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk melawat Lumut dan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Kong Cho Ha:Pulau Pangkor pada bulan Mei. Itu waktu iklan. Sekarang

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Kong Cho Ha:Pekan Lumut.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cheras, Cheras sila duduk.

Tuan Kong Cho Ha:amat kekurangan tempat

Tuan Tan Kok Wai: *[Bercakap dan pembesar suara tidak dihidupkan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cheras, Cheras, Cheras jangan buat demikian.

Tuan Kong Cho Ha:Pekan Lumut amat kekurangan tempat meletak kereta untuk pelawat ke Pulau Pangkor khususnya pada musim pelancongan, perayaan. Untuk mengatasi masalah tersebut bolehkah *[Disampuk]* Kementerian Pelancongan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cheras, ini tanggungjawab saya. Yang Berhormat bagi Lumut tolong keluarkan soalan tambahan.

Tuan Kong Cho Ha: Jadi, untuk mengatasi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cheras!

Tuan Kong Cho Ha:untuk mengatasi masalah tersebut bolehkah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cheras jangan sentiasa *[Disampuk]* cuba hendak cabar peraturan. *[Disampuk]* Sila duduk.

Tuan Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang 'bersoal'

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lumut, Lumut soalan.

Tuan Kong Cho Ha:bolehkah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengambil langkah-langkah untuk membina kompleks, meletak kereta bertingkat di Pekan Lumut dalam Rancangan Malaysia Kelapan. *[Sorak]* Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian akan berunding dengan Majlis Daerah Lumut untuk melaksanakan projek tersebut, insya-Allah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM7.9 juta untuk mengadakan pelbagai kemudahan di Pulau Lumut dan juga dalam Rancangan Malaysia Ketujuh RM4.5 juta. Jadi, berkaitan dengan Pulau Pangkor telah

dibelanja sekian banyak, saya ingin bertanya bagaimana pula dengan negeri-negeri di pantai timur umpamanya negeri Kelantan dan Terengganu, sebanyak manakah peruntukan yang akan dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerana kita bimbang takut-takut terjadi seperti mana *Le Tour de Langkawi* di mana mengecualikan Kelantan dan Terengganu apabila diperintah bukan daripada parti yang sehaluan. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu angka sebenarnya, tetapi saya penuh yakin bahawa angka yang kita telah belanja untuk Terengganu dan juga Kelantan adalah berlipat ganda dari apa yang kita telah rancangkan, malah untuk menyatakan sikap kami terhadap Kelantan dan Terengganu khususnya dari segi pelancongan, saya sendiri telah tulis surat kepada Exco pelancong di kedua-dua negeri untuk memperingatkan mereka supaya projek-projek untuk RM-8 itu dimasukkan sebelum tarikh tutup.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Selain daripada perancangan dan tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi memaju dan membangunkan infrastruktur pelancongan di Pulau Pangkor, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah kerajaan telah membuat kajian yang menyeluruh di seluruh negara untuk mengenal pasti tempat-tempat yang menarik, yang perlu dibangunkan bagi mempromosikan industri pelancongan di negara kita.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kajian itu dijalankan sepanjang masa dan dijalankan bersama-sama dengan pihak berkuasa pelancongan di negeri masing-masing dan sekarang ini kita sedang menyediakan senarai projek-projek untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi seluruh negara.

10. Tuan Chang See Ten [Gelang Patah] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang berkesan untuk menyeragamkan dasar dan undang-undang pihak-pihak berkuasa tempatan memandangkan masih terdapat 70 pihak-pihak berkuasa tempatan belum menerimapiakai pindaan Seksyen 102(s) Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, penyeragaman dasar dan undang-undang pihak

berkuasa tempatan sudah tercapai melalui pemakaian Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) bagi Semenanjung Malaysia. Persetujuan di peringkat Majlis Negara bagi kerajaan tempatan akan memastikan semua negeri-negeri menguatkuasakannya secara seragam melalui proses penerimaanpakai di peringkat negeri masing-masing.

Dalam hal pindaan seksyen 102(s) Akta 171 masih terdapat negeri-negeri yang belum mengambil tindakan menerimapakai. Kementerian saya sedang memantau kedudukan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal Jawab ini tamat.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.8 dan 11 hingga 23 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah

Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 1999 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 adalah dibatalkan hendaklah disahkan” [1 Mac 2000].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sipitang dijemput menyambung ucapan.

11.05 pagi

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon menyambung ucapan saya semalam.

Pada masa ini masih ramai lagi nelayan tradisional ini yang berada di luar bandar. Mereka ini adalah generasi tua yang dari dahulu lagi mengamalkan industri tersebut. Walaupun anak-anak mereka mewarisi industri tersebut.

Saya mohon penjelasan dari Kementerian Pertanian Malaysia mengenai bilangan nelayan tradisional ataupun nelayan kecil di seluruh negara dan pecahan mengikut negeri masing-masing.

Pada masa ini, keadaan ekonomi mereka adalah begitu tertekan oleh beberapa faktor. Saya faham benar, Tuan Yang di-Pertua, cara hidup nelayan kecil ini kerana saya juga adalah anak salah seorang nelayan kecil kampung yang mengamalkan industri perikanan secara kecil-kecilan ini.

Pertama, bahawa kawasan penangkapan tradisional mereka selalu terganggu akibat diceroboh oleh kapal-kapal tunda dan juga kapal-kapal luar ataupun pendatang asing.

Yang kedua, adanya pendatang asing yang datang menangkap ikan menggunakan peralatan yang diharamkan seperti bom ikan, racun dan sebagainya.

Yang ketiga, tempat mereka mencari rezeki semakin sempit akibat bilangan nelayan ini juga bertambah dan akibat pembangunan dan kemajuan di mana sungai dan pesisiran pantai dicemari oleh sisa industri, ditimbus oleh hasil hakisan menjadikan kualiti sungai ataupun dalam sungai menjadi cetek dan sumber ikan, udang dan hidupan laut menjadi kurang dan pupus.

Tuan Yang di-Pertua, nelayan tradisional ini juga perlu sedar dan saya merayu mereka perlu berubah mengikut keadaan masa dan mereka tidak boleh kekal mengamalkan cara lama sekiranya semakin menyusahkan mereka.

Saya mohon penjelasan dari Kementerian Pertanian, apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk nelayan-nelayan kecil dan tradisional ini supaya hidup mereka ini berubah.

Saya mohon turut mencadangkan perkara-perkara berikut kalau boleh dilaksanakan, yang pertama, oleh kerana kehidupan nelayan tradisional ini terancam masa ini akibat dari pencerobohan dan gangguan luar, maka mereka perlu dilindungi melalui penguatkuasaan undang-undang. Bilangan kakitangan dan peralatan serta kemudahan untuk penguatkuasaan ini sekiranya tidak mencukupi perlulah ditambah dan dilaksanakan.

Yang kedua, peruntukan yang lebih hendaklah diberi untuk perbelanjaan pembiayaan latihan anak-anak nelayan ini khususnya yang masih berada di kampung-kampung mengenai industri kecil perikanan laut, akuakultur, ikan kolam, ikan sangkar dan pengeluaran untuk makanan-makanan ikan dan juga pengeluaran benih-benih ikan.

Yang ketiga, nelayan-nelayan individu ini hendaklah digabungkan untuk menjadi satu kumpulan ataupun konsortium supaya lebih upaya dan mereka ini pula boleh bergabung dengan tokoh-tokoh yang telah maju seperti tokoh korporat bagi melibatkan mereka dalam industri perikanan secara komersial yang lebih besar. Peranan pegawai-pegawai dan komitmen politik juga perlu untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelaksanaan ini, kita berubah daripada tradisional kepada yang lebih baik dan tentunya rakyat, khususnya nelayan di luar bandar yang miskin ini boleh terbela dan boleh menikmati hidup yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin masuk mengenai dengan pekerja asing. Kita bersyukur negara kita semakin maju

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sipitang, ada Yang Berhormat yang bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Okay.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan berhubung dengan nelayan tradisional tadi, satu perkara yang menjadi masalah di tempat saya, di luar pantai Bachok ialah masalah lesen yang dikenakan oleh pihak berkuasa dalam usaha mereka untuk menangkap tangkapan di pesisiran pantai, mereka dikenakan pelbagai lesen mengikut hasil yang mereka hendak pada musim sotong terpaksa mengambil lesen sotong, semasa udang, bilis dan sebagainya.

Jadi, bolehkah dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan mereka ini, persoalan lesen itu dipermudahkan oleh pihak berkuasa dan saya mencadangkan adakah pihak Yang Berhormat bersetuju supaya satu lesen sahaja dikenakan kepada mereka untuk menangkap semua tangkapan di pesisiran pantai. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih rakan saya yang bertanya soalan. Kita ada peraturan dan sudah semestinya yang saya katakan tadi bahawa peraturan-peraturan ini diikuti. Jikalau perlu lesen, kita keluarkan lesen dan pelbagai lesen mengikut kemampuan mereka tetapi apa yang penting ialah lesen itu dikeluarkan mengikut peraturan dan penguatkuasaannya supaya ada orang yang tidak ada lesen pun membuat kerja-kerja yang tidak sepatutnya mereka lakukan. Jadi, ini menyusahkan orang yang sudah diberi lesen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur negara kita semakin maju dan banyak peluang pekerjaan. Keengganan rakyat kita bekerja di sektor perladangan, pembinaan dan pembuatan, membuka ruang kepada pekerja asing di negara kita. Oleh kerana permintaan yang mendesak, maka wujudnya agensi-agensi mengendalikan pekerja asing ini baik secara sah dan tidak kurang juga yang dilaporkan yang beroperasi secara tidak sah melalui sindiket-sindiket tertentu. Tentunya yang akhir-akhir ini kita lihat bahawa pekerja-pekerja asing ini telah pun bertukar menjadi pendatang asing tanpa izin akibat daripada berleluasanya agensi-agensi yang tidak sah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan dari Kementerian Dalam Negeri, apakah bilangan angka pekerja asing ini mengikut negara asal mereka dan di sektor manakah mereka ini ditempatkan. Berapa pula bilangan pendatang asing tanpa izin yang masih berkeliaran yang belum ditangkap

ataupun yang belum dihantar pulang di negara ini. Setakat ini berapakah yang telah dihantar pulang sejak lima tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bertanyakan soalan itu kerana saya melihat bahawa keadaan ataupun masalah pekerja asing ini nampaknya semakin sukar diselesaikan dan menjadi kegelisahan orang awam pada masa ini. Walaupun negara kita perlu pekerja asing ini tetapi satu tindakan yang tegas perlu diambil untuk menyedarkan rakyat asing ini bahawa negara kita juga berdaulat dan ada peraturan-peraturan. Agensi-agensi pekerja asing haruslah mengikut peraturan ataupun garis panduan yang telah dilaksanakan.

Penguatkuasaan hendaklah diperketatkan dan dilaksanakan, kalau tidak bagaimana boleh berlaku ada setinggian dan perkampungan pendatang asing seperti yang dilaporkan baru-baru ini, 300 pendatang asing berkampung di Kampung Limau Manis di negeri Selangor. Bagaimana boleh ada pendatang asing boleh membina rumah banglo di tanah-tanah kerajaan dan bagaimana boleh pulau-pulau di Sabah ada yang dikuasai oleh pendatang asing seperti penempatan di Pulau Gaya, Pulau Dahat dekat Labuan dan lain-lain pulau kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sipitang, Ahli Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, dia hendak kacau saja.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat berkenaan dengan pendatang asing ini, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pendatang asing ini mereka suka berkahwin dan berfoya dengan wanita tempatan dan apabila mereka berkahwin atau ada hubungan sulit dengan mereka, pada satu masa kemudian mereka terus balik ke negara asal mereka dan tinggallah sahaja perempuan dan anak mereka di sini dan ini menyebabkan satu masalah sosial. Apakah Yang Berhormat hendak mendesak kerajaan supaya mengambil langkah untuk membanteras perkara ini?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, ini memang berlaku, memanglah kalau sudah bujang di negara orang bertahun-tahun memang perlu untuk mengisi ruang kekosongan tersebut, tetapi yang salahnya ialah ada di antara rakyat Malaysia ini yang tidak faham bahawa mereka juga melayan pendatang-pendatang ini dan satu masa dahulu kita telah bincangkan perkara ini, kalau boleh saya merayu kepada rakyat Malaysia supaya tidak melibatkan diri dengan pendatang asing ini dan tidak berkahwin dengan pendatang asing ini kerana nasib masa depan mereka sukar apabila mereka berkahwin nanti seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Saya bersetuju dan kita orang-orang politik perlu memberi sokongan
.....

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Ini yang last.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat Sipitang. Berkaitan dengan perkahwinan pendatang asing dengan rakyat tempatan ini, mereka melahirkan anak dan adakah anak-anak yang dilahirkan dengan pasangan pendatang asing ini dapat didaftarkan sebagai Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan dan boleh masuk sekolah kerajaan dan apa kiranya kalau pendatang asing ini tidak mahu balik, pasal ikut buku-buku kita lihat dalam sejarah negara-negara di dunia ini, payah pendatang asing ini hendak balik, setengah mereka tinggal di negara yang baru mereka hijrah ini.

Jadi, satu lagi, satu kekeliruan, satu syak wasangka wujud di setengah kalangan bahawa sebenarnya ada satu perlindungan politik untuk membolehkan pendatang asing ini mendapat tempat di negara kita atau mungkin kita tukar sahaja mereka jadi warganegara kita, macam mana?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Yang Berhormat sudah main politik di sana! Kita ada peraturan, jadi terpulang kepada peraturan yang ada itu untuk dilaksanakan dan jelas peraturan itu menerangkan bahawa perkara-perkara seperti itu diselesaikan secara peraturan-peraturan yang ada. Dan ini bukanlah soal politik saya rasa, ini adalah peraturan negara.

Saya bersetuju bahawa kita orang-orang politik perlu memberi sokongan kepada tindakan-tindakan kerajaan yang melaksanakan penguatkuasaan ini, janganlah kita seandainya memberi sokongan ataupun mencegah daripada perkara ini dari diambil tindakan.

Saya mohon pihak penguasa tempatan seperti majlis daerah, majlis perbandaran terus melaksanakan penguatkuasaan ini. Yang pertama Ops Pemutihan hendaklah dibuat secara berterusan. Yang kedua, majikan yang engkar dan tidak mengikut peraturan dan mengambil pekerja asing secara haram perlu diambil tindakan tegas dan ini hendaklah terus-terusan dibuat, jangan cuma dibuat secara sekali-sekali sahaja.

Agensi-agensi pekerja asing mestilah lebih bertanggungjawab dan sah, jikalau ada agensi-agensi pendatang asing yang haram ataupun yang tidak berdaftar hendaklah dihapuskan dan diambil tindakan segera.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini timbul masalah baru yang membongkar perilaku majikan-majikan terhadap pembantu rumah mereka, sama ada didera ataupun diseksa secara fizikal dengan mencederakan ataupun secara mental, secara tidak membayar gaji dan secara psikologi keseluruhannya dengan merogol pembantu-pembantu rumah mereka.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ada senarai, tetapi terlalu panjang untuk kita bacakan senarai ini. Saya ada beberapa contoh sahaja, misalnya kes Dahlia Abdul Hamid yang telah dipukul oleh majikan. Queen Gilir didera, Any Widhya – 17 tahun didera oleh teman wanita majikan. Julita Masumi – 18 tahun dirogol oleh majikan. Dan kes yang serius baru-baru ini ialah Khusiah Marijan – 32 tahun dipukul oleh isteri majikan dan hingga masuk ke rawatan rapi. Saya rasa banyak lagi kes-kes tidak dilapor oleh kerana pembangu-pembantu rumah ini takut ataupun sama ada takut kepada majikan dan juga takut kepada pihak berkuasa kerana mereka ini mungkin pekerja haram yang tidak mempunyai permit yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat tidak kurang juga pula ada kes-kes pembantu rumah mendera, cubaan mencolek dan membunuh anak-anak majikan mereka. Saya mohon kementerian yang berkenaan kalau boleh memberi data, apakah bilangan kes-kes seperti ini di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kecenderungan seperti ini perlu dihentikan, perbuatan tidak bertanggungjawab oleh majikan dan juga pembantu-pembantu rumah ini wajar diambil tindakan dengan serius. Saya mohon penjelasan daripada kementerian, apakah ada kajian daripada Kementerian Sumber Manusia ataupun Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengenai dengan sebab-sebab kes penderaan ini berlaku, apakah punca daripada majikan-majikan ini merasa geram kepada pembantu-pembantu rumah mereka sehingga sanggup melaksanakan atau melakukan penderaan ataupun penganiayaan kepada pembantu-pembantu mereka.

Dan senarai ini..., sebab-sebab ini disenaraikan, diamalisa supaya tindakan tegas ataupun langkah-langkah untuk menyelesaikan dapat dibuat dan tidak berulang sekali lagi. Mengikut laporan-laporan akhbar dan juga aduan-aduan majikan, memang ramai pembantu-pembantu yang mereka ada, mereka perolehi daripada agensi-agensi buruh asing ini bahawa pembantu-pembantu ini memang tidak cekap dengan kerjaya mereka, tidak patuh kepada arahan, cepat lupa arahan, di bawah umur dan juga berbagai-bagai masalah yang menyebabkan majikan-majikan ini merasa tidak senang hati. Masalah ini perlu disegerakan. Oleh itu perlu ada tindakan secara menyeluruh apakah kementerian telah membuat satu penyelarasan dengan pihak-pihak yang berwajib, misalnya, sekarang ini bahawa pekerja asing ini ada sekurang-kurangnya empat agensi yang bertanggungjawab iaitu Jabatan Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Perpaduan Negara dan juga Jawatankuasa Kabinet Buruh Asing di peringkat Kabinet negara kita. Jadi, apakah ada penyelarasan untuk menyelesaikan masalah ini supaya perkara-perkara seperti ini tidak berulang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan kedudukan keharmonian negara kita pada masa ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rantau Panjang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Hasil daripada penjelasan yang diberikan oleh sahabat saya tadi, boleh kalau saya membuat satu kesimpulan, setuju atau tidak iaitu, undang-undang dan peraturan yang dibuat

oleh kerajaan sekarang ini tidak menjamin rakyat yang memiliki pekerja-pekerja asing ini dan bolehkah kalau saya minta penjelasan supaya saudara memberi satu pandangan yang corak dan cara pentadbiran kerajaan sekarang ini kalau tidak dititikberatkan tentang unsur-unsur agama ini, keadaan ini akan berterusan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Kita mempunyai undang-undang. Undang-undang yang ada di negara kita ini sudah cukup baik dan telah menjamin sejak kita merdeka bahawa keharmonian dan apa-apa juga di negara kita ini telah berjalan dengan baik. Cuma yang saya tegaskan tadi ialah ada ruang-ruang penguatkuasaan undang-undang itu tidak dilaksanakan dengan baik dan ada juga orang-orang tertentu yang mengambil kesempatan daripada undang-undang tersebut dan juga cuba lari daripada undang-undang untuk kepentingan sendiri dan inilah yang kita tegaskan. Tidak sekali bahawa keupayaan pemimpin ataupun kerajaan kita tidak boleh, kita boleh, cuma penguatkuasaan sahaja yang perlu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut bersyukur sekali lagi bahawa selama ini semua kaum di negara kita telah hidup dengan harmoni. Walaupun agama Islam adalah agama rasmi negara tetapi lain-lain agama juga tidak dihalang, malah diberi kebebasan mengamalkan fahaman agama masing-masing. Rumah-rumah ibadat juga telah pun didirikan seperti tokong, kuil, gereja di seluruh pelosok negara. Isu kepelbagaian agama ini telah berjalan dengan baik dan tidak pernah dijadikan isu politik selama ini, sebelum ini, tetapi apa yang menyedihkan ialah apa yang berlaku pada penganut agama Islam itu sendiri, khususnya orang-orang Melayu di Malaysia ini. Sejak kita merdeka, agama Islam telah terpelihara dengan baik di bawah UMNO. Dalam Perlembagaan UMNO jelas ditekankan untuk menjaga agama Islam tetapi yang sedihnya sejak kewujudan parti P.A.S ini yang dikatakan Parti Islam SeMalaysia ini pula pada awalnya tidak menampakkan ciri-ciri untuk memecahbelahkan penganut agama Islam ini tetapi sejak akhir-akhir ini nampaknya menjadi semakin serius dan perpecahan dan juga perbezaan pendapat di kalangan umat Islam di Malaysia ini semakin ketara.....

Tuan A. Bakar bin Haji Othman: *[Mengetuk pembesar suara]* Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Sekejap, Tuan Yang di-Pertua. Nanti saya habis dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun ya. Hendak beri jalan atau tidak? Baik.

Tuan A. Bakar bin Haji Othman: Saya tertarik dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sipitang bahawa UMNO Barisan Nasional memelihara kemurnian agama Islam. Yang mengeluarkan lesen bagi judi dan arak yang jelas bercanggah dengan ajaran agama Islam yang termaktub dalam Al-Quran, siapakah yang mengeluarkan lesen-lesen bagi perkara-perkara yang diharamkan itu? Minta penjelasan, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Sebelum saya menjawab, saya ingin tanya, di Terengganu siapa yang memberi kebenaran menjualkan arak di Terengganu dan juga perkara-perkara yang lain? Jadi, ini adalah kerajaan kita yang majmuk.....

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Penjelasan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak mahu beri jalan, terlampau banyak, saya ada banyak lagi hendak bercakap ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Ini kerana Islam telah digunakan oleh sekumpulan pemimpin dan dicampuradukkan dengan kepentingan untuk politik mereka.

Saya kesal dengan kenyataan Ketua Pembangkang melalui hujah semasa membahas Titah Diraja pada masa yang lalu bahawa beliau menyatakan bahawa, saya quote: "*Hujah harus dibalas dengan hujah*". Ini kalau boleh merangkumi bahawa kenyataan-kenyataan maksud beliau bahawa hujah-hujah yang dibuat oleh pemimpin PAS tidak sepatutnya diambil tindakan, cuma kita balas dengan hujah tetapi bagaimana dengan hujah yang berunsur fitnah, apakah kita juga harus membalas dengan fitnah. Tentu sekali pemimpin Barisan Nasional tidak akan membalas dengan fitnah. Saya merasa kesal juga tidak pernah secara terus terang dan jelas daripada Ketua

Pembangkang atau pemimpin PAS menyatakan atau menyeru secara terbuka bahawa janganlah kita menabur ataupun membuat fitnah kepada sesiapa, kepada ahli-ahlinya. Selalunya Ketua Pembangkang ini membela kenyataan-kenyataan pemimpin-pemimpin di peringkat bawah.

Tuan Yang di-Pertua, isu agama ini adalah isu sejagat sepatutnya. Ia adalah milik semua orang khususnya semua orang Melayu dan juga orang-orang yang ingin memeluk agama Islam. Ia sepatutnya kita perjuangkan bersama. PAS tidak sepatutnya mengaku mereka sahaja yang Islam kerana orang lain juga Islam. Adalah tidak layak untuk menuduh orang lain tidak Islam kerana bukan orang yang menentukan bahawa seseorang itu Islam ataupun yang lebih Islamnya, itu tergantung kepada Allah S.W.T. Sepatutnya orang-orang Melayu, pemimpin-pemimpin PAS bersama-sama untuk memperjuangkan Islam, bukan sahaja di Malaysia tetapi kita harus menyumbang, bersatu tenaga untuk membela perjuangan Islam itu di seluruh dunia. Kita harus bekerjasama untuk membela rakan-rakan kita, rakyat Islam di negara-negara lain yang teraniaya. Kita perlu bekerjasama dengan negara-negara OIC iaitu Pertubuhan Negara-negara Islam Sedunia untuk memperjuangkan isu-isu sejagat orang Islam itu sendiri.

Misalnya, melalui Tabung Haji, janganlah dipertikaikan. Tabung Haji telah pun membuat kerja-kerja yang begitu baik. Terdapat banyak masalah, misalnya sekarang ini masalah jemaah haji kita. Jemaah haji kita, saya telah buat umrah juga dan pernah naik haji. Sistem Imigresen di Arab Saudi – kita terpaksa menunggu berjam-jam untuk melepaskan pemeriksaan Imigresen, dan semasa haji dan semasa umrah. Kemudian kita mempunyai masalah dari segi pengangkutan jemaah haji baik daripada Jeddah ke Mekah, daripada Mekah ke Madinah, daripada Madinah ke Mekah dan daripada Mekah ke Arafah itu sendiri. Apakah peranan daripada Tabung Haji, apakah perkara ini telah pun dibincangkan di peringkat OIC supaya satu sistem Imigresen yang lebih baik dan satu sistem pengangkutan yang lebih baik perlu dibuat di negara Arab Saudi. Ini mungkin terlibat dengan dasar luar kita, mencampuri urusan dalam negara Arab Saudi, tetapi.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya memohonlah bahawa Tabung Haji berunding dengan Kerajaan Negara Arab Saudi kerana Malaysia telah pun terkenal dengan sistem pentadbiran yang begitu cekap, sistem pengangkutan yang begitu baik supaya kita mencadangkan melalui OIC ataupun kepada negara Arab Saudi sendiri supaya sistem haji ini lebih teratur dan lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung, tidak baik kalau saya tidak menyebut pesanan orang-orang di kawasan saya – pengundi-pengundi dan juga rakyat di kawasan Sipitang mengenai dengan Lebuhraya Pan Borneo iaitu menghubungkan Kota Kinabalu dengan Sarawak. Sekarang ini jalan ini melalui negara Brunei Darussalam tetapi bahagian negara Brunei Darussalam begitu agak lambat pembangunannya. Apa kiranya kalau kita buat lebuh raya yang lain – saya menyokong kenyataan Yang Berhormat bagi Baram supaya hubungan di antara Sabah dan Sarawak ini boleh terus tanpa melalui negara lain kerana apabila orang Kota Kinabalu, Sabah ingin ke Kuching, Tuan Yang di-Pertua, terpaksa melalui chop pasport sekurang-kurangnya 16 kali pergi dan balik. Kalau boleh kita buat jalan terus daripada Sabah dan Sarawak melalui pedalaman Sarawak tanpa melalui negara Brunei Darussalam. Ini boleh meringkaskan perjalanan dan kita tidak payah menggunakan pasport untuk melalui negara-negara asing yang lain dan apabila jalan ini dibuat ia boleh membangunkan tanah-tanah kita di luar bandar....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tun Speaker, saya ingin hendak minta penjelasan Yang Berhormat bagi Sipitang ini sebab saya telah melalui jalan logging track untuk membuat asas jalan raya Borneo ke Sabah. Jadi kalau dapat dicadangkan hala ke mana daripada pekan mana menumpu ke pekan mana kita lari daripada kawasan Brunei untuk kita sampai ke dalam Sabah dengan tidak melalui negara ataupun tanah orang, tanah asing? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencadangkan supaya jalan ini melalui Sipitang – jalan yang ada sekarang, Lawas – daripada Lawas ke Terusan dan terus masuk ke kawasan pedalaman atas negeri Sarawak dan kita patah balik ke Bintulu. Jadi

ertinya, di kawasan Ulu Baram, di kawasan Ba'kelalan, di kawasan Ulu Rajang, kita buat jalan yang lain. Jadi, bila ini dibuat, infrastruktur sudah ada, tanah-tanah di situ dengan sendirinya akan meningkat dan boleh kita majukan dari segi pelancongan dan pertanian dan juga penduduk-penduduk luar bandar di situ akan boleh maju dengan sendirinya. Minda mereka akan bertukar secara automatik. Itu yang saya maksudkan. Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukuplah ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya gulung, penghabisan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Kalau boleh jalan-jalan utama di Sabah juga dilaksanakan iaitu menghubungkan daripada Tawau ke Keningau, yang pertama; yang kedua, Beluran ke Kudat. Ini boleh membangunkan ekonomi di kawasan dan yang ketiga, jalandi antara Kemabong ke Sipitang di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, banyak lagi saya hendak cakap, Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ambil bahagian lain. Jadi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Buntar.

11.33 pagi.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera kepada semua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2000 ini.

Setelah mengikuti ucapan dan mengamati teks ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan setebal 37 muka yang diedarkan, saya tercari-cari perenggan yang menyentuh mengenai sektor pertanian secara khusus. Apa yang saya temui perkataan 'pertanian' ada disentuh sekali sahaja, secara sepintas lalu seperti yang tercatat di muka surat 12. Ucapan Belanjawan di antara lain telah menyentuh mengenai rancangan pemulihan ekonomi serta kesan-kesan positif yang mula terserlah daripada program pemulihan ini. Angka-angka petunjuk diberikan dengan agak detail untuk meyakinkan sesungguhnya Malaysia telah berjaya mengeluarkan dirinya daripada

cengkaman kegawatan ekonomi di samping menggariskan persediaan persediaan yang perlu dibuat untuk kita meniti alaf baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri telah mendetailkan pecahan perbelanjaan pembangunan – RM10.88 bilion adalah untuk sektor ekonomi, RM7.25 bilion untuk sektor sosial, RM3.7 bilion untuk pendidikan dan latihan, RM1.2 bilion bagi program perumahan kos rendah dan sederhana, RM908 juta ringgit untuk kesihatan, RM2.63 bilion untuk sektor keselamatan, RM2.91 bilion untuk sektor perkhidmatan am dan RM1 bilion untuk simpanan luar jangka. Satu perenggan telah diperuntukkan untuk program-program di bawah pembangunan luar bandar yang saya kira secara tidak langsung juga mewakili sebahagian besar masyarakat petani. Sebanyak RM129 juta diperuntukkan untuk menyediakan bekalan air untuk penduduk luar bandar, RM154 juta untuk pembinaan klinik desa, rumah-rumah bidan dan lain-lain kemudahan kesihatan, RM21 juta untuk kemudahan rawatan dan kesihatan, RM200 juta untuk membina dan menaikkan taraf jalan-jalan kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah wakil rakyat yang mewakili kawasan desa yang majoriti penduduknya terdiri daripada petani yang daif, yang sebahagian besarnya mengusahakan tanaman padi dan lain-lain tanaman secara yang tidak ekonomik. Dalam membahaskan Belanjawan 2000 ini, Tuan Yang di-Pertua, sesuaiilah bagi saya memfokuskan pembentangan yang singkat saya ini kepada sektor pertanian. Saya ingin menyentuh soal petani dan usaha pertanian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak terkilan dengan ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri. Secara sedar atau tidak, telah mengecualikan seolah-olahnya kumpulan petani kecil ini dalam ucapan yang disampaikan itu. Petani kecil inilah yang sejak daripada pilihan raya pertama menghantar wakil rakyat UMNO terutamanya dan kami semua ke Dewan yang mulia ini. Belanjawan yang disampaikan begitu jelas menyebelahi sektor ekonomi moden iaitu sektor kewangan dan perbankan, sektor korporat, pasaran modal, sektor pembuatan, pembangunan ekonomi maklumat (K-Ekonomi) dan lain-lain lagi yang pada umumnya mirip kepada manusia dan persekitaran kota raya.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu Ahli-ahli Dewan yang mulia ini diberikan dua booklet comel oleh Kementerian Pertanian yang masing-masing bertajuk *Dasar Pertanian Negara Ketiga 1998-2010, Ringkasan Eksekutif dan Dasar Pertanian Negara Ketiga 1998-2010 Dimensi Baru*. Booklet-booklet ini telah menggariskan arah tuju strategik pembangunan sektor pertanian dan perhutanan sehingga tahun 2010. Sayangnya seperti juga ucapan Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, booklet-booklet ini terlalu kurang menyentuh permasalahan kemanusiaan dan keinsanan petani yang merupakan faktor terpenting dalam usaha pembangunan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, kurang kepekaan terhadap faktor kemanusiaan ini tercermin dalam inti DPN3 iaitu :

- (i) mengekalkan peranan strategik sektor pertanian dalam pembangunan negara;
- (ii) pendekatan baru untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing;
- (iii) mengeratkan lagi pertalian dengan sektor-sektor yang lain;
- (iv) meneroka bidang-bidang baru; dan
- (v) memelihara dan mengguna sumber asli secara mapan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pengamatan saya, sektor pertanian di negara ini telah dan sedang dan akan terus berada di belakang tirai. Perangkaan-perangkaan berikut menjelaskan anggapan saya ini:

- (i) sumbangan sektor pertanian kepada KDNK merosot daripada 13.5% pada tahun 1995 kepada 7.2% pada tahun 2010;
- (ii) jumlah tenaga buruh dalam sektor pertanian akan berkurangan daripada 1,524,000 orang pekerja pada tahun 1995 kepada 980,000 orang pekerja pada tahun 2010;
- (iii) sumbangan sektor pertanian dalam mewujudkan pekerjaan dan pendapatan eksport secara relatif telah berkurangan masing-masing daripada 31.3% dan

- 36.7% pada tahun 1985 kepada 19.0% dan 19.2% pada tahun 1995;
- (iv) sumbangan komoditi industri pertanian kepada jumlah nilai tambah pertanian telah berkurangan daripada 72.1% pada tahun 1985 kepada 71.6% pada tahun 1995;
 - (v) jumlah import makanan telah meningkat daripada RM3.5 bilion pada tahun 1985 kepada RM7.7 bilion pada tahun 1995 dan RM10 bilion pada tahun 1997;
 - (vi) terdapat 300,000 hektar ladang getah tidak ditoreh dan 30,000 hektar ladang kelapa sawit yang tidak diusahakan;
 - (vii) terdapat kira-kira 400,000 hektar tanah pertanian yang terbiar; dan
 - (viii) produktiviti buruh pertanian hanya 60% jika dibandingkan kepada tahap produktiviti buruh sektor pembuatan.

Tuan Yang di-Pertua, berlatarbelakangkan perangkaan-perangkaan seperti yang disebutkan di atas cuba kita renungkan sejenak, dengan menggunakan kuasa minda yang telah dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada kita dapatkah kita bayangkan. Satu, apakah sebenarnya gambar besar dengan izin the bigger picture masa depan pertanian negara kita. Kedua, bilakah negara dapat keluar daripada permasalahan pokok mengenai ketidakmampuan kepada sektor pertanian menyumbang kepada pembangunan negara sejak sekian lamanya. Tiga, bagaimana sektor pertanian dapat terus berkembang dalam era globalisasi dan liberalisasi dewasa ini. Empat, apa harapan yang ada dikalangan mereka yang menggantungkan kehidupan kepada sektor yang semakin lesu dan tidak bermaya ini. Dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua, apakah ada hubungan kelembapan sektor ini dengan pola sosio-politik di hari mendatang.

Pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, yang paling tragis dalam hal ini ialah negara kita terpaksa mengimpot komoditi strategi seperti beras daripada negara luar. Cuba kita bayangkan jika tiba-tiba timbul satu keadaan krisis, apa agaknya tindakan balas, dengan izin response kita bila

berdepan dengan suasana yang kritikal seperti ini. Keadaan yang tidak begitu menyenangkan Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu dapat dihubungkan dengan isu globalisasi dan liberalisasi yang semakin mengganas.

Cabaran keberlangsungan atau survival dengan izin bagi negara-negara di dunia kita adalah begitu sengit yang terpaksa dihadapi oleh negara yang mundur dan negara sedang membangun. Negara-negara maju di Timur Jauh Amerika Syarikat dan Eropah begitu ghairah untuk menguasai hah perdagangan dunia termasuk komoditi pertanian dalam pasaran global. Seperti yang kita pernah dengar Amerika Syarikat Tuan Yang di-Pertua, umpamanya akan menjadi negara pengeluar nombor satu beras untuk pasaran sejagat. Tidak kah kita ingin meneroka kejayaan yang telah ditempa oleh negara-negara maju seperti Jepun, Taiwan, Amerika Syarikat, Belanda, Switzerland negara-negara Scandinavia dan lain-lain yang berjaya menempatkan kedudukan mereka senarai yang teratas negara-negara industri. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, mereka muncul sebagai negara yang ulung dalam industri pertanian bahkan dalam banyak hal mereka menjadi net exporter bahan-bahan makanan dengan izin. Apakah sebenarnya rahsia kejayaan mereka.

Sememangnya banyak yang boleh diandaikan. Walau apa pun kejayaan mereka mencari formula keseimbangan di antara industri pembuatan yang canggih dan perkasa dengan kehebatan industri pertanian adalah satu perkara perlu dicontohi. Di negara kita Tuan Yang di-Pertua penekanan kepada sektor pembuatan telah meminggirkan sektor pertanian. Melalui Dewan yang mulia ini sempena munculnya alaf baru mari lah kita sama-sama merenung dengan penuh rasa kesedaran tentang hala tuju pembangunan negara kita supaya kita tidak terus berasa bersalah atau embarrassed dengan izin Tuan Yang di-Pertua seperti kita terpaksa mengimpot bahan makanan bernilai RM10 bilion itu.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kita di Khatulistiwa dengan hujan yang lebih daripada mencukupi dengan tanah yang begitu subur dengan kemampuan yang ada dan sumber yang hampir tidak terbatas masih tidak dapat mencatat kejayaan yang dibanggakan. Tuan Yang di-Pertua, di mana sebenarnya kesilapan kita, bahkan bagaimana harus kita beri penjelasan

negara Thailand yang letaknya di utara kita dan jiran terdekat berkongsi sempadan dilaporkan jauh ke hadapan di bidang pertanian ini. Bayangkan nanti akan terjelma satu ketika dalam mana Thailand net exporter Malaysia menjadi net importer bahan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat cadangan awal supaya pihak berwajib seperti Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri secara serius mengkaji semula Dasar Pembangunan Nasional terutama yang menyentuh soal pembangunan sektor pertanian, satu formula harus dirangka untuk menentukan negara berkemampuan menjana kemajuan di sektor pertanian. Kita inginkan lahirnya satu ledakan jiwa dan semangat baru di kalangan para petani. Dan warga kerja agensi-agensi yang telah dipertanggungjawabkan. Kita ingin melihat Tuan Yang di-Pertua berlakunya proses rejuvenation dengan izin dan revivalism dengan izin dalam sektor ini. Kita juga ingin melihat sekurang-kurangnya kehairahan kita terhadap pembangunan pertanian selari dengan penghargaan kita terhadap program-program seperti MSC dan lain-lain usaha yang berpaksikan kepada teknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup dengan perangkaan-perangkaan yang muram seperti di atas, sektor pertanian di negara kita terus dihantui oleh pelbagai masalah. Masalah utama sektor pertanian kita pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, bukan masalah peruntukan kewangan, bukan masalah kemampuan jentera pentadbiran, bukan masalah pembekalan dan pengagihan input pertanian dan bukan juga sebarang permasalahan struktural yang biasanya diajukan. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, masalah utamanya ialah masalah kemanusiaan yang membabitkan manusia petani itu sendiri sebagai kumpulan sasaran dan juga warga kerja yang telah diamanahkan untuk meningkatkan kehidupan petani kecil yang daif itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya cenderung membahagikan permasalahan petani kepada dua bahagian. Pertama, ialah permasalahan institutional. Ini melibatkan tahap teknologi yang rata-ratanya masih rendah, lemahnya pengetahuan dan amalan pertanian bercorak intensif, kurang berkesannya sistem khidmat pendidikan dan pengembangan dengan izin extension services, orang tengah meraih keuntungan di luar paras kemanusiaan, saiz tanah

pertanian yang tidak ekonomik, cengkaman sistem monopoli dan ‘monopsoni’ dan sebagainya.

Kedua, masyarakat petani ditambahmundurkan dengan pelbagai hambatan minda yang dalam banyak hal, menyekat keupayaan mereka untuk menjadi petani moden seperti berfikiran terbuka, peka kepada perubahan, bijak merebut peluang dan inovatif dalam menggunakan segala peluang dan kemudahan yang ada untuk menjadi petani yang berjaya seperti yang tergambar dalam kehidupan petani di Jepun, Taiwan, Korea Selatan, Eropah dan Amerika. Hambatan minda ini Tuan Yang di-Pertua, dipersulit dengan sikap petani yang biasanya dilaporkan sebagai negatif. Sikap negatif ini antara lainnya dikaitkan dengan usia yang lanjut, tahap pendidikan yang rendah, berfikir seadanya, kurang minat mencuba, enggan membaiki diri, terjebak dalam kepompong tradisi, berjiwa hamba dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham tidak ada jalan pintas permasalahan ini. Saya juga faham kita tidak mempunyai lampu ajaib untuk mencari penyelesaian sekelip mata. Akhirnya, tidak ada jalan lain terbentang di hadapan kita melainkan balik kepada prinsip dengan izin back to basics. Di bawah prinsip ini awalnya manusia, pertengahannya manusia dan penghujungnya pun adalah manusia. Sebab itu DPN3 sepatutnya diberi definisi semula dari segi falsafah dan pendekatannya. Pendefinisian semula ini semestinya dengan izin “human-centred development”

Di bawah lambang human centred development dengan izin kita dikehendaki merancang dan mengendalikan gerak kerja yang melibatkan petani secara dari dalam dengan izin from within bukan dari luar dengan izin from without. Di sinilah *relevancenya* hujah participative development dengan izin atau pembangunan berpenyertaan. Untuk mendekati dan memahami manusia petani seutuhnya Tuan Yang di-Pertua dan mempraktikkan intipati pembangunan berpenyertaan dengan izin participative development di kalangan komuniti petani. Saya suka mengemukakan satu cadangan lagi. Cadangan saya ialah supaya pembuat dasar, perancang, pelaksana dan pemimpin-pemimpin termasuk pemimpin politik turun padang dengan erti kata yang sebenarnya, mereka perlu turun padang untuk mengetahui sendiri sebagai pengalaman pertama dengan izin first hand experience tentang

kehidupan sebenar insan yang namanya petani. Kita perlu mengetahui insan petani ini secara luaran dan dalaman. Kita perlu merasakan gelombang kehidupan mereka dan kita juga perlu mendengarkan rintihan hati mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit, terima kasih. Saya minta penjelasan sedikit daripada sahabat saya daripada Parit Buntar. Saya kagumlah dengan ucapan Yang Berhormat kerana kawasan Yang Berhormat dengan kawasan saya tidak jauh selangkah selepas Bagan Serai. Saya cuma ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan masalah masyarakat orang kampung ini memanglah kita setuju. Kita terus perjuangkan, saya pun daripada kampung juga. Cuma saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, dalam janji-janji pilihan raya, saya difahamkan Yang Berhormat ada mengatakan bahawa beri kepada Yang Berhormat 100 hari, Yang Berhormat boleh menyelesaikan banyak masalah dalam kawasan Yang Berhormat khususnya di Parit Buntar.

Tetapi baru-baru ini saya mendapat tahu salah satu daripada masalah yang kempen Yang Berhormat buat, sama ada benarlah bahawa masalah parking kereta akan diperjuangkan supaya diberi percuma. Maknanya selepas pilihan raya saya mendapat tahu bahawa masih terdapat rungutan bahawa mereka yang meletak kereta ini terus disaman dan bertimbun-timbunlah saman yang dikenakan ke atas pemilik-pemilik kenderaan. Jadi saya mintalah penjelasan daripada Yang Berhormat tentang janji-janji Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cerita tentang parking kereta, saya cerita masalah yang lebih besar yang kita hadapi, masalah bangun duduk, jatuh bangun, masalah hidup mati kita bernegara. Saya boleh menjawab soalan itu sebenarnya tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahulah di drag dalam suasana yang rasa saya kurang relevan dengan apa yang saya hendak bentangkan ini. Saya minta mohon kita boleh bercerita di luar nanti Yang Berhormat tentang apa yang ditanyakan secara detail tentang rancangan 100 hari saya di Parit Buntar.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun pula Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita membicara soal global, soal dunia, perkara besar-besar, perkara kecil pun belum dapat kita selesaikan. Minta penjelasan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih. Antara parking kereta dengan cerita Dasar Pembangunan Pertanian ini rasa saya macam cerita itik dengan bangaulah saya rasa. Itik dengan bangau pun masih haiwan berkaki dua juga tetapi saya rasa macam itik cerita dengan gajallah. Minta maaf, saya boleh sebenarnya melayan saudara dan saya pun sanggup memberikan laluan tetapi biarlah dalam jalur-jalur yang saya sedang perbincangkan ini. Saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengetahui - rhythms pun sudah berubah, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengetahui insan petani ini secara luaran dan dalaman, kita perlu merasakan gelombang kehidupan mereka dan kita juga perlu mendengarkan rintihan hati mereka. Konsep '*home-stay*' yang selama ini hanya terkenal dalam bidang pelancongan mungkin boleh dcuba pakai dalam mana pemimpin, perancang dan pelaksana hidup bersama mereka secara kehidupan petani yang sebenarnya. Konsep ini boleh membuka ruang kepada pengendali, pegawai dan kakitangan yang terlibat diberi kesempatan untuk berkecimpung dengan petani mengikut tatacara *sabbatical* sama seperti kemudahan yang diberi kepada tenaga akademik di pusat-pusat pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan perkara ini dengan penuh keinsafan agar di satu masa nanti berlaku proses asimilasi dan integrasi yang menatijahkan apresiasi secara mutual '*mutual appreciation*' yang dipraktikkan sekarang tidak lebih daripada turun melancong. Pemimpin dan pegawai turun disambut dengan paluan kompang, gong dan nafiri, melawat projek yang sedia terhias, mendengar aklimat yang baik-baik sahaja dan makan hidangan raja sehari. Tiba masanya berlalulah peristiwa, berjumpa lagi di lain masa.

Tuan Yang di-Pertua, program seakan-akan *home-stay* ini telah pun dicuba pakai dan didapati berjaya di Sri Lanka melalui program namanya '*Sarvodya Sharmadhana*', di Tanzania melalui program namanya '*Ujamaa*'

dan juga di Korea Selatan programnya dinamakan sebagai sama '*Samuel Undong*'.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat meragukan usaha murni yang selama ini dibuat oleh pihak yang berwajib untuk menyuntik budaya segar di kalangan para petani tetapi saya merasakan di samping kehairahan mekanisma yang ada, kemungkinan besar selama ini usaha kita agak tersalah sasaran. Saya masih ingat kajian-kajian awal yang dibuat oleh pakar-pakar daripada Jabatan Pertanian termasuk juga bekas wakil rakyat kita daripada Padang Terap, Dato' Dr. Affifuddin yang pernah membuat kajian tentang hal ini iaitu mengatakan Tuan Yang di-Pertua, untuk menyuntik budaya segar di kalangan para petani. Tetapi saya merasakan di samping kegairahan mekanisma yang ada, kemungkinan besar selama ini usaha kita - saya ulang lagi agak tersalah sasaran.

Saya masih ingat kajian-kajian awal yang dibuat oleh pakar daripada Jabatan Pertanian, universiti-universiti tempatan terutamanya Universiti Sains Malaysia yang memperakukan betapa pentingnya para penggubal dasar, pelaksana program dan pemimpin di sektor pertanian memberi penekanan istimewa kepada faktor kemanusiaan seutuhnya dalam pelaksanaan program dan projek pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, kita seolah-olah kurang berminat untuk menerima cadangan-cadangan seperti ini kerana latar belakang, pendidikan dan pengalaman kita yang biasanya condong kepada Barat atau *Eurocentric*, dengan izin. Selama ini kita terlalu dipengaruhi oleh pendekatan pragmatisme Barat dalam menangani usaha pembangunan. Segala apa projek yang ingin dilaksanakan mesti terlebih dahulu dibuat penelitian untuk melihat kemungkinan kesesuaian ekonomi '*economic feasibility*', dengan izin, kemungkinan kesesuaian kejuruteraan '*engineering feasibility*', dengan izin, kesesuaian teknikal '*technical feasibility*', dengan izin, analisa impak alam sekitar (EIA) '*cost benefit*' terhadap projek dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sipitang bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada rakan saya, dia memang ahli pidato yang cekap saya kagum dengan beliau. Tetapi tadi beliau ada mencadangkan

kita supaya *home-stay*, dengan izin. Siapakah yang disarankan untuk *home-stay* ini, wakil rakyatkah, kebanyakan kita di sini wakil rakyat sebenarnya sudah *home-stay*, saya anak petani, anak nelayan dan rakan-rakan kita daripada Kedah, Sabah memang sudah *home-stay*. Siapakah yang dimaksudkan *home-stay* ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan *home-stay* tadi sudah jelas, daripada perancang, daripada pelaksana, daripada pemonitor, daripada pentadbir, daripada pemimpin termasuk pemimpin politik, saya mengatakan. Tetapi saya hendak mengulas satu perkara Yang Berhormat, *home-stay* walaupun kita ini asalnya orang kampung, asalnya petani dan nelayan, kita belajar di asrama penuh, lepas itu kita pergi ke luar negeri, sama ada Australia, England atau Amerika, kita balik, kita bekerja sudah ada dwi budaya antara kita dengan orang kampung. Kita ini kadang-kadang kalau hendak duduk dengan orang kampung pun saya rasalah mungkin selesa tetapi tidak berapa selesa. Bahasa kita berbeza dengan bahasa mereka, rokok yang kita hisap berbeza dengan rokok yang mereka hisap, perkataan kita berbeza dengan perkataan mereka sebab itulah saya mencadangkan supaya dirujuk kembali kepada usul asal. Pergi balik kepada roots kita di mana roots kita supaya kita dapat menimbang, dapat menerima, dapat memahami dengan lebih mendalam kehendak dan hati budi petani, barulah selepas itu kita dapat merancang apa yang sepatutnya dirancangan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun lagi, daripada Arau pula Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tadi pun mengikuti apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat dengan begitu berminat sekali. Tetapi pada pandangan saya Yang Berhormat, memang sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi adalah peminat yang bijak. Sebenarnya saya anak Parit Buntar, Yang Berhormat mungkin dari tempat lain datang ke Parit Buntar tetapi saya sekarang berada di Perlis dan kehidupan petani-petani sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi memang ada di dalam jiwa dan di dalam pemikiran

kita. Malahan saya juga berlatarbelakangkan pertanian, saya bekerja dengan peladang sekian lamanya.

Pandangan Yang Berhormat tadi ada sebahagiannya benar memang ada dan saya akui, saya berterima kasih kajian-kajian Yang Berhormat buat dan juga sokongan kepada sektor pertanian. Tetapi selain daripada soal kemanusiaan, kita harus mengakui bahawa sektor pertanian yang ‘menjadikan’ pendapatan kepada sekumpulan masyarakat juga tidak lari daripada soal pendapatan, kos dan income, ini perlu diberi perhatian selain daripada soal kemanusiaan. Saya percaya jika pendapatan daripada pertanian ini akan membuahkan satu hasil yang besar, ramai orang akan terjun ke dalam sektor pertanian. Misalnya dari segi tanaman padi kerajaan sendiri terpaksa memberi subsidi kepada petani-petani untuk menampung pendapatan petani-petani.

Jadi bila dibandingkan dengan negara-negara yang lain sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi di Thailand. Kos pengeluaran di Thailand agak rendah padahal kalau kita mengirakan dari segi kos bagi negara kita, kita lebih baik import beras daripada luar negara tetapi sebagaimana yang disebutkan bahawa beras adalah tanaman keselamatan, padi adalah tanaman keselamatan, kerajaan hari ini mengeluarkan subsidi supaya pengeluaran 60% sara diri di negara kita dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Penerangannya Yang Berhormat Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya kira Yang Berhormat harus memahami. Saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat, Yang Berhormat harus memahami keadaan-keadaan ini bukan sahaja melihat dari segi soal kemanusiaannya sahaja tetapi harus dilihat dari segi sumbangannya kepada pendapatan. Terima kasih.

Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Arau. Saya hanya diberi setengah jam, kalau dua jam pembentangan ini kita boleh meneroka seluruh bidang kehidupan petani termasuklah pendapatan mereka. Tetapi dalam masa 30 minit ini, saya hanya hendak mengemukakan satu thesis, satu pandangan bahawa kita kena merujuk tentang faktor kemanusiaan. Dalam mana-mana buku akhir-akhir ini, semua kata tentang *human centered development* tetapi dalam pembangunan yang kita jalankan faktor itu saya nampak dikesampingkan dan saya hendak rujuk kembali, hendak pujuk orang

orang yang ada dalam Dewan ini terutamanya supaya bersama-sama saya dengan proses *re-emphasizing* ini supaya kita berikan perhatian kepada faktor kemanusiaan. Terima kasih.

Faktor-faktor *non tangible* kemanusiaan yang benar-benar menjurus kepada seluruh aspek kehidupan seorang insan di muka bumi ini jarang diambil perhitungan. Hal mengenai kemanusiaan dianggap faktor yang sudah termaklum atau *non factor* atau ada kalanya disebut sebagai *given factor*. Saya masih ingat dalam satu seminar antarabangsa bertemakan *Human Centered Development* kira-kira 20 tahun yang lalu, dalam mana resolusi utama yang disetujui dan dibentangkan ialah keperluan mengubah asas pendekatan yang selama ini mirip kepada ekonomi dan teknikal dihalacara semula kepada faktor terutama iaitu faktor kemanusiaan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] ***mempengerusikan mesyuarat***]

Tetapi sayang sehingga sekarang saya tidak nampak hasil seminar itu mendasari pendekatan kita. Kita cenderung meletakkan sistem nilai kita sendiri ke atas petani. Kerap kali projek-projek pembangunan dipaksakan atau dengan izin, *being imposed* ke atas petani sama ada mereka suka ataupun tidak. Ini berlaku lantaran petani kecil ini biasanya tidak banyak pilihan. Apa yang kita lakukan seolah-olah kita mengambil kesempatan daripada sifat kenaifan atau sifat tidak banyak ragam mereka. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, projek demi projek kadang-kadang didapati menemui kegagalan lantaran projek itu dengan izin, *technically and economically are very sound humanistically simply not feasible*. Sehingga ini saya belum bertemu laporan kemungkinan kesesuaian kemanusiaan seutuhnya bagi mana-mana projek pertanian yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada gejala yang sering timbul akibat kurang pekanya kita terhadap aliran kehidupan para petani digambarkan melalui satu teori yang para pengkaji industri pertanian menamakannya sebagai *the lucky bucket*. Tuan Yang di-Pertua, teori ini adalah kerangka kepada permasalahan menyalurkan bantuan kepada petani yang menjadi kumpulan sasar. Oleh kerana majoriti petani dihimpit oleh hambatan-hambatan *institutional*, minda dan kemanusiaan seperti yang diperjelaskan

sebelum ini, hal ini menjadikan mereka kurang mampu menggarap sebarang usaha pembangunan yang ditujukan kepada mereka. Akhirnya, golongan yang tidak sepatutnya menerima nikmat bantuan pembangunan menjadi penerima utamanya. Ini semata-mata disebabkan mereka lebih berupaya dalam banyak hal menyambut usaha pembangunan itu.

Kajian yang pernah dibuat di Tanzania dan negara-negara Afrika yang lain umpamanya menunjukkan pada saat akhirnya yang sampai kepada petani sebenar atau *bona fide farmers* hanya sekitar 10% sahaja daripada nilai sebenar projek yang dilaksanakan itu. Yang banyaknya menitis dan tumpah kepada mereka yang lebih bersedia dari segi fizikal, intelektual dan kemampuan sumber untuk mengaut peluang yang ada. Saya tidak tahu kalau perkara yang sama juga berlaku di Malaysia. Biasanya yang menerima nikmat ini ialah mereka yang disifatkan oleh penulis seperti Rogers Ann Schumaker sebagai *the adopters*, dengan izin, sementara kumpulan yang sebenarnya disasarkan disebut *the late adopters* dan *the laggards* yang merupakan golongan majoriti dalam komuniti petani terus terpinggir dan terabai. Golongan marhain inilah yang sering dilupakan dan mereka akan terus hidup dalam budaya kecil dengan izin, *subculture* kemiskinan tanpa pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya DPN3 meneliti perkara ini. Saya yakin kepimpinan Yang Berhormat Menteri Pertanian yang baru akan peka dengan cadangan yang akan saya ajukan ini:

Pertama – Kementerian Pertanian menubuhkan bahagian ekologi kemanusiaan. Mungkin merangkumi aspek fizikal, mental, intelektual, emosional dan spiritual yang bertanggungjawab menyediakan laporan kemungkinan keberkesanan aspek kemanusiaan seutuhnya seimbang dengan kajian-kajian kemungkinan keberkesanan teknikal yang lainnya bagi semua projek yang akan dilaksanakan di bawah gagasan DPN3.

Kedua – Bahagian ekologi kemanusiaan ini hendaklah menjalankan kajian kepada projek-projek yang telah dilaksanakan untuk melihat kesan projek terhadap pembangunan kemanusiaan seutuhnya. Kajian ini perlu merangkumi kesan yang dijangka dengan izin, *incended consequences* dan kesan yang tidak dijangka dengan izin, *unincended consequences* terhadap projek pembangunan itu.

Ketiga – Hendaklah segera dikenal pasti pegawai dan kakitangan yang akan menganggotai bahagian ekologi kemanusiaan ini supaya dapat diberi latihan intensif secara *crash programme*, dengan izin, dalam bidang yang sememangnya agak asing kepada kita.

Keempat – Kementerian hendaklah mengambil tindakan segera untuk melaksanakan cadangan ini dalam pelan pelaksanaan DPN3. Data-data baseline mengenai ciri-ciri kemanusiaan seutuhnya hendaklah diperolehi di semua fasa iaitu fasa pra projek dengan izin, *pre-project*, semasa projek dengan izin, *during project* dan selepas projek dengan izin, *post project* khususnya bagi projek-projek di bawah DPN3.

Akhirnya yang kelima – Tuan Yang di-Pertua, hendaklah diadakan kursus-kursus di peringkat Ijazah Pertama, Ijazah Lanjutan dan Ph.D dalam bidang ini yang ditawarkan oleh universiti-universiti tempatan. Saya suka mencadangkan supaya bahagian ekologi kemanusiaan seperti ini juga ditubuhkan di semua kementerian dan jabatan di pelbagai peringkat selain daripada Kementerian Pertanian supaya tindakan yang sama dapat diambil berhubung dengan projek pembangunan yang akan, sedang dan telah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyemak banyak penulisan tentang perkara ini. Apa yang ada ialah pendekatan kemanusiaan ala Barat yang sudah tentu kurang cocok dengan realiti sosio budaya kita. Sampailah masanya satu pendekatan anak watan *indigenous approach*, dengan izin, diketengahkan. Dunia sedang mencari-cari pendekatan seperti ini iaitu kebolehan kita melihat manusia sebagai ciptaan seutuhnya. Manusia adalah gabungan antara jasad intelek emosi dan spiritualiti. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua tidak syak lagi kita harus balik kepada pendekatan fitrah, pendekatan semula jadi dalam menangani masalah pembangunan khususnya pembangunan sektor pertanian.

Manusia petani mesti dilihat sebagai satu kesatuan insan jasadiyah, insan akliyah dan insan rohiah. Gabungan ketiga-tiga unsur ini secara *supplementarity*, dengan izin, dan *complimentarity*, dengan izin, akan menjadikan petani Malaysia petani *par excellence*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Sila gulung, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya menggulung sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Terima kasih.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Kalau selama ini kita cuba lari daripada permasalahan pokok yang menghantui kehidupan para petani di Malaysia, masanya telah tiba untuk kita mengorak langkah memberi makna kepada pembangunan mengguna acuan sendiri sepertimana yang digembar-gemburkan. Tidak ada lagi acuan yang lebih ampuh daripada acuan kerangka kemanusiaan seutuhnya ini. Masanya telah lama tiba untuk kita meletakkan petani di gelanggang utama, *center stage* sementara faktor-faktor lain adalah faktor penggenap belaka. Dalam keadaan dunia sedang tercari-cari untuk mendapati satu pendekatan setelah pendekatan cara mereka menemui kegagalan apalah salahnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau Malaysia menjadi negara peneraju dalam aspek pembangunan bersepadu ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai tanda penghargaan kepada rakyat desa, kaum petani yang tidak dapat dinilai jasa mereka khususnya di Parit Buntar, sudi apalah kiranya Kementerian Kerja Raya memasukkan dalam program pembangunannya, jambatan yang menghubungkan Kuala Kurau dengan Bagan Seberang di Kuala Kurau untuk memberi kemudahan kepada penduduk setempat. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Sudah lebih, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:Yang Berhormat Menteri Kewangan telah..... Sikit sahaja lagi, empat line sahaja. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membuat pengumuman terbuka beberapa hari sebelum pilihan raya umum yang lalu bahawa sekiranya Barisan Nasional terus berkuasa, beliau akan memperuntukkan sejumlah wang untuk tujuan itu. Rakyat Kuala Kurau, Bagan Serai dan kawasan berhampiran khasnya telah dijanjikan dengan projek jambatan merentasi sungai 250 meter ini sejak 25 tahun yang lalu. Sungai ini telah banyak mengorbankan jiwa yang akhirnya,

Tuan Yang di-Pertua, seorang pemuda mati lemas terjatuh daripada feri kira-kira dua bulan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Terima kasih. Kota Belud.

12.08 tgh.

Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak [Kota Belud]: Tuan Speaker, terima kasih di atas peluang yang diberi untuk membahaskan Belanjawan 2000 ini. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah berjaya memulihkan ekonomi negara tanpa bantuan daripada IMF. Tuan Speaker, saya akan membahaskan secara ringkas dan umum lima perkara sahaja untuk dipertimbangkan dan diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Pertamanya, k-ekonomi. Dalam keghairahan kita untuk bersiap-sedia membentuk k-ekonomi, jangan kita lupa sektor pertanian. Saya dapati terdapat beberapa pandangan yang melihat keekonomi hanya relevan kepada sektor teknologi maklumat dan justeru itu kurang ambil perhatian kepada sektor lain seperti pertanian. Pada hemat saya, pandangan ini tidak tepat dan merugikan negara. Perkara yang wajib ditekankan dalam usaha untuk mewujudkan k-ekonomi ialah penggunaan kuasa minda atau dengan izin, *brain power* dan ilmu pengetahuan secara ekstensif seperti peningkatan daya saing melalui kegiatan R&D.

Dalam hal ini, sektor pertanian juga boleh memanaati sepenuhnya kewujudan k-ekonomi terutamanya melalui penggunaan kaedah-kaedah saintifik seperti bio-teknologi secara meluas.

Dalam jangkamasa panjang, beberapa penganalisis telah menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi dunia akan dijana oleh kemunculan bio-ekonomi yakni gabungan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dengan bio-teknologi. Gabungan ini akan mampu melipatgandakan mutu dan pengeluaran bahan-bahan makanan serta taraf kesihatan manusia sejagat. Dalam hubungan ini 'Tuan Speaker', saya cadangkan kelebihan negeri Sabah dalam pelbagai aspek khususnya aset yang strategik seperti tanah yang subur

dan sungai dan paya yang luas perlu dimanfaatkan sepenuhnya agar Sabah dapat menyumbang ke arah peningkatan pengeluaran makanan.

Dalam jangka panjang, pembangunan 'claster', agro-industry di Sabah juga boleh menyediakan asas bagi negara kita untuk memanfaatkan kemunculan bio-ekonomi. Oleh itu saya cadangkan agar kerajaan pusat memberi keutamaan untuk membangunkan taman agrotech serta taman-taman perusahaan kecil dan sederhana terutamanya di luar bandar bagi menjana dan sebagai pemangkin kepada pembangunan agro-industri.

Tuan Speaker, perkara dua yang ingin saya sentuhkan ialah soal perpaduan. Perpaduan adalah topik yang agak meluas, saya hanya ingin memberi tumpuan kepada fahaman ekstrem yang terdapat di segelintir rakyat Malaysia khususnya mereka yang berkhidmat kepada kerajaan. Kita telah pun menanamkan konsep nilai-nilai Islam pada pentadbiran kerajaan. Bagaimanapun saya mendapati ada masih lagi terdapat antara kakitangan kita yang berfahaman ekstrem, tidak mengambil kira kepelbagaian kaum, kepelbagaian agama di negara kita Malaysia ini. Kita kena sensitif di atas kaum dan juga bangsa ataupun agama seseorang itu. Saya bawa perkara ini Tuan Speaker kerana ia berlaku di Sabah baru-baru ini.

Apabila perayaan hari Ucapan di sebuah sekolah menengah di kawasan saya, tiba-tiba saja acara tarian Sumazau telah dibatalkan pada saat-saat akhir oleh pihak sekolah. Ibu bapa pun telah bersiap sedia ingin melihat anak-anak mereka membuat persembahan tetapi tiba-tiba sahaja ia dibatalkan kononnya alasannya ialah masa tidak mencukupi sedangkan setahu saya tarian ini hanya memerlukan lima hingga tujuh minit sahaja. Tetapi apabila saya membuat kajian, ia berpunca daripada ada fahaman golongan guru tertentu di situ bahawa kononnya pakaian tradisi ini tidak sesuai dengan agama Islam khususnya. Perkara seperti ini amat merbahaya sekali, ia perlu dibendung kerana jika ia berterusan akhirnya ia boleh memecah-belahkan kaum dan agama. Kita kena sensitif di Sabah ini, setiap kaum ada budayanya dan sekolah itu juga bukanlah milik kita sahaja, ia milik semua pihak. Sungguhpun mungkin ia isolated kes, ia perlu diketengahkan sebagai amaran kepada kita bahawa dalam kita menilai, menanamkan nilai-nilai Islam pada

pentadbiran awam, kita kena ambil kira suasana negara kita yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama.

Sungguhpun perkara ini telah pun diselesaikan, pihak sekolah telah memaklumkan Persatuan Ibu Bapa Guru-Guru, tetapi bagi saya ia penting sebagai sempadan kepada kita dalam usaha kita untuk mentafsirkan pegangan kita masing-masing.

Dalam hubungan ini Tuan Speaker saya mencadangkan agar suatu pertukaran antara kakitangan kerajaan yang datang daripada Sabah dan juga di Semenanjung ini perlu diadakan sekerapnya supaya dengan adanya pertukaran tersebut, maka kita boleh saling memahami antara satu dengan lain tentang budaya yang ada pada kita. Kita boleh melihat skop negara kita dengan lebih meluas lagi. Apabila kita sebut Malaysia kita tidak boleh mengatakan hanya Semenanjung sahaja kerana Malaysia itu terdiri daripada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Perkara ketiga yang ingin saya sentuh ialah soal penswastaan. Saya tidak mempersoalkan dasar penswastaan kerana dasarnya adalah baik yang memberi faedah yang banyak kepada kita di Malaysia ini. Saya hanya ingin membahaskan dua perkara saja. Satu daripada aspek perkhidmatan, kedua dari aspek integrasi. Daripada aspek perkhidmatannya ialah pada pendapat saya apabila kita swastakan sesuatu badan itu seharusnya selain daripada memberi keuntungan kepada kerajaan daripada segi penjimatan kewangannya dan sebagainya, ia harus memberi perkhidmatan yang sebaik-baiknya kepada pelanggan.

Daripada pengalaman saya di Kuala Lumpur inilah Tuan Speaker, saya tengok dalam satu agensi sebagai contoh saja, banyak contoh-contoh lain iaitu yang berkaitan dengan syarikat Telekom yang telah diswastakan oleh kerajaan. Untuk memasang telefon pun di tempat kediaman kita mengambil masa sepuluh hari daripada tarikh kita membuat permohonan. Kalau ia berlaku di luar bandar, mungkin ada logiknya tetapi berlaku di bandar raya Kuala Lumpur ini sendiri. So, oleh itu ini kita kena ambil perhatian sewajarnya kerana rakyat juga memerlukan perkhidmatan yang cekap, kita kena memberi kepuasan kepada pelanggan yang membayar hasil, membayar servis yang disediakan. Tetapi pengalaman saya di Kuala Lumpur ini sendiri

yang berlaku kepada diri saya di mana apabila saya memohon untuk memasang telefon di Kuala Lumpur ini, apabila saya membuat permohonan pada 31 Januari, hanya pada 8 Februari saja baru ia dipasang sedangkan di tempat itu taliannya semua sudah siap sedia hanya memerlukan mereka datang untuk memasang telefon saja, ia mengambil masa lapan hari. Setahu saya di tempat-tempat lain di mana negara maju yang telah menswastakan servis seperti ini, paling lambat pun dua hari ia boleh dibuat.

Dalam penswastaan ini juga saya ingin menyentuh soal integrasi. Perkara ini juga dibangkitkan oleh banyak ahli Parlimen daripada Sabah dalam sidang-sidang yang lalu iaitu khususnya penerbangan daripada Sabah ke Semenanjung ini. Memang kita faham jawapan daripada pihak MAS ataupun kerajaan mengenai perkara ini. Jawapannya ialah standard tetapi pada saya, kita tidak boleh melihat kepada keuntungan semata-mata, kita kena lihat juga daripada aspek integrasinya kerana jika integrasi ini kita tidak tentukan rapat antara rakyat Sabah, Sarawak dan Semenanjung ini akhirnya ia menimbulkan banyak syak wasangka. Selama ini kita telah merdeka begitu lama. Sudah banyak rakyat Sabah yang bekerja di Semenanjung begitu juga banyak rakyat Semenanjung yang bekerja di Sabah. Soalnya ialah ada ahli keluarga yang ingin berhubung, ingin melawat ke Semenanjung dan begitu juga dari Semenanjung dan ingin ke Sabah. Memang pada hari ini kita ada pakej yang disediakan oleh MAS di Malaysia ini. Pakejnya agak murah tetapi ia sekadar kepada pelancong dalaman tetapi kita kena ambil kira orang lain seperti yang berurusan dengan kerajaan, yang berurusan dengan perniagaan, yang berurusan dengan keluarga. Kalau kita tengok 'volume'nya antara Sabah dan Semenanjung, begitu banyak sekali tetapi tidak ada usaha yang melihat perkara ini dari aspek integrasi dan bagi saya, saya ingin mencadangkan agar suatu shuttle flight dapat diadakan antara Sabah dan Semenanjung, half price pagi pergi, petang balik dan ia tidak perlu ada first class, second class, ia sama rata saja, tidak perlu ada makanan yang baik-baik, sekadar minum pun mencukupi kerana ini memberi peluang bagi rakyat kita untuk berinteraksi kerana integrasi itu bermula daripada interaksi, lebih kerap kita interak maka lebih mudahlah kita boleh integrasikan masyarakat kita. Oleh itu saya mohonlah pada pihak kerajaan untuk mempertimbangkan aspek ini. Saya

melihat ia boleh dibuat kerana ia berlaku, ia berlaku di tempat-tempat lain. Dengan adanya shuttle flight, dengan adanya volume, maka kita boleh tentukan agar servis ini dapat disediakan untuk masyarakat di Sabah dan juga di Semenanjung.

Perkara keempat yang ingin saya sentuh ialah soal Tabung Haji, ringkas sahaja. Memang pada umumnya saya berpuas hati dengan Tabung Haji di mana perkhidmatannya baik sekali dan ia adalah suatu sistem yang begitu teratur sekali. Cuma baru-baru ini, saya ingin memberi pandangan sedikit yang berlaku di Sabah apabila ada penundaan penerbangan daripada Kota Kinabalu ke Tanah Suci berlaku dan ini telah menimbulkan banyak masalah kepada masyarakat di situ bukan sahaja kepada mereka yang menunaikan haji tetapi bagi sanak saudara yang ingin menghantar mereka ke Lapangan Terbang kerana di Kota Kinabalu ini yang datangnya daripada tempat-tempat lain yang begitu jauh sekali dan mereka memerlukan kos yang banyak untuk datang ke Kota Kinabalu. So, sekiranya ini berterusan maka ia menimbulkan banyak masalah kepada rakyat di situ. Oleh itu, pada tahun hadapan saya harap sungguh jika ada penundaannya maka kita kena beritahu lebih awal lagi kerana ini menyusahkan masyarakat kita. Ia kena lebih teratur lagi kerana kita kena ambil kira suasana yang ada di negeri Sabah itu.

Akhirnya, saya ingin menyentuh soal pendatang tanpa izin, pekerja asing dan juga refugee. Ini memang dibangkitkan oleh banyak Ahli Parlimen daripada Sabah. Dan kita juga telah mendengar jawapan daripada kerajaan mengenai perkara ini. Kita mendengar perangkaan yang dibuat oleh kerajaan berapa ramai pendatang tanpa izin, berapa ramai pekerja asing dan refugees, kita faham tetapi realitinya kalau kita datang ke Sabah kita tidak kenal mana satu pendatang tanpa izin, mana satu pekerja asing, mana satu refugee kerana realitinya kita telah tinggal bersama mereka ini begitu lama sekali. Maka pada saya ini adalah hakikat sebenarnya, ini masalah yang perlu diselesaikan. Kita tidak boleh dengan izin, passing the bark. Kita tidak boleh hanya mengatakan bahawa ini adalah tanggungjawab jabatan yang lain. Kita kena ada pendekatan yang menyeluruh, pendekatan yang sungguh-sungguh kerana ini melibatkan keselamatan.

Sekarang ini begitu ramai sekali, Tuan Speaker. Saya daripada keturunan Bajau, bumiputera di Sabah, jumlah mereka lebih ramai daripada kami pada masa ini. Sudah tentulah kami khawatir apa yang berlaku pada kami masa hadapan. Ia kena ada effort untuk menyelesaikan masalah ini. Ia dialami oleh semua pihak tanpa kisah agamanya, tanpa kisah kaumnya. Yang penting pada pendapat kita ialah suatu effort harus dibuat. Contohnya, kita telah ada BIMP-EAGA untuk Wilayah Sabah, Sarawak dan juga di negeri-negeri di kawasan sekitarnya. Kita kena tentukan BIMP-EAGA ini success, kerana jika ia success, jika negara mereka boleh dibangunkan maka dengan sendirinya mereka boleh balik ke tempat masing-masing untuk mendapat pekerjaan. Tetapi jika kita tidak ada effort yang sepenuhnya untuk melaksanakan BIMP-EAGA ini akhirnya kita tidak boleh selesaikan masalah. Mereka datang ke Sabah mungkin kerana soal ekonominya. Mereka mahu peluang pekerjaan di Sabah. Tetapi dengan kehadiran mereka itu ia menjejaskan juga pendapatan rakyat kita di Sabah. Oleh itu, ini kita kena mengambil kira, mungkin kita perlu buruh asing pada sektor-sektor tertentu. Tetapi kadangkala mereka mungkin mendaftar kepada sektor-sektor tertentu tetapi kadangkala mereka juga melibatkan diri dalam perniagaan yang dijalankan oleh rakyat Malaysia di Sabah itu sendiri. Itulah sebabnya perkara ini perlu suatu pendekatan - dasarnya ada, clearkan. Tetapi penguatkuasaannya itu perlu dijalankan dengan sebaik-baiknya supaya perkara ini dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, kesetiaan mereka ini juga kita persoalkan. Itulah sebabnya kita risau kerana ia melibatkan keselamatan. Baru-baru ini saya mempunyai seorang kawan, iaitu Yang Berhormat bagi Dewan Undangan Negeri di Sabah. Tahun sudah dia jumpa seorang pekerja asing yang biasanya menjual gas di Sabah. So, suatu hari Ahad - pada hari Ahad dia terjumpa kawan ini. Dia kata, "kepada om tidak jual gas hari ini? Dia kata kita merdeka pak!" Berertinya baru-baru itu, Timor-Timur telah merdeka. Bererti kesetiannya itu dipersoalkan. Jadi, bagi saya kita kena cari jalan bagaimana menyelesaikan masalah ini.

Datuk Yong Teck Lee: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Sila, sila.

Datuk Yong Teck Lee: Adakah Ahli Yang Berhormat di Dewan ini ataupun mana-mana yang berkenaan sedar bahawa kelmarin di Pulau Gaya, lima minit kalau naik bot daripada bandaraya Kota Kinabalu, polis telah merampas senjata api M16 lengkap dengan peluru-peluru, kelmarin di bandaraya Kota Kinabalu?

Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak: Tuan Speaker, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat rakan saya daripada Gaya, ini serius perkara ini.

Saya tengok surat khabar di Kuala Lumpur ini baru sekadar dua, tiga ratus orang, ribut sudah saya tengok, saya baca surat khabar, pendatang izin daripada kaum Penan dan sebagainya. Tetapi di situ, sudah ratusan ribu yang kita telah alami begitu lama sekali. So, saya menyerulah pada Dewan Yang Mulia ini agar effort yang tertentu untuk menyelesaikan masalah ini kerana ia melibatkan keselamatan negeri, keselamatan rakyat dan kita mahu tentukan agar penguatkuasaannya perlu dilaksanakan demi kepentingan negara keseluruhan.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Bagan, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi adalah Ketua Menteri[disampuk]

Seorang Ahli: Bekas.

Tuan Lim Hock Seng: Bekas Ketua Menteri dari negeri Sabah. Walaupun parti ini ada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, tetapi saya ingin dapat tahu sama ada kedua-dua bekas Ketua Menteri Sabah ini ada berusaha semasa mereka menjawat jawatan itu dalam masalah ini?

Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak: Tuan Speaker, soal pendatang tanpa izin, soal pekerja asing ini kita tidak ingin politikkan. Kita melihat perkara ini perkara yang penting di Sabah. Sudahlah tentunya kerja Kerajaan Barisan Nasional setelah mengambil alih pentadbiran di Sabah, kita telah merumuskan dasarnya dengan kerjasama rapat Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah ini. Usaha-usaha memang telah

dibuat oleh Kerajaan Negeri. Yang kita ingin tekankan ialah pelaksanaan dasar tersebut. Kita ingin melihat agar effort yang lebih lagi untuk menyelesaikannya.

Semasa Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Gaya menjadi Ketua Menteri, saya masih ingat lagi di mana proses pendaftaran telah dibuat, satu proses pendaftaran telah dibuat di atas kerjasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Tetapi soalnya sekarang ialah bagaimana kita tentukan ia dapat dilaksanakan.

Saya menyentuh perkara ini *[disampuk]*

Datuk Yong Teck Lee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, Yang Berhormat bagi Gaya.

Datuk Yong Teck Lee: Penjelasan. Kerana saya tidak ingin ada ragui di mana Kerajaan Negeri, saya cakap sebagai Wakil Rakyatlah, sebagai Wakil Rakyat bukan bagi pihak Kerajaan Negeri. Sebenarnya pihak Kerajaan Negeri memang telah berusaha sedaya upaya. Bukankah Ahli Yang Berhormat bagi Kota Belud sedar bahawa sewaktu beliau Ketua Menteri, peruntukan dan tanah telah diberikan kepada Kerajaan Pusat untuk membina kem-kem tahanan sementara dan bukannya Kerajaan Negeri telah meminta supaya Kerajaan Pusat memberikan tumpuan, memberikan perhatian yang serius dan menyeluruh sehingga kita dapat mengatasi masalah ini. Jadi, untuk memberikan penjelasan secara indirect bahawa sebenarnya Kerajaan Negeri telah berusaha dan hanya menunggu hasilnya?

Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak: Tuan Speaker, saya tidaklah berniat untuk mengangkat bakul sendiri dalam hal ini. Yang penting bagi saya penyelesaiannya. Kalaupun kita hanya sekadar dasarnya di situ tidak ada, penyelesaiannya tidak ada, akhirnya masyarakat itu akan terjejas. Itulah sebabnya saya memberi penekanan kepada soal penguatkuasaannya dan juga pelaksanaan apa yang telah kita persetujuan bersama.

Tuan Speaker, atas hujah-hujah lima perkara yang telah saya sentuh tadi secara ringkas dan umum.....*[disampuk]*

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangkit. Ya, silakan.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Speaker. Jadi, saya amat bersetuju dengan masalah pendatang tanpa izin yang berleluasa di Sabah kerana pada hakikatnya mereka bukan sahaja membawa permasalahan secara menyeluruh, bahkan mereka jugalah yang telah menjebak anak-anak muda kita ke kancang penagihan dadah jenis syabu, dan ini telah mengakibatkan anak-anak belia kita di Sabah ini begitu lumpuh, begitu lemah, kaku, tidak bermaya akibat daripada gejala ini. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat bagi Kota Belud, apakah Yang Berhormat ada pandangan dan cadangan kenapa perkara ini berleluasa? Adakah Kementerian Dalam Negeri tidak ada kesungguhan ataupun tidak ada komitmen dalam mengatasi masalah ini?

Kedua, adakah pihak task force yang bertanggungjawab dalam soal ini tidak ada kesungguhan untuk membanteras supaya pendatang-pendatang tanpa izin ini dapat kembali ke negara mereka masing-masing? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak:

Tuan Speaker, memang Kerajaan Pusat telah pun mengatakan apakah sebab-sebabnya kenapa agak sukar untuk melaksanakan tetapi pada saya mesti ada cara yang sesuai untuk dibuat. Pada awal-awal tadi saya katakan effort ini kena dilaksanakan oleh semua pihak. Ia tidak boleh ditumpukan hanya kepada satu kementerian semata-mata.

Sebentar tadi apabila kita dalam sesi soal jawab, apabila Yang Berhormat bagi Gaya bertanya dalam soal yang sama di mana Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah mengatakan ini adalah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Memang ada kebenarannya tetapi seperti mana yang kita maklum ia juga adalah ancaman luar. Mereka ini datang ke Sabah. Mungkin salah satu caranya adalah bagaimana kita boleh melibatkan Kementerian Pertahanan, tentera kita di segi menguatkuasakan undang-undang yang ada di negeri Sabah dan ini mungkin caranya. Kalau ia bertentangan kena ia diselaraskan kerana masalahnya ada di situ. Ia perlu diselesaikan.

Jadi itulah pada pendapat saya pendekatan yang seharusnya kita ambil. Saya setuju masalah sosial berlaku di Sabah akibat daripada suasana seperti

ini. So, kita pohonlah agar perkara ini dapat diberi perhatian yang sewajarnya agar ia dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya demi kepentingan kita bersama.

So, atas hujah-hujah inilah Tuan Speaker, saya mohon menyokong Belanjawan 2000 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Seputeh.

12.32 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Universal Declaration on Democracy yang diterima oleh Interparliamentary Union (IPU), dalam September 1977 berbunyi, *the achievement of democracy 'pre' supposes a genuine partnership between man and women in the conduct of the affairs of society in which they worked in equality and complimentary drawing mutual enrichment from their differences*, dengan izin. Jadi dalam pilihan raya umum yang lepas kita menyaksikan 54% pengundi wanita telah menyertai dalam proses membuat keputusan untuk memilih kerajaan dan wakil rakyat mereka. Pilihan raya umum yang lepas telah menyaksikan pertambahan jumlah Ahli Parlimen wanita iaitu daripada 15 dalam Parlimen yang lepas ke 20 dalam Parlimen ini. Tetapi malangnya pertambahan jumlah Ahli Parlimen wanita tidak dibayangkan dari segi perlantikan menteri wanita di dalam Kabinet sebaliknya jumlah menteri wanita telah dikurangkan daripada tiga ke dua selepas pilihan raya umum ini. Marilah kita meneliti komposisi Kabinet dari segi jantina.

Selepas negara kita mencapai kemerdekaan selama 43 tahun ini, Kabinet kita setakat ini hanya mempunyai dua menteri penuh wanita dalam jumlah 29 menteri dan 2 Timbalan Menteri wanita di kalangan 28 Timbalan Menteri. Manakala kita hanya mempunyai tiga wanita di antara 15 Setiausaha Parlimen.

Jadi kalau kita lihat dari jawatan daripada menteri sehingga ke Setiausaha Parlimen hanya tujuh wanita di kalangan 62 anggota kerajaan yang tertinggi ini. Selain itu, walaupun Wanita MCA melancarkan kempen 'basket' yang menyebarkan maklumat yang palsu dan kadang-kadang bohong yang begitu giat sebelum pilihan raya tetapi usaha mereka tidak dibalas dengan

menteri MCA wanita yang penuh. Ini memanglah satu pengejian ataupun insult terhadap kaum wanita Malaysia secara keseluruhan terutamanya wanita komponen parti BN yang telah begitu giat berkempen dalam pilihanraya.

Perwakilan wanita yang rendah di Kabinet menunjukkan kerajaan BN tidak mengambil berat terhadap wanita dalam tahap membuat keputusan yang tertinggi kebangsaan. Sebenarnya, sekiranya negara kita mempunyai 54% pengundi wanita maka Kabinet kita kalau tidak mengandungi 54% ahli wanita, ia juga sekurang-kurangnya harus mempunyai 30% perwakilan wanita sebagai satu tanda penghormatan terhadap kaum ibu dan juga sumbangan wanita yang telah mengundi Barisan Nasional.

Dalam Mac tahun 1994, IPU telah menerima satu pelan tindakan untuk membetulkan ketidakseimbangan di antara lelaki dan wanita dari segi penyertaan politik iaitu *plan of action to correct present imbalances in the participation of man and women in political life*, dengan izin. Yang mana Parlimen Malaysia adalah salah satu ahli. Dan wakil negara kita juga akan menghadiri sesi mesyuarat khas Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu yang akan diadakan daripada 4 sehingga 9 Jun tahun ini untuk mengkaji semula langkah-langkah yang telah diambil oleh negara-negara yang berlainan dari segi follow up dengan izin terhadap *Beijing platform for action* yang diterima dalam September 1995 iaitu *Beijing 'Plus Five'*.

Saya tidak tahu apa yang akan dibentangkan oleh wakil negara kita dalam sidang wanita sedunia ini dan juga di sidang IPU memandangkan perwakilan wanita yang begitu rendah kerajaan secara keseluruhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat ada yang bangkit di sana ini, Kluang ya minta penjelasan.

Tuan Ho Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat bagi Seputeh yang mengatakan, sebab dia sentuh tentang MCA pula. Jadi saya ingin tanya Yang Berhormat tentang wakil dari wanita ini saya nampak kawan dari Yang Berhormat ini, PAS ini saya nampak belum ada lagi wakil wanita. Jadi adakah Yang Berhormat ingin merayu kepada pihak PAS supaya bagi peluang kepada wanita dalam soal ini. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Setahu saya PAS mempunyai wakil wanita dalam Dewan Negara, dan ada tiga orang dan ini haruslah soalan yang dijawab oleh parti PAS bukan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena minta penjelasan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Seputeh tadi memperjuangkan hak wanita tentang kekurangan bilangan wakil-wakil wanita dalam Kabinet kerajaan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa.., adakah Yang Berhormat ada satu pandangan lain terhadap pandangan yang diberikan oleh Perdana Menteri sewaktu selepas pembentukan Kabinet bila ditanya tentang kekurangan jumlah wanita dan juga beberapa orang tertentu wakil daripada Kelantan, beliau menyatakan bahawa mereka yang tidak dilantik kerana kurang kriteria. Adakah Yang Berhormat pun sendiri nampak bahawa wanita dalam Barisan Nasional sendiri pun kurang kriteria untuk membolehkan mereka diletakkan dalam post-post Kabinet yang ada sebab ada wanita daripada UMNO yang dulunya menteri sekarang ini turun jadi Ahli Parlimen biasa.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, ini memang menunjukkan bahawa pemimpin tertinggi kerajaan kita tidak mengambil berat terhadap sumbangan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, kita berada dalam era globalisasi. Penyertaan wanita dalam politik dan dalam tahap membuat keputusan yang tertinggi adalah satu arus dunia ataupun trend dunia. Ini merupakan satu bentuk demokrasi iaitu demokrasi dari segi jantina. Sekiranya kerajaan BN masih berminat untuk mencapai Wawasan 2020 demi menjadi negara maju di dunia maka negara kita juga harus mengikut aliran antarabangsa ini dan meningkatkan bilangan dan peratusan pemimpin wanita dalam berbagai tahap membuat keputusan termasuk rombongan kita ke luar negeri.

Setiap rombongan lawatan rasmi negara kita mesti mempunyai sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita untuk menunjukkan bahawa kerajaan mementingkan perwakilan dan kedudukan wanita. Walaupun kita hanya mempunyai 20 Ahli Parlimen wanita dalam Parlimen ini iaitu hanya

10% daripada jumlah Ahli Parlimen tetapi Parlimen kita masih tidak menunjukkan yang ia mementingkan perwakilan wanita dalam urusannya. Saya merasa kesal bahawa bukan semua jawatankuasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat ada yang berdiri, daripada Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sikit sahaja. Terima kasih. Saya bukan hendak usik cuma hendak bertanya sikit kerana saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat bagi Seputeh berhubung dengan masalah wanita. Kami lelaki pun mementingkan wanita juga.

Cuma saya hendak bertanyakan Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa selain daripada rakan-rakan Barisan Alternatif, DAP, KeADILan, nampak ada wanita dalam Dewan ini yang melalui proses pilihan raya. Jadi mungkin Yang Berhormat setuju supaya PAS kemudiannya juga akan diwakili oleh wakil-wakil wanita melalui proses pilihan raya, bukan setakat di Dewan Senat sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kita akan menggalakkan tapi ini bukan isu yang saya ingin bentangkan. Saya tujukan kepada Kerajaan BN sekarang. Saya merasa kesal...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ini ada yang berdiri, Petaling Jaya Utara minta penjelasan.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan mengapa Ketua Wanita DAP tidak dipilih sebagai calon di pilihan raya yang lepas. Thank you.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini soalan yang tidak perlu saya jawab. Ini hal ehwal dalam partilah. Saya juga ingin tanya sebenarnya kenapakah Ketua Wanita MCA tidak dilantik sebagai Menteri penuh? *[Ketawa]* Ini adalah apa yang saya perjuangkan untuk wanita MCA, jadi saya berharap Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara appreciate yang sokongan saya terhadap mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tidak bolehlah berbahas macam ini. Jangan tanya-tanya, tidak boleh
[Ketawa]

Puan Chew Mei Fun: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Jadi teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Minta penjelasan berkait tentang itu lagi ataupun apa dia?

Puan Chew Mei Fun: Ya, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Bagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey.

Puan Chew Mei Fun: Kalau berbanding dengan DAP, nasib kita Ketua Wanita MCA, sekurang-kurangnya dia Timbalan Menteri, tetapi Ketua Wanita DAP, calon pun tidak dapat *[Tepuk]*. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tidak apalah, dipertimbangkan dalam pilihan raya akan datang. *[Ketawa]*
Sila, nak jawab, jawablah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sebenarnya beliau telah menjadi ADUN selama 3 penggal dan saya ingat ini bukan isu pada masa sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya sentuh tentang perwakilan rombongan Parlimen. Saya merasa kesal bahawa bukan semua jawatankuasa dalam Parlimen ini mempunyai perwakilan wanita ataupun bilangan perwakilan wanita yang munasabah, begitu juga dengan komposisi rombongan Parlimen yang melawat ke luar negara. Walau bagaimanapun, kita masih boleh membuat ubahsuaian dalam masa yang datang. Saya berharap Parlimen kita akan mementingkan isu jantina dari segi rombongan Parlimen yang akan datang yang mana ia harus mempunyai 30% Ahli Parlimen Wanita seperti apa yang dipraktikkan oleh banyak Parlimen di negara maju, sebagai tanda untuk

meningkatkan dan mengiktirafkan kedudukan wanita di Parlimen dan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan menyambut Hari Wanita Antarabangsa pada 3 Mac yang akan datang. Pergerakan Wanita dan Pembebasan Wanita adalah pergerakan untuk menuntut demokrasi dan hak asasi manusia. Fakta bahawa kali ini rekod Parlimen dipecah dengan mempunyai 4 Ahli Parlimen Wanita daripada parti alternatif menunjukkan bahawa fikiran rakyat sudah berubah. Mereka bukan sahaja menuntut reformasi dan keadilan dalam politik negara tetapi mereka juga menghendaki lebih wanita dipilih dalam tahap membuat keputusan yang tinggi iaitu Parlimen untuk membawa perubahan-perubahan dan reformasi politik. Itu sebabnya saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pematang Pauh, Bukit Mertajam dan Batu Gajah dipilih masuk ke Dewan yang mulia ini. Kerajaan Barisan Nasional harus mendapat mesej yang dihantar oleh rakyat ini.

Memandangkan isu wanita menjadi isu yang semakin penting dalam agenda politik antarabangsa dan domestik, saya ingin menjemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat wanita di Dewan yang mulia ini, sama ada dari Barisan Nasional ataupun dari parti alternatif untuk berkerjasama memperjuangkan isu yang berkaitan dengan hak dan kepentingan wanita kerana masalah wanita memanglah masalah masyarakat, masalah humanity dan masalah negara. Saya ingin mempelawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat wanita di Parlimen untuk menyokong cadangan untuk membentuk Caucus Ahli Parlimen Wanita ataupun, dengan izin, Women MPs Caucus. Caucus ini boleh mempunyai suatu sekretariat bersama yang mengandungi dua pengerusi dan dua setiausaha, iaitu seorang pengerusi dan seorang setiausaha daripada BN dan seorang pengerusi dan seorang setiausaha daripada Barisan Alternatif. Tujuan pembentukan caucus ini adalah demi menegakkan keadilan dan memelihara kepentingan kaum ibu di seluruh Malaysia.

Saya ingin menyeru pemimpin kerajaan dan juga Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang telah menandatangani *Women's Agenda for Change* sebelum pilihan raya umum untuk menunaikan janji mereka dan memberi sokongan penuh terhadap idea Caucus Ahli Parlimen Wanita tersebut dan juga isu-isu yang berkaitan dengan kaum wanita. Ini termasuk

mempromosikan *Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja* yang dilancarkan oleh Kementerian Sumber Manusia sebelum pilihanraya umum yang lepas.

Dalam buku panduan Kod Amalan tersebut, makna ‘gangguan seksual’ adalah seperti berikut:

“Sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi ataupun fizikal:

- (i) yang, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaannya; ataupun*
- (ii) yang, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai pencabulan maruah atau penghinaan atau ancaman terhadap dirinya tetapi tiada hubungan terus dengan pekerjaannya.”*

Mengikut Kod Amalan tersebut, gangguan seksual boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pertama, gangguan seksual berbentuk ugutan (*sexual coercion*) yang memberi kesan secara langsung kepada status pekerjaan seseorang; yang keduanya adalah gangguan seksual berbentuk ancaman terhadap ketenteraman peribadi (*sexual annoyance*) yang dianggap oleh mangsa sebagai ancaman, ugutan ataupun penghinaan tetapi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan faedah-faedah pekerjaan. Walau bagaimanapun, tingkah laku itu menimbulkan suasana kerja tidak tenteram.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ada yang bangkit, Yang Berhormat Larut.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Biar saya habis dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia hendak habiskan dulu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh wakil bagi Seputeh tadi.

Cuma saya hendak tanya adakah gangguan seksual ini hanya tertumpu kepada wanita. Bagaimana pula pekerja wanita yang membuat gangguan seksual pada orang lelaki, genyit mata – macam-macamlah. Jadi, Bukit Mertajam tolonglah, saya tanya pada Seputeh, adakah Bukit Mertajam tolong bagi maklumat atau macam mana? Terima kasih

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan. Kalau mengikut Kod Amalan saya percaya Ahli Yang Berhormat ini belum baca Kod Amalan ini, perlu balik baca dulu. Ia diaplikasi terhadap kaum wanita dan juga lelaki kerana perkataan yang digunakan ialah ‘penerima’ ataupun ‘mangsa’ dan ia tidak sebut wanita ataupun lelaki. Jadi, lelaki pun akan termasuk dalam golongan mangsa inilah. [*Ketawa*]. Walau bagaimanapun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukit Mertajam berdiri, sila.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat dan saya yakin bahawa Yang Berhormat Seputeh, kita akan sama-sama membela mangsa gangguan seksual tidak kira jantina, walaupun lelaki atau wanita kan?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya. Memang, saya memang setuju.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan sedikit ya. Sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut minta penjelasan lagi. Hendak bagi tidak?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hei, cukuplah, cukuplah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini, bagaimana pula, sikit-sikit sahaja. Bagaimana pula.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Masa tidak banyak lagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:yang jantannya ada dua-dua

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jantannya ada dua-dua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nanti, nanti, nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya. [*Ketawa*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Walau bagaimanapun, tingkah laku ini menimbulkan suasana kerja tidak tenteram kepada mangsa yang terpaksa dialaminya untuk terus bekerja. Kesemua definisi yang disenaraikan di atas boleh di dapati dalam muka surat tiga sehingga enam dalam buku panduan kod amalan tersebut.

Berdasarkan dengan definisi yang digubalkan oleh Kementerian Sumber Manusia tersebut, perkataan yang digunakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Kinabatangan dan Ipoh Timur semasa Ahli Yang Berhormat DAP dari Batu Gajah dan Bukit Mertajam berucap, sudah tentunya merupakan satu bentuk gangguan seksual dan telah mencabuli kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja [*Tepuk*] yang digubal oleh kerajaan. Mengikut laporan

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya. Cukuplah jangan disentuh lagi Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, Datuk Speaker sendiri telah minta supaya perkara ini tidak dibangkitkan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Hendak beri jalan ke tidak hendak beri jalan?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay, last sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia bagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasihlah. Kita akur dengan peraturan mesyuarat. Kita datang sini dengan fikiran yang waras, matang.

Tuan Yang di-Pertua, sendiri telah minta supaya perkara ini tidak dibangkitkan lagi. Jangan panaskan lagi perkara ini. Ada baiknya kita tumpu kepada perkara-perkara yang lain. Saya mintalah perkara ini Tuan Yang di-Pertua sendiri sudah minta ya, keputusan supaya kita tidak bangkitkan lagi perkara ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, bukan yang semalam, yang sebenarnya ini bukan dibangkitkan sekali lagi oleh kami tetapi oleh Yang Berhormat bagi Rompin, oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, mereka memberi banyak justifikasi lagi dalam Dewan yang mulia ini dan kami tidak diberi peluang untuk menanya soalan dan ini adalah peluang bagi saya untuk menjawab semua penjelasan yang saya anggap tidak betul ini. Biar saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan akhbar setakat ini hanya terdapat sepuluh syarikat yang telah menerima kod amalan tersebut. Angka yang rendah ini menunjukkan bahawa usaha kerajaan terhadap isu ini masih kurang berjaya.

Sebenarnya, sekiranya kerajaan serius terhadap kod amalan ini, maka semua jabatan dan agensi kerajaan termasuk Parlimen, Dewan Perundangan yang paling tinggi ini haruslah menerima dan melaksanakan kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja tersebut untuk menunjukkan Kepimpinan Melalui Teladan, [*Tepuk*] satu slogan yang pernah dipakai oleh kerajaan seketika dahulu. Ini akan menunjukkan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Jadi, sama-samalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim:bahawa Barisan Nasional dan juga Parlimen adalah serius dalam perang melawan gangguan seksual.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, sama-sama.

Puan Teresa Kok Suh Sim:dan menunjukkan kod amalan tersebut bukanlah satu *lip-service* kepada pengundi wanita sebelum Pilihan Raya Umum sahaja.

Sekiranya Parlimen menerima kod amalan ini, maka ke semua Ahli-ahli Yang Berhormat haruslah berhati-hati dalam ucapan mereka dan mempunyai sensitiviti jantina yang lebih tinggi. Tingkah laku Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Ipoh Timur terhadap Ahli Yang Berhormat wanita pun dapat ditangani melalui kod amalan ini. Walaupun, Kinabatangan dan Ipoh Timur menggunakan pelbagai alasan untuk menjustifikasikan perkataan dua makna yang diutarakan oleh mereka tetapi penjelasan mereka adalah amat susah diterima.

Saya terima panggilan telefon daripada kawan Melayu saya dari Sabah, dia menafikan bahawa orang Sabah bercakap begini. Dia berkata, "*Bahawa kata-kata Kinabatangan ini memang telah memalukan orang Sabah dan kata-katanya juga telah mencemarkan bahasa Malaysia*".

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tajuk lain boleh Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim:memandangkan Kinabatangan pernah mencadangkan bahawa mereka yang tidak dapat menguasai bahasa Malaysia dengan betul tidak harus dijadikan calon dalam pilihan raya.

Jadi, saya pun mencadangkan kepada kerajaan bahawa Kinabatangan haruslah dibuang sebagai calon dalam pilihan raya yang akan datang [*Tepuk*] kerana penguasaan bahasa beliau yang begitu lemah. Walaupun Ipoh Timur

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah tapi saya hendak perlu ingatlah perkara ini

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tunggu, tunggu sekejap, tunggu sekejap. Perkara ini sama-sama ingat, bukan sahaja sesiapa saya hendak – tetapi hak yang bercakap, yang agak itu kena ingat sama, kadang-kadang apa yang kita cakap esok terkena kepada kita. Itu sahaja saya beri pandangan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih atas sokongan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Point of order berapa?

Dato' Zulhasnan bin Rafique: 36(6). “*Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada*” Tolong tarik baliklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Apa peraturan yang salah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tidak, ini dia menerangkan apa penjelasan dahulu. Dia tidak menyakit hati sesiapa tetapi perkara ini perlu diingatkan oleh semua.

Saya sudah cakapkan tadi, mungkin apa yang kita cakap ini satu masa kita tidak sedar perkara itu kena kepada kita. *[Ketawa]* Itu sahaja tetapi maknanya, eloklah sama-sama ingatlah, jangan buat perkara ini. Jadi, teruskan terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, yang menunjukkan sokongan yang begitu tinggi terhadap kehormatan kaum wanita. Saya ingin teruskan dua

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Isteri saya orang wanita. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Walaupun Ipoh Timur berkata bahawa beliau tidak bercakap begini di dalam Dewan yang mulia ini tetapi saya hendak tanya kenapakah beliau hanya sedar bahawa dia tidak bercakap begini selepas satu minggu dan selepas beliau membuat justifikasi di media.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri merupakan seorang mangsa gangguan seksual selepas saya dipilih menjadi Ahli Parlimen. Saya menerima ugutan telefon daripada seorang lelaki yang katanya ingin merogol saya. Saya membuat laporan polis pada 20 Disember tahun lepas tetapi polis tidak menjalankan siasatan selama tiga minggu pada mulanya dengan alasan mereka tidak mendapat Order To Investigate (OTI), lepas itu saya diberitahu oleh pegawai khas kepada Peguam Negara melalui surat yang bertarikh 27 Januari tahun ini bahawa pihak polis hanya memohon OTI daripada DPP Selangor pada hari media menyiarkan sidang akhbar saya berkenaan hal tersebut iaitu pada 13 Januari 2000.

Selain itu pihak polis mengklasifikasikan kes saya di bawah Seksyen 509, Kanun Penjenayahan ataupun Penal Code iaitu ‘Word or gesture intended

to insult the modesty of a person' yang membawa denda yang lebih ringan dan mengkehendaki polis mendapat OTI untuk menyiasat. Kes saya sepatutnya diklasifikasikan di bawah Fasal 503 dalam penal code iaitu di bawah Fasal Ugutan Penjenayah ataupun Criminal Intimidation yang mana polis menjalankan siasatan tanpa memerlukan OTI daripada DPP dan ia juga mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap pesalah.

Klasifikasi kes saya membayangkan sikap la zim polis terhadap aduan gangguan seksual daripada pengadu wanita. Kalau saya sebagai Ahli Parlimen wanita menghadapi layanan sebegini daripada pihak polis, macam mana dengan nasib beribu-ribu wanita yang mungkin menghadapi nasib yang sama seperti saya di seluruh negara yang tidak tahu apa yang perlu dibuat. Kalau juga Ahli Yang Berhormat wanita di Dewan yang mulia ini yang dipilih oleh rakyat ini menghadapi gangguan seksual di Dewan yang mulia ini, macam mana dengan nasib begitu ramai kaum wanita di tempat kerja mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bagi Seputeh sedar bahawa menurut laporan akhbar bahawa Yang Berhormat Petaling Jaya Utara juga menerima telefon yang sama, gangguan seks dan ini menunjukkan pentingnya kita semua mengamalkan kod ini.

Puan Chew Mei Fun: [*Bangun*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, saya memang setuju. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus meminda Fasal 509 dalam Penal Code supaya pihak polis boleh menyiasat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Petaling Jaya Utara berdiri Yang Berhormat minta penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masa lagi, kalau Tuan Yang di-Pertua, membenarkan saya teruskan dalam sesi petang. Saya boleh beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Masa 30 minit, kita tidak boleh beri. Kalau hendak beri jalan, berilah. Tidak beri ya. Tidak beri Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi, saya mesti teruskan. Kerajaan harus meminda Fasal 509 dalam Penal Code supaya pihak polis boleh menyasat kes yang diklasifikasi di bawah fasal ini tanpa merujuk kepada DPP untuk mendapat Order To Investigate.

Saya difahamkan bahawa ramai mangsa gangguan seksual wanita dan juga mangsa penganiayaan rumahtangga (domestic violence) juga menghadapi nasib yang sama di bawah fasal ini kerana polis selalu mengetepikan aduan mereka dengan alasan tidak menerima arahan untuk menyasat daripada DPP.

Tuan Yang di-Pertua, kod amalan untuk mencegah dan membasmi seksual di tempat kerja memanglah tidak cukup untuk memelihara martabat wanita di tempat kerajaan mereka kerana kod amalan ini tidak mempunyai kuasa undang-undang ataupun enforcement power.

Saya ingin menyeru kerajaan supaya membentangkan suatu rang undang-undang ‘Anti Gangguan Seksual’ di Parlimen ini untuk menggantikan kod amalan tersebut seperti yang apa diadakan di United Kingdom, Amerika Syarikat dan negeri-negeri lain supaya mereka yang mencabuli martabat seseorang insan sama ada dia seorang wanita ataupun lelaki boleh didakwa dan menghadapi akibat undang-undang.

Selain itu dengan adanya Akta Anti Gangguan Seksual ini gangguan seksual tidak pun dihadkan pada tempat kerja sahaja tetapi ia boleh diperluaskan ke semua sektor termasuk korporat-korporat rumah tangga, kampus, tempat-tempat awam dan juga panggilan telefon yang lucah dan juga termasuk Parlimen.

Saya berharap HAWA akan menunaikan janjinya untuk meminda undang-undang yang tidak bermanfaat terhadap kaum wanita seperti apa yang dijanjikan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dengan secepat mungkin. Saya menyeru HAWA akan menyokong cadangan saya untuk mengadakan Akta Anti Gangguan Seksual di negara kita dengan secepat mungkin.

Semasa kita membuat persediaan untuk menyambut Hari Wanita Antarabangsa adalah penting bagi kita mengingatkan nasib yang dihadapi oleh bekas Ahli Parlimen Kota Melaka yang dipenjarakan kerana memperjuangkan hak dan juga martabat seorang gadis. Saya tidak faham mengapa sebab

penghakiman bertulis oleh Mahkamah Persekutuan masih belum disediakan. Saudara Lim Guan Eng sudah pun keluar dari penjara. Bukankah satu asas sistem perundangan dalam Malaysia ialah seseorang harus tahu sebab mengapa dia dihukum penjara. Mana justifikasi jika penghakiman masih belum dikeluarkan sehingga hari ini untuk seseorang Ahli Parlimen yang dipenjarakan pada 25 Ogos 1998. Beliau adalah seorang Ahli Parlimen yang baik dan profesional selama tiga penggal dalam Parlimen. Beliau mengambil perbincangan dengan bernas dan pintar, maka kemampuan beliau khususnya dalam bidang ekonomi dan kewangan diakui umum.

Saudara Lim Guan Eng merasa kepahitan dan penderitaan yang dialami oleh rakyat, malah baginya kerelaan membela rakyat tidak mengira kaum inilah keistimewaan beliau sehingga diakui oleh masyarakat Melayu sendiri yang bersedia dipenjarakan untuk kaum Melayu. Beliau selalu tampil ke depan menegakkan keadilan sehingga beliau sendiri terkorban. Beliau

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Sila gulung Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, saya akan gulung dua perenggan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Beliau sekarang kehilangan semua dan terpaksa melalui penderitaan yang tidak terhingga kerana telah memperjuangkan hak dan juga keadilan untuk seorang gadis. Kawan-kawannya baik di dalam pembangkang dan kerajaan akan faham betapa pahit penderitaannya bila merengkok dalam penjara dengan badannya sakit dan terpisah daripada keluarga tersayangannya.

Saya ingin mengeluarkan simpati dan solidarity terhadap rakan karib saya Lim Guan Eng yang merupakan pemimpin anak watan negara yang berjiwa rakyat dan tidak mengenali perkauman. [*Tepuk*] Keberanian dan ketabahan membela kebenaran akan dicatat oleh sejarah nanti.

Oleh itu akhirnya saya berharap kerajaan bolehlah sedar tentang sokongan yang diberikan oleh rakyat terhadap keadilan dan kebenaran

sehingga 300,000 rakyat Malaysia dari pelbagai kaum telah menandatangani petisyen meminta Lim Guan Eng dan dipulihkan segala hak sivil dan politiknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Masa Yang Berhormat sudah habis.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.03 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat bagi Kluang, sila sambung.

14.32 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2000 pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2000 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan membuktikan azam kerajaan untuk meneruskan dasar pragmatik bagi memperkukuhkan lagi pemulihan ekonomi. Pada masa yang sama, kerajaan memulihkan ekonomi negara kita adalah satu kejayaan yang amat bermakna demi kemajuan dan kelangsungan bangsa dan negara. Sesiapa pun tidak boleh menafikan bahawa kegawatan ekonomi mulai Julai 1997 menghapuskan kecemerlangan yang dicapai oleh negara dalam bidang pembangunan ekonomi sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Dalam menangani kegawatan ekonomi, kerajaan melaksanakan beberapa langkah pemulihan secara drastik dan membelakangi proses liberalisasi kewangan dan perdagangan bebas. Seperti yang dijangkakan penganut doktrin perdagangan bebas mengutuk sekeras-kerasnya tindakan

kerajaan terutamanya langkah mengawal perbekalan asing dan menurunkan kadar faedah. Pedagang mata wang pula rakus mengaut keuntungan secara tanpa mengenangkan kesengsaraan rakyat negara ini yang berpunca daripada tindakan mereka pula tidak dipersalahkan. Kini terbukti tindakan berani menentang arus yang dilaksanakan secara bijaksana oleh kerajaan berjaya menyelamatkan maruah dan kedaulatan bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengambil kira persekitaran ekonomi luar dan dalam negeri, belanjawan kali ini yang merupakan kali pertama bagi abad yang ke-21 ini perletakkan asas, hala tuju dasar dan strategi pembangunan negara bagi menghadapi cabaran serta merebut peluang di alaf baru. Perangkaan terbaru menunjukkan KDNK benar negara meningkat 10.6% pada suku keempat tahun 1999 berbanding 4.1% pada suku kedua dan 8.2% pada suku ketiga selepas mengalami penurunan pada lima suku tahun berturut-turut sebelumnya.

KDNK benar sepanjang tahun 1999 dijangkakan meningkat 5.4% berbanding penurunan 7.5% sepanjang tahun 1998. Manakala jumlah simpanan antarabangsa Bank Negara meningkat kepada RM117.3 bilion pada 31 Disember 1999 iaitu cukup untuk membiayai enam bulan import tertangguh. Pendek kata, belanjawan kali ini menekankan memperkukuhkan lagi daya saing dan daya tahan negara kepada risiko-risiko luaran menjadi sektor perkhidmatan sebagai pendorong pertumbuhan ekonomi di samping memantapkan sektor pertanian, meneruskan program sosial dan kesejahteraan rakyat serta penjagaan alam sekitar. Strategi Belanjawan 2000 terus memberi tumpuan kepada usaha mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, terutamanya mencergaskan permintaan dalam negeri sebagai bencana utama pertumbuhan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya ekonomi negara kita telah pulih dengan cepat dan pertumbuhannya akan bertambah mantap pada tahun 2000 ataupun tahun ini, kita perlu berwaspada dan bersedia menghadapi cabaran luaran dan dalaman. Walaupun unsur-unsur luar seperti pemulihan serantau masih belum mantap dan ia juga terdedah kepada risiko berterusan daripada serangan spekulator mata wang dan sebagainya yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Maka saya fikir kerajaan masih perlu memberi tumpuan bagi menangani isu-isu ekonomi dalaman dengan sebaik mungkin bagi memperkukuhkan lagi asas pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia telah keluar dari belunggu kemelesetan krisis kewangan yang lalu menyedarkan kerajaan beberapa kelemahan struktur yang harus kita perbaiki. Oleh kerana ekonomi negara kita terlalu bergantung kepada permintaan luar, permintaan dalam negeri khususnya dari sektor swasta kurang berkeupayaan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Asas eksport negara pula, mesti diperluaskan dan dipelbagaikan, tidak hanya bertumpu sebahagian besar kepada barangan perkilangan khususnya barangan elektronik dan separa konduktor. Memandangkan demikian, untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan, asas-asas ekonomi kita perlu lebih seimbang dan punca pertumbuhan dipelbagaikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai MITI. Sejumlah RM332 juta telah pun diperuntukkan bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada Belanjawan tahun 2000 ini. Antaranya RM70 juta adalah untuk Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC). Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merangkumi peratusan yang tinggi dari jumlah sektor perkilangan. Secara amnya syarikat-syarikat IKS yang mempunyai modal berbayar RM2.5 juta ke bawah dan bekerja sepenuh masa kurang dari 75 orang adalah dikecualikan dari lesen perkilangan.

Walau bagaimanapun, kesemua syarikat ini adalah layak untuk memohon insentif di bawah Akta Penggerakan Pelaburan 1986. Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana memang berusaha menyalurkan bantuan dan sokongan kepada IKS terutamanya dari segi pembinaan, kemampuan dan juga dalam memperolehi dana untuk operasi mereka semasa kelembapan ekonomi ini. Sokongan institusi juga diberikan kepada pihak kerajaan kepada syarikat-syarikat IKS dalam menerokai peluang pasaran eksport untuk mengimbangkan pengukuhan yang berlaku dalam permintaan pasaran tempatan.

Tetapi pengukuhan dalam permintaan tempatan dan permintaan luar yang lemah akibat daripada krisis kewangan serantau telah menjejaskan

prestasi syarikat-syarikat IKS. Kaji selidik yang telah dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana mendapati bahawa syarikat-syarikat dalam sektor mesin dan kejuruteraan paling banyak terjejas. Manakala sektor berasaskan sumber yang paling kurang terjejas kalau berbanding dengan sektor-sektor yang lain.

Jadi, syarikat-syarikat IKS yang banyak terjejas ini adalah yang bergantung kepada pasaran tempatan tetapi sumber-sumber pengeluaran diimport dari luar yang kebanyakannya menggunakan Dolar Amerika. Bagi terus menyokong usaha-usaha pemulihan ekonomi dan mengurangkan kesukaran yang dialami oleh syarikat-syarikat IKS, saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan telah menubuhkan Tabung IKS dan Tabung pemulihan untuk IKS. Tabung-tabung ini bertujuan membantu syarikat-syarikat yang menghadapi masalah pinjaman tidak berbayar dan masalah aliran tunai yang boleh diperolehi di institusi-institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar sektor Industri Kecil dan Sederhana ini yang mempunyai daya saing yang tinggi dapat meningkatkan keupayaan dan ketahanan ekonomi khususnya IKS yang moden. Oleh itu sektor ini akan terus diberi keutamaan, keupayaan dan ketahanan yang menyumbangkan lebih ketara kepada permintaan dalam negeri dan pasaran eksport. Seperti yang dinyatakan dalam Belanjawan 2000 ini sehingga ini sejumlah RM4.7 bilion telah diperuntukkan di bawah beberapa dana untuk membangunkan IKS dan untuk memastikan dana ini dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai pengusaha serta pengagihan yang lebih saksama. Syarikat-syarikat yang berkeelayakan ini akan dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kluang, ada yang

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya hendak sedikit penjelasanlah. Berhubung dengan IKS ini saya ucap terima kasih dengan sokongan Yang Berhormat juga, saya ingin minta sedikit penjelasan yang mana pada hari ini kita lihat ramai kalangan golongan IKS terutamanya mereka yang pertama kali melibatkan diri dalam bidang usahawan ataupun perniagaan dapat pinjaman tetapi mereka gagal. Salah satu

sebabnya kerana kegawatan ekonomi baru-baru ini. Apakah mereka ini hendak dijatuhkan taraf muflis dan sebagainya ataupun sepatutnya kerajaan memberi mereka peluang kali kedua dan sebagainya untuk memastikan mereka ini boleh berjaya di masa yang akan datang. Cuba beri sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih rakan bagi Tampin. Sebenarnya saya akan masuk perkara ini sebentar nanti. Terima kasih atas perhatian yang sama yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat bagi Tampin.

Memang kerajaan melalui pihak MITI telah berusaha untuk membantu IKS khususnya menubuhkan tabung-tabung untuk IKS tetapi dua, tiga bulan dahulu apabila saya ditemui oleh beberapa syarikat IKS di mana mereka masih memerlukan bantuan kewangan – apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tampin. Dalam pertemuan ini saya nampak, ramai di antara pengusaha-pengusaha IKS mereka masih tidak sedar atau kadang-kadang kurang sedar tentang kemudahan-kemudahan ataupun fasiliti-fasiliti yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dan dalam pertumbuhan ini juga mereka memaklumkan kepada saya, yang pertama tentang kemudahan-kemudahan ataupun fasiliti-fasiliti yang diberikan oleh institusi kewangan ataupun bank-bank kepada mereka, pada ‘kita’ dahulu yang telah pun ditarik balik dalam satu atau dua tahun selepas ini. Mungkin disebabkan oleh kegawatan ekonomi dan ini menyebabkan mereka lebih susah kerana masalah kewangan ini. Kalau keadaan ini benar, saya ingin merayulah kepada pihak institusi kewangan supaya semua credit line ini yang ditarik balik ini dapat ditawarkan semula kepada mereka yang memerlukan kemudahan-kemudahan ataupun fasiliti-fasiliti ini, seperti yang dikatakan oleh rakan saya dari Tampin tadi yang...., memberi satu peluang lagi untuk mereka berusaha untuk meningkatkan lagi prestasi mereka.

Yang kedua, tentang *human resource development fund* ini mereka memberitahu saya mengatakan bahawa human resource development fund ini masih jauh under utilise, dengan izin. Maka, saya ingin menarik perhatian kepada pihak MITI supaya *human resource development fund* ini dapat digunakan dengan sepenuhnya untuk memberi faedah dan manfaat kepada sektor Industri Kecil dan Sederhana di negara kita ini.

Ketiga, ialah tentang bayaran Sijil Halal. Saya kurang pasti bayaran ini sebab bayaran yang dikatakan oleh pengusaha IKS ini yang katakan Sijil Halal ini terlalu tinggi selepas ia diswastakan. Walau bagaimanapun, MSI Association Malaysia dan National MSI Consultative Centre telah merayu kepada pihak kerajaan pada April tahun yang lalu, kalau tidak silap saya, tetapi mereka masih belum dapat apa-apa maklum balas ataupun jawapan daripada pihak yang berkenaan. Jadi, saya, dalam perbincangan ni sekali lagi ingin bagi pihak IKS ingin merayukan kepada pihak kerajaan supaya dapat mengkaji semula tentang perkara-perkara ini dan mudah-mudahan kita dapat satu penyelesaian yang baik dalam perkara ini untuk membantu sektor IKS di negara kita ini.

Dan satu perkara lagi mengenai menarik pelaburan asing. Pada mesyuarat yang lepas saya tidak sempat untuk membangkitkan perkara ini. Walau bagaimanapun, saya ingin bangkit sekali lagi di perbincangan ini ialah tentang zoning untuk menarik pelaburan asing di satu kawasan. Saya rasa zoning ini ialah penting untuk meletakkan kilang-kilang IKS sebagai kilang sokongan kepada kilang-kilang besar yang dimiliki oleh pihak swasta ataupun pihak pelabur asing di mana kalau kita dapat mencadangkan satu kawasan di mana kilang-kilang besar dari negara asing dapat 'meletakkan' di kawasan tersebut dan buat masa yang sama, kilang-kilang IKS dapat didirikan di persekitaran kilang-kilang besar ini menjadi satu kilang sokongan. Jadi, kita dapat memberi satu kemudahan kepada kilang-kilang besar dan buat masa yang sama dapat membantu pihak IKS di kawasan yang tersebut.

Dan yang kedua ialah tentang pemindahan teknologi ini. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan supaya dapat menarik banyak pelaburan dari negara asing tetapi sejak kita menarik mereka datang melabur di negara kita setakat hari ini, adakah pemindahan teknologi ini berlaku dan macam mana rancangan kerajaan khususnya MITI supaya dapat menentukan pemindahan teknologi ini dapat sentiasa dijalankan untuk memberi kemudahan dan buat masa yang sama dapat membantu kilang-kilang ataupun pengusaha-pengusaha kilang di kawasan berhampiran di negara kita ini. Jadi, saya sentiasa berharaplah dua perkara ini dapat menarik perhatian pihak MITI supaya dapat membantu kilang-kilang pengusaha tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai golongan belia. Golongan belia yang merupakan kelompok rakyat yang perlu diberikan perhatian yang sewajarnya kerana mereka merupakan golongan teristimewa bagi bakal mewarisi kekayaan, pembangunan, kestabilan, perindustrian dan juga dengan segala yang terdapat di negara kita ini. Saya percaya kerajaan memang ada rancangan dan juga menyusun pelbagai strategi dan pelan bertindak untuk memantapkan lagi belia dan melahirkan insan yang berkualiti. Belia kita akan merupakan satu generasi yang kuat keazamannya, mantap akal budinya serta menghayati semangat kecintaan terhadap negara yang tidak berbelah bagi. Sejumlah RM44.6 juta dalam Belanjawan 2000 ini yang disediakan oleh program-program pembangunan belia. Di antara program yang diberikan penekanan khas iaitu Program Rakan Muda yang bertujuan membanteraskan gejala sosial yang tidak diingini di kalangan remaja ini dan Program Rakan Muda ini sudah banyak kita sebutkan di dalam Titah Ucapan Diraja. Jadi, saya tidak perlu mengulangi.

Bagaimanapun program untuk membangunkan kepimpinan, program untuk membangunkan usahawan muda harus digalakkan dengan meningkatkan minat lebih ramai lagi anak muda yang melibatkan diri menjadikan ahli NGO belia dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang sihat dan berguna serta memberikan peluang pembangunan, kebolehan dan kepimpinan anak-anak muda.

Walau bagaimanapun, saya berharap pihak kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan akan dapat mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti dan rancangan-rancangan yang tertentu untuk mempersiapkan lagi generasi muda kita ke abad yang ke-21. Antaranya, saya berharap kerajaan dapat melatih lebih ramai lagi generasi muda dalam bidang kepimpinan terdiri daripada belia le pasan sekolah ataupun institusi pengajian tinggi supaya dapat menampilkan pemimpin pelapis yang punya rasa dan sikap bertanggungjawab.

Yang kedua ialah, memikirkan rancangan-rancangan 'yang' mengenai potensi pembangunan belia dalam berbagai bidang seperti penubuhan Institusi Kemahiran Belia dan Pusat Aktiviti Belia di peringkat negeri dan peringkat daerah. Mungkin sudah sampai masanya kerajaan dapat mengkaji semula

program kepimpinan, Program Rakan Muda dan Program Pembangunan Wanita, mungkin termasuk juga Dasar Belia Negara supaya kita dapat mengimpikan untuk membina generasi muda kita yang bukan sahaja mempunyai nilai-nilai yang terpuji dan luhur tetapi juga penuh rasa tanggungjawab sebagai generasi 'pembinaan' negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara, tak salah saya pada lima tahun dahulu, Kementerian Belia dan Sukan pernah menekankan lima agenda perdana dan tujuh program teras ke arah memperkasa pembangunan belia di negara kita ini. Saya ingin tahu selepas lima tahun pelaksanaan lima agenda perdana dan tujuh program teras ini bagaimana pencapaiannya setakat hari ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ulasan dan sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Kluang. Rancangan-rancangan untuk memajukan belia daripada Kementerian Belia dan Sukan terlampau banyak dan semuanya mengarah kepada suatu hasrat untuk melihat belia negara kita ini maju, berjaya, tahan diri, berdaya saing dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa program yang baik ini tidak begitu lancar dapat dijalankan kerana kekurangan tenaga pegawai di peringkat bawahan, peringkat daerah yang tak dapat nak menjalankan program-program yang baik daripada kementerian Jadi apakah agaknya boleh pihak kementerian pada pandangan Yang Berhormatlah untuk menambah kakitangan dan pegawai-pegawai yang berkelayakan untuk melaksanakan program yang telah diluluskan ataupun yang telah diatitkan. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya sebenarnya setuju, sedangkan perkara ini telah pun kita bangkitkan bukan sekali atau dua kali di dalam Dewan yang mulia ini, sudah banyak kali kita bangkitkan supaya pegawai-pegawai bukan sahaja di peringkat negeri khususnya di daerah-daerah supaya dapat menambah pegawai untuk menjalankan tugas demi segala program-program dan rancangan-

rancangan yang dijalankan oleh pihak kementerian dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Saya rasa ini adalah satu kelemahan, saya berharap Kementerian Belia dan Sukan dapat melihat perkara ini dengan serius supaya tenaga kita di bawahan, di kawasan di daerah-daerah dipenuhi supaya dapat menjalankan tugas dengan lebih baik dan sempurna. Saya ucapkan terima kasih kepada rakan saya daripada Sri Gading tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, 15 Mei adalah merupakan Hari Belia, adakah kementerian selain daripada mengadakan perhimpunan secara besar-besaran juga dapat merancang aktiviti-aktiviti dan program-program lain mungkin dalam satu minggu sebagai perayaan secara karnival supaya dengan penglibatan golongan belia dalam seminggu ini kalau boleh di seluruh negara memberi pengiktirafan yang lebih tinggi kepada belia. Saya nampak kita merayakan hari belia cuma ada satu perhimpunan besar, selepas itu tak ada rancangan-rancangan atau aktiviti-aktiviti susulan ataupun sampingan untuk kita mengadakan perayaan ini.

Jadi saya harap Kementerian Belia dan Sukan dapat melihat perkara ini dan saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya dalam hari perayaan belia ini kita dapat mempelbagaikan lagi aktiviti-aktiviti demi penglibatan belia dalam hari perayaan ini. Di samping ini, saya haraplah selain daripada cadangan ini adakah kementerian sebenarnya sudah merancang tentang konsep dan program-program untuk merayakan hari belia ini supaya ianya merupakan satu perayaan yang lebih berwawasan dan bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai Akta Hak Cipta tahun 1987. Secara ringkasnya saya ingin sebut di sini ialah di bawah akta ini Photography Performance Malaysia Sdn Bhd. ataupun dengan ringkasnya PPM yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan lesen di bawah seksyen 13(1)(b) akta ini. Syarikat PPM telah mengedarkan notis sekarang kepada coffee house, kepada pub, lounge, restaurant, kedai kopi, persatuan-persatuan gerai-gerai mungkin yang mengatakan bahawa di tempat awam sama ada melalui computer, kaset, CD, radio ataupun TV yang memainkan muzik ahli-ahli PPM, tak kira tempatan ataupun antarabangsa, kecuali rumah kediaman

dan kenderaan sendiri perlu memohon lesen daripada PPM. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah restoran-restoran kecil termasuklah kedai-kedai makan, kedai-kedai kopi tradisional, gerai-gerai yang merupakan peniaga kecil dan jika mereka meletakkan sebuah radio ataupun television di kedai mereka, mereka memang tidak tahu bila radio ataupun television ini akan mengeluarkan muzik ahli-ahli PPM walaupun mereka mungkin tak ingin mendengar pun. Jadi ini termasuk kepada persatuan-persatuan yang tidak mempunyai ahli yang ramai, keadaannya pun sama,

Maka saya berharaplah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dapat mengkaji semula dengan teliti dan dapat berbincang dengan syarikat PPM supaya kedai makan, kedai kopi yang merupakan kedai tradisional ini, yang merupakan peniaga kecil ini dan persatuan-persatuan yang saya sebut tadi dapat dikecualikan daripada lesen PPM. Jadi memandangkan ini akan melibatkan orang ramai yang begitu serius di kawasan mana-mana pun termasuk di kawasan saya sendiri, maka saya ingin memohon kepada kementerian supaya dapat berbincang balik dengan syarikat PPM supaya perkara ini dapat mencapai satu penyelesaian yang baik.

Akhir sekali tentang Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, sehingga pagi ini tak sempat saya untuk bangkit satu perkara apabila minta jawapan soalan tambahan di mana Menteri jawab pada pagi ini iaitu tentang penggunaan internet dan juga komputer. Saya ingin membangkitkan di sini ialah tentang pencapaian E-Commerce di negara kita ini. Selama kita menggunakan IT ini saya sangat berharap supaya pihak kementerian dapat melihat perkara ini di mana kita dapat membantu peniaga-peniaga negara kita menggunakan E-Commerce dengan sepenuhnya dan saya ingin tahu daripada kementerian setakat hari ini pencapaian pengusaha-pengusaha kita dalam menggunakan E-Commerce ini. Adakah kementerian puas hati dengan prestasi ini ataupun ada rancangan lain untuk meningkatkan lagi penggunaan E-Commerce di kalangan peniaga-peniaga di negara kita ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sajalah beberapa perkara yang saya sampaikan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jelutong.

3.00 ptg.

Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam perbahasan Belanjawan tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Encik Lim adalah seorang pesara. Dengan wang pencennya beliau telah membeli sebuah rumah berharga RM150,000 dari sebuah syarikat pemaju. 90% dari rumah tersebut telah siap dibina. Apabila negara kita dilanda kegawatan ekonomi, syarikat pemaju tersebut telah digulungkan. Encik Lim sekarang kena bayar RM500 tiap-tiap bulan sebagai faedah kepada bank dan pada masa yang sama membayar RM500 lagi untuk menyewa rumah. Beliau tidak tahu bilakah rumahnya akan siap dibina. Saya percaya peristiwa tersebut yang berlaku di kawasan saya bukanlah satu peristiwa yang ganjil tetapi adalah sesuatu yang biasa berlaku di seluruh negara. Kejadian seperti ini bertambah buruk apabila negara kita dilanda kegawatan ekonomi.

Peristiwa-peristiwa yang sedih ini berlaku berulang-kali kerana undang-undang yang mengawal industri perumahan mempunyai kelemahan-kelemahan yang serius dan patut diperbetulkan serta-merta. Mengikut statistik yang saya perolehi, pada akhir tahun 1999, 158 projek perumahan masih terbengkalai membabitkan 16,387 orang pembeli dengan nilai dianggarkan RM2,326 juta iaitu RM2.326 bilion. Statistik itu dijangka berganda sekurang-kurangnya dua kali jikalau kerajaan tidak mengambil tindakan yang pantas untuk mengatasi kegawatan ekonomi baru-baru ini.

Undang-undang yang mempunyai kelemahan-kelemahan adalah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan juga Akta Hakmilik Strata. Kelemahan-kelemahan yang saya nyatakan tadi adalah seperti berikut:

Pertama, Sijil Kelayakan Menduduki tidak perlu dikeluarkan sebelum harga rumah sepenuhnya dikutip oleh pemaju dan milikan kosong diberi oleh pemaju. Amalan ini telah menyebabkan pembeli-pembeli terpaksa membayar harga belian sepenuhnya tetapi tidak dapat menduduki rumahnya selagi Sijil Kelayakan Menduduki tidak dikeluarkan oleh kerajaan tempatan. Ini bermakna atas apa jua sebab pun apabila Sijil Kelayakan Menduduki tidak dikeluarkan, pembeli-pembeli akan menjadi mangsa.

Kedua, tidak ada jaminan diberi kepada pembeli-pembeli bahawa rumah-rumah mereka akan sempurna dibina dalam jangka masa yang ditetapkan kerana harga belian dibayar oleh pembeli-pembeli adalah mengikut peringkat yang telah dijadualkan di dalam perjanjian jual beli. Apabila pemaju menghadapi masalah, bangunan yang separuh siap akan dibiarkan begitu saja tetapi pembeli terpaksa membayar faedah kepada bank yang telah mengeluarkan pinjaman mengikut peringkat yang telah dijadualkan.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan yang ketiga, akta yang disebutkan juga tidak mengawal bangunan-bangunan yang bukan untuk kediaman seperti pejabat-pejabat dan bangunan-bangunan industri seperti kilang-kilang untuk industri kecil dan sederhana. Ini menyebabkan di sektor pejabat dan industri terma-terma perjanjian jual beli tidak dikawal langsung. Ini telah memberi ruang kepada pemaju-pemaju untuk mengutip harga belian sebelum kerja-kerja fizikal dijalankan.

Kelemahan yang keempat, pembayaran 'sinking fund', 'consent fees', 'maintenance charges' dan lain-lain caj tidak dikawal selia atau di'regulate', dengan izin, oleh undang-undang yang sedia ada. Ini menyebabkan sebahagian pemaju-pemaju mengutip bayaran-bayaran tersebut sesuka hati dan kutipan-kutipan tersebut disalah gunakan.

Kelemahan yang kelima, tidak adanya satu jangka masa yang dihadkan untuk Hakmilik Strata dikeluarkan. Ini menyebabkan maintenance untuk rumah-rumah pangsa, condominium, bangunan pejabat selalunya diabaikan oleh pemaju-pemaju yang enggan menjalankan tugas maintenance kerana tugas tersebut tidak menguntungkan.

Kelemahan keenam, Management Corporation tidak diberi kuasa yang praktikal seperti memberhentikan, dengan izin, disconnect bekalan elektrik

dan air ke pemilik-pemilik unit-unit yang tidak membayar maintenance charges. Walaupun Management Corporation mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang sivil untuk mengutip bayaran maintenance charges ini dari pemilik-pemilik tetapi tindakan-tindakan undang-undang memakan masa yang panjang dan perbelanjaan guaman yang mahal. Ini adalah di antara sebab-sebab utama mengapa maintenance untuk rumah-rumah pangsa, kondominium, bangunan pejabat selalunya terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang disebutkan tadi adalah seperti berikut:

- (i) jikalau polisi 'bina sekarang dan jual kemudian' tidak dapat dilaksanakan pada masa sekarang, undang-undang mesti diperuntukkan di mana sekurang-kurangnya 50% harga belian akan ditahan sampailah selepas sijil kelayakan menduduki dikeluarkan dan selepas Hakmilik Strata atau Hakmilik Berasingan dikeluarkan;
- (ii) satu Tribunal atau arbitration board diwujudkan oleh kementerian untuk menyelesaikan pertikaian di antara pembeli-pembeli dan pemaju dengan cepat dan murah;
- (iii) satu sistem 'blacklisting' diadakan bukan hanya untuk syarikat pemaju-pemaju yang 'unscrupulous', dengan izin, tetapi juga untuk pengarah-pengarah di belakang syarikat-syarikat tersebut;
- (iv) satu jangka masa ditentukan untuk pejabat-pejabat yang berkenaan untuk mengeluarkan Surat Hakmilik Strata atau Surat Hakmilik Berasingan. Pemohonan yang tidak lengkap tidak sepatutnya dijadikan alasan mengapa hakmilik strata tidak dapat dikeluarkan jikalau kita tidak layan permohonan yang tidak lengkap;
- (v) undang-undang yang sedia ada dikaji semula supaya semua bangunan yang dibina dikawal oleh undang-undang dan bukan hanya tertumpu kepada bangunan-bangunan perumahan sahaja; dan

- (vi) prosedur bagaimana 'sinking fund, maintenance chargers' dan lain-lain caj dikutip dan bagaimana ianya digunakan mestilah dikawal dengan ketat.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kelemahan-kelemahan yang saya katakan tadi mendapat perhatian serius kementerian-kementerian berkenaan dan tindakan-tindakan diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut. Hanyalah selepas kelemahan-kelemahan yang dinyatakan tadi dapat diatasi barulah insentif-insentif pengecualian dan peremitan dan duti setem yang diperuntukkan di bawah Belanjawan 2000 bermakna kepada pembeli-pembeli bangunan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

3.07 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian sedikit dalam membahas Belanjawan Tahun 2000 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25 Februari yang lalu.

Sebelum saya memberi pandangan, sedikit sebanyak ingin saya menyentuh sedikit harapan rakyat di kawasan Rantau Panjang. Amnya ialah rakyat Rantau Panjang sekarang ini terlalu berdukacita kepada kerajaan Malaysia kerana satu projek yang agak besar yang dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat Kelantan khasnya rakyat kawasan Rantau Panjang yang dimulakan pada awal tahun 80'an lagi tetapi sehingga sekarang masih belum beroperasi iaitu projek kawasan bebas cukai.

Walaupun keadaan sekarang ini agak memalukan kita di mana pagar keselamatan jalan tersebut telah pun dibaiki sebanyak dua kali dan bangunannya telah dicat sebanyak tiga kali dan cermin-cermin bangunan juga telah pecah sama sekali dan sudah pun tiga wakil rakyat bertukar tangan di tempat tersebut tetapi kawasan bebas cukai itu masih lagi tidak beroperasi. Saya harap Menteri yang berkenaan supaya peka dalam keadaan ini dan

seboleh-bolehnya sepatutnya dipercepatkan oleh kerana pihak kerajaan negeri pun telah setuju lebih awal beberapa tahun yang lalu.

Itu bagi rakyat kawasan Rantau Panjang dan saya rasa bagi kerajaan Kelantan pula saya rasa bertanggungjawab untuk memberi sedikit penjelasan terutama sekali jawapan daripada pihak Menteri berkaitan dengan permohonan sebidang tanah oleh Pusat Latihan Belia dan untuk Program Rakan Muda. Keadaan ini sebenarnya kerajaan Kelantan tidak pernah menolak permohonan tersebut tetapi apa yang berlaku ialah kerajaan Kelantan menangguhkan permohonan tersebut kerana pihak kerajaan ingin mendapat sedikit penjelasan tentang pengisian program yang akan dilaksanakan di dalam projek tersebut, itu sahaja. Tetapi sayangnya sehingga sekarang ini pihak kerajaan pusat masih lagi tidak memberi jawapan kepada negeri dan kita masih menunggu jawapan untuk diberi penjelasan atau kelulusan seterusnya. Pembentangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat bagi Bachok bangun.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan dan pandangan sedikit daripada pihak Yang Berhormat Rantau Panjang berhubung dengan Pusat Latihan Belia ataupun kegiatan Rakan Muda yang dibangkitkan oleh wakil daripada BN. Untuk makluman dan sedarkah pihak Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bahawa satu institut latihan belia telah dan sedang dalam proses pembinaan di satu kawasan tapak di Tangok, Bachok hasil daripada persetujuan rasmi kerajaan negeri untuk pihak Kementerian Belia menguasai pusat latihan ini. Sekian terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya sedar dan oleh kerana itulah maka pihak kerajaan negeri menangguhkan dahulu permohonan bagi kali yang kedua kerana kelulusan yang pertama masih lagi tidak selesai.

Pembentangan Belanjawan kali ini merupakan pembentangan ulangan kali kedua selepas selesainya pilihan raya 1999 yang lalu. Sebelum ini pembentangan Belanjawan Tahun 2000 merupakan satu pembentangan pilihan raya untuk memikat dan memancing undi rakyat agar menyokong Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lalu.

Namun begitu jelas sekali selepas pilihan raya, walaupun Barisan Nasional dapat mengekalkan pemerintahannya UMNO terus mengalami

kemerosotan sokongan daripada rakyat, Melayu Islam khususnya. Mengikut satu kajian yang dibuat lebih kurang 75% masyarakat Melayu Islam telah menyokong PAS dan Barisan Alternatif. Mereka ini telah menolak UMNO akibat daripada ketidakmampuan UMNO membela masyarakat Melayu Islam dari segi ekonomi, pendidikan, agama dan seumpamanya.

UMNO yang mengetuai Barisan Nasional juga tidak mampu memainkan peranan seadil-adilnya dalam menerajui pimpinan negara. Pemimpin-pemimpin UMNO khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari UMNO tidak usahlah berbangga dengan kejayaan UMNO dan Barisan Nasional yang mampu mengekalkan pemerintahan negara dengan majoriti lebih dua pertiga. Kepimpinan negara kini masih diterajui oleh seorang yang melewati umur ataupun waktu ataupun usianya banyak memberi masalah kepada negara malah kepada UMNO itu sendiri. Tambahan pula ia masih disokong kuat oleh Menteri Kewangan yang dipersoalkan oleh rakyat dari segi ketelusan pengurusan kewangan negara.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya tidak beri, saya akan beri penjelasan lima minit akhir, insya-Allah. Bukan sahaja dua muka lama ini menerajui negara tetapi terdapat beberapa muka lama lain yang masih berada dalam siasatan BPR seperti Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan beberapa yang lain lagi. Pendek kata kepimpinan negara kini ibarat sebuah bas yang berjalan dalam keadaan tayar yang pecah ataupun pancit oleh itu sudah tentu perjalanan bas tersebut tidak akan stabil, kelam-kabut dan terhoyong-hayang. Penumpang-penumpangnya pula akan sentiasa berada dalam keadaan cemas dan hilang keyakinan atau kredibiliti kepada pemandu tersebut. Justeru itu negara yang berada dalam suasana yang sedemikian lambat-laun akan menghadapi suatu musibah ataupun konflik yang maha dahsyat.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pilihan raya yang lalu kita dapat lihat banyak agenda membalas dendam dilakukan oleh pihak-pihak tertentu khususnya Barisan Nasional. Dalam agensi kerajaan persekutuan tindakan tersebut dibuat atas desakan orang-orang politik dari kalangan pemimpin UMNO. Paling ketara ianya berlaku di negeri Kelantan, contohnya Jabatan

Pendidikan Negeri Kelantan (JPN) telah memanggil sejumlah guru-guru yang telah dicop oleh orang-orang politik UMNO sebagai penentang ataupun tidak menyokong UMNO dalam pilihan raya yang lalu. Mereka diugut oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri seterusnya ditukar ke kawasan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Lima minit akhir. Mereka diugut oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri seterusnya ditukar ke kawasan-kawasan pedalaman. Sikap tidak demokratik ini telah menjadi amalan kerajaan Barisan Nasional sejak sebelum pilihan raya lagi dan perkara ini juga termasuk isteri kepada Ahli Parlimen Kubang Kerian juga telah ditukar ke satu kawasan yang lain. Ini bukti yang jelas.....

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Di kawasan Pasir Mas, lima minit akhir, semua sekali tidak beri jalan, lima minit akhir insya -Allah.

Di kawasan Pasir Mas bekas Ahli Parlimen Pasir Mas telah mengarahkan pihak Bernas supaya tidak membayar subsidi harga padi kepada para petani yang dicop bukan penyokong UMNO, petani-petani tersebut dipanggil supaya terlebih dahulu mengisi borang UMNO sebagai syarat untuk mendapat subsidi harga padi. Jika sekiranya petani-petani tidak mahu menjadi ahli UMNO, mereka tidak akan diberi subsidi harga padi. Kelakuan ini telah membawa kepada pergaduhan dan perpecahan di kalangan petani-petani akibat daripada tindakan yang tidak siuman lagi demokratik dilakukan oleh para pemimpin UMNO. Sebab itu amat wajarlah sekali Allah S.W.T memberi kekalahan teruk kepada pemimpin-pemimpin yang bersifat demikian termasuk Ahli Parlimen Pasir Mas waktu itu.

Dalam persoalan ini di manakah moral dan nilai kita sebagai seorang ahli politik yang berjuang untuk membela dan membangun kehidupan rakyat lebih-lebih lagi pemimpin-pemimpin UMNO itu selalunya menekan dan mengugut golongan-golongan daif seperti petani, peladang dan nelayan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat seorang Yang Berhormat bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Lima minit terakhir, insya-Allah. Inilah yang dikatakan tradisi membela rakyat dilaksanakan oleh pihak kerajaan pimpinan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Point of order 36(6).Tuan Yang di-Pertua, saya - 'this is my right', saya sepanjang Yang Berhormat bagi Rantau Panjang berucap ini saya rasakan dia menimbulkan perkara iaitu sangkaan jahat. Sangkaan ini tidak nampak kelihatan asas dan tidak spesifik. Kalau pun betul kena spesifik sedikit jangan buat sangkaan jahat, kita sebagai orang Islam yang seharusnya memperkatakan membahaskan perkara-perkara yang membabitkan dengan Belanjawan dan bukan untuk hendak mencaci dan mengata tentang perkara-perkara yang boleh sangkaan jahat terhadap orang-orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat teruskan ucapan kalau ada sangkaan jahat harap janganlah mempunyai unsur itulah. Teruskan ucapan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Pada hari ini rakyat Malaysia sudah bosan dan muak dengan lakonan sikap hipokrit pemimpin-pemimpin UMNO khususnya di dalam membela ekonomi rakyat - itu bukan sangkaan jahat, itu umum.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, dia bukan sangkaan jahat bagi dia tetapi perbuatan ini kalau kita lihat dengan izin, 36(6) apa yang berlaku di Terengganu pada hari ini, pemerintahan PAS, bilamana mereka mengambil pemerintahan daripada kerajaan Barisan Nasional mereka telah menukar kepada orang-orang tertentu yang hanya memberi sokongan kepada pemerintahan PAS sahaja bukankah itu satu kezaliman dalam pihak mereka?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat teruskan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order, Tuan Yang di-Pertua, kalau 36(6) tidak boleh pakai, saya hendak guna 36(4), bahasa itu biarlah lembut sedikit, kita sama-sama, takkanlah depan pelajar-pelajar kita hendak tunjuk, saya rasa malu, kalau bolehlah gunakanlah, ini 36(4). [*Disampuk*] Bukit Mertaja m jangan kasi panas.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kelakuan dan suasana ini tidak ubah seperti terdapat dalam filem-filem Hindustan dan Tamil. [*Ketawa*] Pemimpin-pemimpin politik yang berkepentingan di depan rakyat menunjukkan sebagai pejuang rakyat tetapi di belakang sanggup mengupah samseng-samseng membakar tempat-tempat kediaman rakyat dan golongan daif. Selepas itu pemimpin tersebut akan pergi kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tampin bangun.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Ini memang sangkaan yang tidak baiklah, tidak kira Yang Berhormat mana satu pun memang sangkaan tidak baiklah. Mengupah samseng-samseng Tuan Yang di-Pertua, ini minta tarik baliklah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Hendak apa ni?

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Point of Order 36(6)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu peraturan?

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: 36(6)..

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Boleh baca? Saya sebut contoh....

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli, tidak kira siapalah sama ada belah sana atau belah sini ada mengupah mana-mana samseng-samseng membakar....ini sangkaan jahat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya tidak sebut Ahli-ahli Parlimen mana pun.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Tidak kira mana pun, masih sangkaan jahat, walaupun pihak sana atau pihak sini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya tidak mahu sebut Ahli Parlimen mana.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Tidak kira mana pun, tapi still sangkaan jahat....*[Pembesar suara dipadamkan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak tepatlah mana tempat, Yang Berhormat, jadi saya minta Rantau Panjang sila teruskan ucapan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Pemimpin-pemimpin politik yang berkepentingan, tangisan pemimpin-pemimpin seperti itu adalah tangisan hipokrit, justeru itu tidak hairanlah agenda tangis-menangis berlaku di negara kita sewaktu program Perdana Menteri bersama rakyat dilakukan secara road show, dengan izin, di seluruh negara sebelum menjelang pilihan raya baru-baru ini.

Mungkin apa yang berlaku di Malaysia ini sama dengan apa yang berlaku dalam filem-filem Hindustan dan Tamil, barangkali cara pemikiran pelakon itu juga datang dari kelompok yang sama ataupun etnik yang sama. Namun begitu rakyat tetap memahami tipu helah dan sikap hipokrit...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Larut bangun lagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak beri laluan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Hendak tanya sahaja pasal ada orang PAS minat Hindustan, filem Hindustan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Namun begitu rakyat tetap memahami tipu helah dan sikap hipokrit tersebut hinggalah rakyat mengajar menerusi pilihan raya umum yang lalu sehingga UMNO menghadapi kemerosotan pengaruh politik yang begitu ketara sekali.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menutup tembelang sebenar corak pimpinan UMNO di bawah Yang Berhormat Dato Seri Perdana Menteri, beliau sanggup melantik Yang Berhormat Ahli Parlimen Kepala Batas.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mohon laluan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak bagi laluan lagi. Walaupun sewaktu ketika dahulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading. Yang Berhormat Rantau Panjang tidak.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita sahabat, kita bersahabat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tak bagi, tak bagi. Walaupun suatu ketika dahulu dianggap sebagai musuh politiknya, bagi UMNO nampaknya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dianggap sebagai Master Clean, dengan izin, yang nantinya dapat merubah sedikit sebanyak imej buruk Kerajaan Barisan Nasional itu. Hakikat sebenarnya yang dapat diselami perlantikan Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Kepala Batas itu hanyalah alat semata-mata demi kepentingan sikap hipokrit Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mohon laluan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, senario politik yang sedemikian dilakukan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Lima minit terakhir, insya-Allah

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta laluan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Senario politik sedemikian dilakukan sama ke atas Belanjawan Negara bagi tahun 2000 ini. Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu tidak ubah sebagai Belanjawan memujuk rakyat agar yakin dengan kepimpinan kerajaan Barisan Nasional hari ini di mana Kerajaan Barisan Nasional sebelum pilihan raya 1999 yang lalu telah dikenali oleh rakyat sebagai sebuah kerajaan yang buruk dan tidak berwibawa. Sebab itulah di dalam pembentangan Belanjawan tersebut Yang Berhormat Menteri Kewangan menekankan prinsip pentadbiran yang telus dan bersih harus diimejkan kepada Kerajaan Barisan Nasional hari ini.

Namun demikian, sistem pemerintahan kini telah musnah. Kewibawaan pelbagai institusi masyarakat seperti Parlimen, kehakiman,

perkhidmatan awam, polis dan media yang dipertundukkan kepada kehendak pemimpin-pemimpin tertentu. Ini telah mendatangkan kesan yang buruk terhadap kepercayaan rakyat Malaysia pada umumnya. Malah telah menggugat keyakinan para pelabur dari dalam dan luar negeri. Sebenarnya hanya perubahan pemerintahan ke arah yang adil, bersih, cekap, jujur, berkebolehan akan dapat memulihkan kewibawaan pemerintahan dan kepercayaan orang ramai, menyatupadukan rakyat dan memajukan semua bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan Malaysia sudah terlepas daripada kegawatan ekonomi, namun bahang kegawatan tersebut masih dirasai oleh seluruh lapisan rakyat. Semasa Kerajaan Malaysia menghadapi kegawatan ekonomi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjaya menggunakan menggunakan 'senjata', dengan izin, dengan memukul Barat dan menyalahkan orang lain demi untuk menutup segala masalah dalam negeri sehinggakan beliau sendiri dianggap sebagai wira Dunia Ketiga sewaktu itu. Dalam banyak hal, retorik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan Barat di kandang orang salah adalah amat berjaya sehinggakan rakyat Malaysia pada umumnya termakan dengan taktik ini.

Maka timbullah istilah-istilah angkara George Soros, konspirasi Yahudi serta sikap dendam dan cemburu Barat apabila pemimpin negara bercakap tentang kemelut kegawatan ekonomi, politik dan sosial yang dihadapi oleh negara. Selain daripada itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menggunakan sentimen politic of fear, dengan izin, politik menakut-nakutkan terutama di kalangan masyarakat Cina. Beliau juga telah mengingatkan masyarakat Cina agar tidak perlu cuba untuk mengimbangkan kekuatan di antara pembangkang dan kerajaan kerana ini akan menunjukkan ketidakstabilan politik yang boleh menjejaskan sosio-ekonomi negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tanpa segan dan silu menggunakan sentimen kebimbangan kaum Cina terhadap rusuhan berbentuk perkauman kerana ini disebut oleh beliau di dalam ucapannya di Gua Perahu di Pulau Pinang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi amaran kepada ketidakstabilan telah dilihat di Indonesia dan Yugoslavia akan

berulang di Malaysia sekiranya peralihan kuasa berlaku. Kesemua ini semata-mata untuk mengabui mata masyarakat bukan Melayu agar menyokong UMNO dan Barisan Nasional.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu sudah tidak yakin lagi kepada masyarakat Melayu untuk memberi sokongan kepada UMNO atau Barisan Nasional bagi memenangi pilihan raya. Bagi saya episod ketakutan etnik serta menyerang Barat adalah sebahagian daripada episod retorika serta sandiwara pemimpin negara kita bagi mengalihkan pandangan rakyat terhadap kemelut yang sedang dihadapi negara. Kemelut ini sebenarnya berlaku akibat daripada Barisan Nasional (UMNO) mendokong konsep pembangunan yang berteraskan penilaian pertumbuhan ekonomi dan kebendaan semata-mata sementara bebas dari pengawasan nilai, akhlak dan agama.

Ianya menghasilkan pembangunan yang terlalu kebendaan serta tidak mengekalkan prinsip-prinsip keseimbangan, keadilan, berhemah, lestari, mesra alam dan manusia. Sistem ekonomi kita juga terlalu meletakkan pergantungan kepada pelaburan asing dengan mengintegrasikan secara total kepada persaingan ekonomi global dan belum cukup difahami dari sudut kesan implikasi, dinamika, prasarana-prasarana global kepada ekonomi negara kita. Asas dan fundamental ekonomi yang tidak kukuh ditambah dengan pelaksanaan penguasaan yang cukup mencurigakan dengan konsep Malaysia Incorporated, dengan izin, ataupun disebut pensyarikatan Malaysia. Kesemua ini berakhir dengan hubungan sumbang sektor swasta ataupun korporat tertentu dengan pihak eksekutif kerajaan yang kini popular dengan jolokan KKN (kronisme, korupsi, nepotisme) yang telah menghakiskan keyakinan pelabur luar....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:....mahupun tempatan serta merosakkan amalan pengurusan yang telus dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi Islam dilahirkan dalam beberapa perkara yang diwajibkan seperti nafkah terhadap keluarga, zakat yang diwajibkan ke atas orang-orang yang berada dan dibahagikan kepada

orang-orang yang memerlukan pertolongan. Kewajipan yang lain merujuk keperluan individu, masyarakat dan negara. Dalam masa yang sama Islam mengharamkan riba, bakhil, boros, monopoli, sorok.....

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:dan lain-lain yang dikira zalim dalam perkara ekonomi....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagiTampin bangun atas peraturan.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Duduk, duduk dulu. Tuan Yang di-Pertua, saya kasihan tengok Tuan Yang di-Pertua pandang dia, dia tidak pernah pandang Tuan Yang di-Pertua semasa berucap. 35(1) “ *Seorang ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi maka hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi*”.. Bukan Pengerusi pandang pada dia. Kasihan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih kerana ada orang yang tolong membela Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama Islam mengharamkan riba, bakhil, boros, monopoli, sorok dan lain-lain yang dikira zalim dalam perkara ekonomi sama ada oleh individu atau kumpulan. Negara kita kini masih beramal dengan sistem ekonomi yang bertuhankan kebendaan. Sedikit muamalah Islam yang diperkenalkan masih tidak mampu menongkah arus perdana ekonomi yang dikuasai oleh qarun-qarun yang bersekongkol dengan pemimpin-pemimpin utama Barisan Nasional yang berkuasa.

Mereka menguasai politik dengan kegiatan ekonomi mereka sehingga pihak kerajaan sanggup meluluskan projek-projek mega yang ditaja oleh mereka walaupun menjahanamkan ekonomi negara. Pihak kerajaan sanggup menggunakan wang negara seperti Petronas, KWSP dan lain-lain untuk menyelamatkan kroninya yang gawat, sementara tanah rakyat dan kawasan

setinggalan akan menjadi mangsa rempuhan gelombang yang dicipta oleh kemahuan qarun-qarun itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengharungi gelombang ekonomi negara, Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah menggunakan atau dijadikan alasan untuk menghalalkan pilih kasih (nepotisme) dan pilihan keluarga (kronisme) dalam perniagaan dan politik. Memang kita tidak menafikan bahawa ramai rakyat Malaysia terutamanya orang Melayu telah mendapat faedah daripada Dasar Ekonomi Baru, tetapi kronisme dan nepotisme dewasa ini berselindung di sebalik Dasar Ekonomi Baru, malah telah banyak menguntungkan beberapa kroni termasuk bukan Melayu yang cuba berselindung sama. Sebab itulah semasa kegawatan ekonomi berlaku, bantuan IMF telah ditolak oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia atas alasan akan merosakkan Dasar Ekonomi Baru, tetapi jawapan sebenarnya adalah tidak.

Ini adalah kerana hak Melayu telah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. IMF tidak akan menjadi bodoh untuk menekan Malaysia agar melanggar perlembagaan sendiri. Tidak ada satu bukti pun yang menunjukkan IMF campur tangan dalam mana-mana negara dengan pakej penyelamatnya selain dari memperkenalkan undang-undang, bankrapsi.....

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya minta laluan, kalau boleh, dengan baik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Oh, hluan, lima minit terakhir, insya-Allah.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tak porting'lah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Selain itu, tidak ada keperluan untuk menolak Dasar Ekonomi Baru kerana kemerosotan ekonomi tidak disebabkan oleh Dasar Ekonomi Baru tetapi kerana penyalahgunaan Dasar Ekonomi Baru. Sebenarnya Dasar Ekonomi Baru bukanlah menyebabkan berlakunya kegawatan ekonomi negara, kerana di negara serantau yang tidak ada Dasar Ekonomi Baru pun mengalami sama kegawatan tersebut. Justeru itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya takut kepada bantuan kewangan IMF kerana dengan kehadiran IMF memungkinan empayar perniagaan kroninya tidak boleh hidup di bawah program penyelamat IMF tersebut.

Apabila IMF datang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengetahui bahawa IMF tidak akan bersetuju untuk menyelamatkan syarikat yang tidak diuruskan dengan betul yang kebanyakannya berada dalam kem Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Inilah gambaran sebenar senario ekonomi yang berlaku dalam negara kita dan perlu kepada post-mortem yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan program post-mortem ke atas ekonomi negara, perkara yang perlu kita kaji ialah dari sudut pertama ialah dasar, kedua pelaksanaan dan ketiga dari sudut mereka yang terlibat dalam kegiatan ekonomi. Ketiga-tiga ini penting dan ia tidak boleh berpisah antara satu sama lain. Kalau dilihat dari sudut dasar di mana sebelum 13 Mei 1969, di era lain, di era penjajah, kekayaan negara secara besarnya dipegang oleh kaum Cina terutamanya di sektor pembuatan dan perdagangan tetapi tidak kurang juga sebahagian besar ekonomi negara dipegang oleh penjajah British pada waktu itu.

Pada waktu itu masyarakat Melayu menumpukan kegiatan ekonomi di sektor pertanian dan perikanan, manakala masyarakat India bekerja di estet estet atau ladang-ladang. Selepas sahaja peristiwa 13 Mei tahun 1969, kerajaan membentuk Dasar Ekonomi Baru.....

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:dengan dua matlamat penting.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tinggal 5 minit lagi, boleh saya minta laluan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Lima minit sahaja tinggal.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua tidak bagi tahu lagi. Membasmikan.....

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya hendak tanya sikit saja.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang pertama ialah membasmi kemiskinan

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:tanpa mengira kaum. Yang kedua, menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi. Melalui matlamat dasar ekonomi tersebut kerajaan telah menetapkan sasaran bagi mencapai matlamat pemilikan ekuiti oleh bumiputera sebanyak 30%.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat mempunyai 8 minit lagi. Jadi, saya ingatkanlah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Lapan minit lagi. Setelah Dasar Ekonomi Baru berjalan selama 20 tahun maka selepas tahun 1990 kajian yang dibuat oleh kerajaan mendapati bahawa bumiputera hanya mencapai 11% pemilikan. 10% dari pencapaian tersebut dimiliki oleh syarikat kerajaan seperti Tenaga Nasional, Lembaga Urusan Tabung Haji dan juga Petronas. Dan sebahagiannya hanya 1% sahaja ekuiti yang dipegang oleh individu dan keadaan ini adalah amat mendukacitakan dan menunjukkan satu kegagalan.

Program untuk mencapai 30% ekuiti bumiputera berjalan agak baik sekali di awal 10 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru khususnya di zaman Allahyarham Tun Abdul Razak bin Husin. Dengan adanya Rancangan Buku Hijau, Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan sebagainya, namun begitu dasar ini telah berubah pada era kepimpinan kerajaan hari ini melalui konsep penswastaan. Konsep penswastaan ini kononnya dilaksanakan akibat daripada ketidakpuasan hati pihak kerajaan terhadap pencapaian dasar sebelum ini terutama selepas tahun 1990. Justeru itu, satu lonjakan dikemukakan untuk menguasai ekonomi dengan beberapa ciri iaitu:

- i. mewujudkan dasar penswastaan;
- ii. mewujudkan individu-individu tertentu untuk menerajui projek-projek besar kerajaan .

Sepatutnya sebelum kaedah dasar ini dilaksanakan terlebih dahulu ianya perlu difahami secara menyeluruh tentang gambaran baik buruknya. Jangan kita hanya melihat dari sudut gambaran baiknya sahaja tentang konsep ini. Kita tidak menolak konsep penswastaan secara total tetapi adalah kerajaan mengutamakan konsep ini. Beberapa maklumat awal perlu diketahui.

Pertama, setelah beban hutang yang ditanggung oleh kerajaan hendak dipindahkan kepada individu tertentu atau syarikat tertentu, ini hanya dilakukan melalui penswastaan. Dengan cara ini sudah tentu sesuatu perkara yang hendak dicapai semestinya menghasilkan kecekapan atau efisyennya yang tinggi dan seterusnya dapat meminimumkan kos.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kefahaman ini hanyalah berdasarkan kepada teorinya sahaja. Namun demikian.....

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: apa yang dapat dilihat sebenarnya ialah keadaan tersebut tidak berlaku...

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:dan sebahagian projek penswastaan telah mendatangkan beban yang besar kepada rakyat. Contoh yang paling dekat ialah program pendidikan dan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Temerloh bangun atas apa?

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya hendak minta laluan. Dia janji 5 minit tadi. Yang Berhormat janji 5 minit, saya ingat dah cukup 5 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 6 minit lagi.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: 6 minit lagi, okay. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dapat dilihat oleh kita pada hari ini ialah penswastaan telah gagal mengambil kira bebanan yang menimpa rakyat. Sepatutnya melalui penswastaan, kos-kos projek akan bertambah rendah jika dibandingkan dengan projek yang dikendalikan oleh kerajaan. Akan tetapi sebaliknya yang telah berlaku apabila kos projek melalui konsep penswastaan ini jauh lebih tinggi daripada pengendalian oleh kerajaan. Mengapakah suasana ini berlaku? Di mana kecacatannya?

Berdasarkan pemerhatian secara dekat banyak projek penswastaan itu dikendalikan oleh individu-individu terpilih dari kalangan anak-beranak mereka. Oleh yang demikian, apabila individu tersebut yang melaksanakannya sudah tentu satu harga yang lebih tinggi dan baik

diletakkan. Maka, ketelusan tidak dapat dilaksanakan dalam pengendalian kontrak itu dan inilah yang membangkitkan masalah nepotisme atau pilih kasih dan kronisme, suku sakat kaum kerabat mereka. Justeru itu, secara kesimpulannya penswastaan ini diamalkan adalah gagal

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: memberikan kedudukan positif kepada rakyat Sepatutnya apabila disebut penswastaan itu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rantau Panjang. Sekarang ialah 5 minit.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tidak adillah. Sudah 5 kali bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada 3 orang bangun. Mana satu hendak diberi laluan.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Saya dulu, saya dulu.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Eh, mana boleh dia yang menentukan. Yang Berhormat kena decide.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kemaman ke?

Seorang Ahli: Temerloh.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kata, PAS ini parti yang demokratik, yang adil. Kalau benar-benar prinsip keadilan, bagilah Yang Berhormat daripada Temerloh. Barulah kita adil. Ini bercakap adil sahaja, cakap demokratik, buat tidak.

Puan Chong Eng: Hak dia, hak dia.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okay terima kasih. Saya hendak minta penjelasan. Benarkah masa pilihan raya baru-baru ini Barisan Nasional mengugut rakyat bahawa sekiranya Barisan Alternatif menang maka akan berlaku huru hara dan pertumpahan darah. Tetapi apa yang berlaku di Terengganu, apabila Barisan Alternatif menang, memang benar ada huru hara

dan pertumpahan darah tetapi yang berlakunya ialah kepada lembu-lembu yang mana rakyat Terengganu menyambut dengan kesyukuran maka apakah mereka yang masih takut kepada Barisan Alternatif menang ini terdiri daripada orang-orang yang berfikiran seperti lembu. Sekian. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Barangkali begitulah. Datuk Yang di-Pertua, di bawah Kerajaan Barisan Nasional

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:bangun lagi. *[Beberapa orang ahli berdiri]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Point of order, sangkaan jahat, *[Disampuk]* Nanti dulu, duduk dulu. Hamba nak ghoyak jugak ni, guano ni, 36(6)...tidak boleh sebut lembu. *[Disampuk]* Yang Berhormat Seputeh, jangan campur, tolong. Ini sangkaan tak baik, kalau tidak, 36(10)(c) tolong rujuk. *[Disampuk]* Nanti dulu, saya belum habis lagi, nanti kejap.

Tuan Kerk Kim Hock:tadi kata lembu, pandai, pandai...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduk Kota Melaka, duduk. *[Ketawa]* Ini disebut macam lembu, berfikiran lembu, kalau kita pula cakap, macam mana? Kalau kita sebut kerbau pula, macam mana? *[Disampuk]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya kata lembu banyak dikorbankan kerana menyambut kesyukuran kerana kemenangan Barisan Alternatif di Terengganu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Hei, tadi sebut, berfikir macam lembu. Kalau saya sebut pula macam anjing, ha, apa nak cakap, menyalak bukit.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Speaker, masa berjalan, minta bagi masa kecederaan kepada saya kerana ini perkara yang luar daripada.....*[Ketawa]*

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Temerloh ada bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Datuk Speaker, saya minta ruling untuk yang dibangkitkan oleh Larut, tarik balik.
[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, teruskan.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, di atas keizinan daripada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, saya banyak mendengar tadi sangkaan jahat yang telah dibuat oleh Yang Berhormat semasa ucapan beliau tadi. Saya ingin menyatakan, kalaulah beberapa orang yang terlibat dengan pinjaman atau subsidi baja dihalang daripada hak-haknya mendapatkan subsidi dan juga harga baja dan juga bantuan baja. Namanya tertera di sini, Muhamad Nor bin Abdullah, 60 tahun dari Kampung Binjai Chetok. Seorang lagi Hamzah Husin, umurnya 60 tahun, dia juga dari Kampung Binjai Chetok telah keluar dan di akhbar ada gambar dan sebagainya. Apakah dakwaan beliau ini dianggap lagi sangkaan jahat?

Yang kedua apabila Yang Berhormat menyatakan bahawa ada di kalangan ahli-ahli Parlimen ataupun calon-calon Barisan Nasional menggunakan samseng semasa pilihan raya. Saya masih ingat di Wakaf Bharu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan tanya panjang, nanti tiada masa hendak jawab.

Tuan Saupi bin Daud: Ha, habis dah ni.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:bagi satu minit sahaja.

Tuan Saupi bin Daud: ...bahawa telah menjadi kes polis di mana seorang ahli UMNO dan puak-puaknya telah memukul ahli PAS yang bernama Mat Islam hingga dibawa ke balai polis. Jadi saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat berkenaan atau Yang Berhormat Rantau Panjang bersetuju atau tidak dengan rancangan saya ini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Memang perkara itu berlaku dan telah diketahui umum. Dalam akhbar pun telah disiarkan dan pihak polis sedang menyiasat tentang perkara apa yang saya sebutkan samseng itu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order, Tuan Speaker, saya minta tarik balik tadi yang mengatakan berfikiran lembu, yang disebut tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi

Tuan Saupi bin Daud: Bukan saya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:bukan, bukan, daripada Kemaman.....[*Disampuk*] Seperti berfikiran lembu [*Disampuk*] Ini semua dengar termasuk pelajar-pelajar sekolah, macam lembu! Disebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi tuju kepada siapa, macam lembu?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya kata....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau tuju sebelah sana tidak apalah.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof:akibat daripada kemenangan Barisan Alternatif, banyak lembu-lembu dikorbankan dan banyak pertumpahan darah berlaku di Terengganu

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...tidak, tidak, minta tarik balik.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof:kerana kesyukuran rakyat kerana kemenangan Barisan Alternatif.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, 36(6), minta tarik balik. Apa salahnya, tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Yang Berhormat, Yang Berhormat kita akan semak ini *Hansard*.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bila tu, bila tu.....?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau ada itu ternyata, kita akan ambil, akan buat satu keputusan. Jadi berikan masa untuk kita semak.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Datuk Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa pun sudah sampai Yang Berhormat bagi Rantau Panjang....[Ketawa]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya sudah minta masa kecederaan tadi, kalau tidak bagi masa kecederaan tadi, saya tidak bagi perbahasan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah, sudah, setengah, setengah jam, 30 minit.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Perbahasan yang berlaku tadi bukan di antara saya, antara orang lain sama orang lain.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu tadi sayaini kuasa Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak jimatkan masa, Yang Berhormat tidak payah berikan laluan....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: saya tidak bagi laluan dah tapi apa yang berlaku antara dua tadi...[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sendiri janji hendak kasi...ini kita tak.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak, saya kasi satu kemudian yang lain tadi bertembung antara dua pihak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha ini pandai pandai Yang Berhormatlah, kalau Yang Berhormat hendak benarkan semua tanya, jadi....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya minta satu minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, untuk penutup, boleh?.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Ni, Datuk Speaker, kalau di injury time, saya hendak tanya, saya sudah lima kali bangun tadi....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:di bawah kerajaan Barisan Nasional faedah-faedah penswastaaan banyak diboloti oleh kroni-kroni....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak bagi jalan jadi Temerloh.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:pemimpin-pemimpin tertentu sedangkan hanya sedikit faedah yang tumpah kepada rakyat ataupun sektor awam. Di sini sukalah saya mencadangkan, satu, menggantikan dasar penswastaaan ini yang kini mengandungi unsur-unsur undang di sebalik batu dengan dasar penswastaaan telus yang dapat memelihara kepentingan pengguna dan pekerja serta menjamin hak rakyat. Oleh itu butir-butir kontrak penswastaaan mestilah diumumkan kepada orang awam.

Dua, perlu dipastikan bahawa dasar penswastaaan itu memanfaatkan masyarakat dan bukan lagi sekadar menggantikan monopoli awam dengan monopoli swasta.

Tiga, hendaklah memastikan segala kemudahan dan perkhidmatan awam yang asasi seperti air, pendidikan, kesihatan dan perumahan rakyat hanya diperbadankan atau dikorporatkan demi membaiki pengurusan tetapi tidak diswastakan.

Empat, memastikan bahawa perusahaan awam yang telah pun diswastakan perlu diawasi dengan rapi untuk memelihara kepentingan rakyat.

Kelima, pihak kerajaan hendaklah membentuk sebuah suruhanjaya bebas untuk mengkaji dan mengaudit semua projek besar yang telah diswastakan untuk memastikan manfaatnya kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mambong.

3.46 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan 2000 yang saya menyifatkan sebagai Belanjawan Rakyat. Saya menyokong dengan

sepenuhnya usaha kerajaan untuk terus melaksanakan rangsangan fizikal untuk mengukuhkan pemulihan serta mencergaskan semula ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh hanya tiga perkara yang berkaitan dengan Belanjawan 2000.

Yang pertama, pembangunan luar bandar. Sebanyak RM129 juta diperuntukkan bagi menyediakan bekalan air kepada penduduk di luar bandar. Saya ingin bertanya daripada pihak kerajaan. Daripada jumlah 1000 projek yang akan dilaksanakan, berapakah yang akan dilaksanakan di Sarawak? Di kawasan Parlimen saya, Mambong, hanya 20% penduduk luar bandar terutama sekali di kampung-kampung menikmati air paip bersih. Bakinya 80% menggunakan air paip, dengan izin, gravity feed, air tanpa rawatan yang mengandungi banyak kuman seperti bakteria. Begitu juga dengan bekalan elektrik luar bandar. Begitu juga di kawasan saya hanya 36% penduduk menikmati kemudahan ini. Adalah harapan saya agar air paip bersih yang penting untuk kesihatan dan bekalan elektrik dipertimbangkan oleh pihak kerajaan untuk dilaksanakan dengan lebih luas lagi di Sarawak, lebih-lebih lagi di kawasan saya, Mambong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang sebatang jalan raya di kawasan saya, jalan raya ini dinamakan Jalan Pedawan, sepanjang 35 kilometer yang dibina pada tahun 1960. Jalan ini digunakan oleh penduduk-penduduk daripada 41 buah kampung. Jalan ini juga berbukit dan banyak selekoh. Setelah 40 tahun, jalan ini masih seperti keadaan di tahun 1960. Berdebu waktu panas, becak dan licin waktu hujan. Memang keinginan saya sebagai wakil rakyat di kawasan Mambong supaya kerajaan dapat memperbaiki dan menaikkan taraf jalan ini.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Boleh minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada....

Dr. James Dawos Mamit: Belum, belum, saya belum masuk, banyak lagi perkara. Nanti saya bagi, saya akan bagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan teknologi baru Telekom Malaysia Berhad iaitu dengan izin, *wireless in local loop*, yang akan

dilaksanakan di luar bandar. Saya difahamkan bahawa teknologi ini tidak menggunakan kabel utama dengan meluas. Teknologi ini akan memberi manfaat kepada beribu-ribu penduduk di luar bandar. Saya ingin bertanya pihak Telekom Malaysia Berhad, daripada 120,000 pelanggan di kawasan luar bandar, berapakah jumlah ini dari Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita amat kaya dengan sumber asli dan *bio-diversity*. Hutan-hutan kita mengandungi sebanyak 12,000 spesis tumbuh-tumbuhan, 220 spesis mamalia, 10,000 spesis serangga dan beribu-ribu jenis kuman atau mikrob. Yang saya ingin bangkitkan ini adalah berkaitan dengan bio-teknologi. Sumber-sumber ini boleh memberi hasil yang lumayan kepada negara jika diperolehi, kegunaannya., sebagai contoh, Tongkat Ali kini dipasarkan dengan meluasnya seperti serbuk kopi Tongkat Ali. Di Sarawak, pokok 'Bintangau' yang mengandungi bahan kimia, '*cholonoloid air*' atas sifat-sifat perubatan yang boleh mengubati penyakit HIV dan AIDS.

Kerjasama kerajaan Sarawak dengan sebuah syarikat *pharmaceutical* Amerika Syarikat kini sudah dalam fasa *clinical trial*, dengan izin. Di banyak hospital di Amerika Syarikat termasuk juga di hospital umum Kuala Lumpur dan di sebuah hospital di Singapore. Syarikat usahasama ini juga sedang memohon kelulusan daripada pihak Food And Drugs Administration, dengan izin, di Amerika Syarikat untuk mengeluarkan dan memasarkan ubat tersebut. Jika mendapat kelulusan nanti, usahasama ini akan membawa banyak manfaat untuk negara tetapi bukan saja pokok 'Bintangau' yang ada potential, dengan izin, sifat perubatan Banyak lagi tumbuh-tumbuhan lain ada sifat perubatan. Mungkin kita boleh tanya ahli-ahli perubatan tradisional kita sendiri.

Dalam bidang bioteknologi, negara-negara Barat mensifatkan kita sebagai *Mega Biodiversity Reserver*, dengan izin. Dengan demikian, mereka inginkan sumber asli kita dan *biodiversity* kita untuk dikajikan oleh mereka sendiri. Tetapi apa yang jadi dalam perkara ini ialah *Intellectual Property Rights*, dengan izin. Walaupun kini dunia sudah ada satu konvensyen dinamakan *Convention On Biological Diversity* (CBD), dengan izin, perkara IPR belum selesai lagi. Apa yang terkandung mengenai IPR dalam CBD pada amnya ialah sesiapa yang menemui produk daripada sesuatu kajian dialah yang mendapat manfaat dengan sepenuhnya. Isu IPR ini memang ada kesan,

dengan izin, *indigenous knowledge* orang-orang tempatan dan ahli-ahli perubatan tradisional kita. Ramai orang tempatan khususnya bumiputera berpengalaman dalam perkara ini dalam perubatan tradisional daripada tumbuh-tumbuhan. Tetapi, kalau sesuatu *discovery*, dengan izin, diperolehi oleh orang luar, orang luar itulah yang mendapat manfaat mengikut CBD. Orang kita akan rugi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada ini saya menyeru pihak kerajaan meneliti dan mengkaji tentang IPR ataupun *Intellectual Property Rights*, dengan izin, supaya rakyat Malaysia dan negara mendapat manfaat sepenuhnya daripada usaha bioteknologi. Negara sekarang sudah ada dasar Biodiversiti Kebangsaan ataupun *National Bio-diversity Policy*, dengan izin. Tetapi negara belum ada akta untuk mengawal kajian dan penggunaan, dengan izin, *biodiversity*. Bilakah agaknya kerajaan dapat menggubal satu Akta Biodiversiti yang saya sebut tadi. Ini adalah penting untuk mengawalkan sumber asli di negara kita.

Negara kita juga kini sedang mengalami *bioprospecting* dan *biopiracy*, dengan izin. Ramai penduduk di negara luar datang ke negara kita ataupun negara asing datang ke negara kita sebagai *tourist*, dengan izin. Tetapi apabila mereka masuk ke dalam Taman Negara kita ataupun hutan-hutan rimba kita, mereka membawa balik sampel-sampel tumbuh-tumbuhan atau kayu disimpan di dalam stocking mereka ataupun di dalam kasut. Apabila sampai ke negara mereka masing-masing, mereka membuat kajian dan kalau menemui sesuatu *discovery*, dengan izin, ini adalah IPR mereka, *Intellectual Property Rights* mereka. Itulah sebabnya negara perlu menggubal satu perundangan untuk mengawal *bioprospecting* dan *biopiracy*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga saya ingin menyentuh ialah pemeliharaan alam sekitar. Prinsip-prinsip asas yang berlandaskan keharmonian matlamat pembangunan ekonomi dengan kepentingan alam sekitar adalah saling menyokong. Prinsip-prinsip tersebut ialah pengawasan kualiti alam sekitar, pemeliharaan ketahanan dan kepelbagaian alam dan penggunaan mampan sumber asli.

Akta Kualiti Alam Sekeliling atau *Environmental Quality Act*, dengan izin, digubal pada tahun 1974. Setelah 25 tahun akta digubal, negara masih

belum mempunyai Dasar Alam Sekitar Kebangsaan yang merangkumi semua aspek, baik dari segi pengurusan dan pemeliharaan alam sekitar. Dasar Alam Sekitar Kebangsaan adalah perlu digubal segera agar polisi dan strategi perlindungan, pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar selaras dengan dasar pembangunan negara berindustri atau dengan izin, *industrialized nation*.

Kejadian tanah runtuh di lereng-lereng bukit berlaku disebabkan aktiviti-aktiviti pembangunan kerana tiada kajian terperinci ke atas alam sekeliling. Dengan demikian, bolehkah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedia meminda perundangan EIA bagi meliputi semua aktiviti pembangunan di lereng bukit?

Di Sarawak selain daripada Jabatan Alam Sekitar, kita ada Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak untuk mengawal *degradation*, dengan izin, alam sekitar. Dengan adanya lembaga ini, pengawasan alam sekitar lebih efektif lagi di Sarawak. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.
[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gaya.

3.57 ptg.

Datuk Yong Teck Lee [Gaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan Tahun 2000. Dua perkara dalam masa yang diberikan. Dua perkara saya akan bangkitkan di sini, iaitu mengenai pasaran bon dan juga nilai Ringgit. Perkara-perkara lain saya rasa boleh tunggu hingga sesi-sesi lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan telah mengingatkan kita semua sekali lagi bahawa negara Malaysia telah menghadapi tekanan hebat dari luar semasa krisis kewangan baru-baru ini kerana menolak penyelesaian mengikut pendekatan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). “...tetapi berkat ketabahan, kecekalan dan keyakinan rakyat, kita telah berjaya menghadapinya. Malah kita telah membuktikan bahawa pendekatan yang diambil oleh kepimpinan negara memulihkan ekonomi telah berjaya mempertahankan kepentingan rakyat”, saya quote daripada ucapan Menteri Kewangan.

Waktu krisis itu, iaitu pada tahun 1998, pihak media Barat misalnya pihak CNN dan CNBC dan lain-lain menyerang Kerajaan Barisan Nasional kerana Kerajaan Barisan Nasional menolak IMF seolah-olah hanya IMF dapat membantu ekonomi negara Malaysia ini. Tetapi apa yang kita saksikan hari ini ialah Kerajaan Barisan Nasional sudah didapati betul, *we have been vindicated*, dengan izin, apabila Malaysia menolak IMF. Dan baru kelmarin dalam satu laporan *Business Times*, dengan izin, saya baca [*Membaca di dalam laporan Business Times*] satu laporan daripada Kongres Amerika Syarikat di mana laporan daripada Kongres Amerika Syarikat menyebut, “*The IMF system of short term crisis management is too costly. It responses too slow it’s advice often incorrect and it’s effort to influence policy and practice too intrusive*”. Ini daripada Kongres Amerika baru-baru ini.

Maka, saya amat hairan dan terkejut apabila Ahli Parlimen bagi kawasan Rantau Panjang bercakap seolah-olah masih boleh menggunakan pihak IMF untuk menyelamatkan ekonomi negara Malaysia, saya cukup hairan. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara yang menjemput IMF masuk misalnya Korea, Republic Indonesia dan Thailand, apa yang kita lihat hari ini mereka bukan sahaja kehilangan kedaulatan ekonomi bahkan juga kehilangan kedaulatan politik sehingga di negara jiran yang besar telah melantik *of all people*, Henry Kissinger sebagai penasihat kepada Presiden negara itu. Inilah dari Amerika dua tahun selepas Malaysia sudah tahu bahawa IMF tidak boleh digunakan maka kita patut berikan tabik hormat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya secara rasmi Menteri Kewangan telah mengisytiharkan bahawa ekonomi negara telah kembali pulih dan krisis kewangan telah berakhir. Ini berdasarkan prestasi pertumbuhan KDNK benar, 5.4% bagi tahun yang lalu.

Menteri Kewangan berkata, “...*perdagangan luar negara terus mencatat lebihan selama 26 bulan berturut-turut*”. Sebenarnya kalau ikut Jabatan Statistik dalam penyiaran akhbar hari ini, sudah 27 bulan berturut-turut, iaitu termasuk bulan Januari tahun ini dengan lebihan ...*[Disampuk]*

Dr. Syed Azm an bin Syed Ahmad Nawawi: Penjelasan.

Datuk Yong Teck Lee:RM4.5 bilion.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

.....

Datuk Yong Teck Lee: Boleh, boleh. Saya habis ayat dahulu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat tentang suatu kenyataan yang dibuat oleh Jeffrey Sachs daripada Harvard University pada tahun lepas mengenai kamelut ekonomi yang berlaku di negara kita. Jeffrey Sachs daripada Harvard University menyatakan bahawa dengan izin, “*Malaysia’s International Reputation has been seriously damaged by it’s authoritarian political crack down*”, dan beliau menambah lagi bahawa “*a lack of political freedom will hold Malaysia back from attracting IT industry as the link between democracy and information rich societies is important*”. Jadi, di sini persoalannya bukan kita menerima IMF. Persoalannya adalah bagaimana kita menanggapi persoalan kamelut ekonomi yang berlaku di negara kita dan bagaimana kita melihat persoalan ini dalam konteks *freedom of speech*, dalam konteks demokrasi di negara kita, dalam konteks pemerintahan kuku besi, unsur-unsur pemerintahan kuku besi yang ada di negara kita sebagaimana yang disebut oleh Jeffrey Sachs yang merupakan seorang ‘nobel laureate’ dalam ekonomi. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Yong Teck Lee: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak cerita pasal ‘nobel laureate’, banyak lagi ‘nobel laureate’ yang boleh memberikan pandangan yang berbeza daripada Jeffrey Sachs. Ini cuma satu *academic research*. Ucapan saya tidak ada politik. Ucapan saya memberikan satu kenyataan bahawa pihak IMF telah *totally discredited* dan kita tidak boleh gunakan IMF sebagai satu contoh dalam menangani sesuatu krisis ekonomi ataupun krisis kewangan. Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Sila, sila.

Datuk Yong Teck Lee: Maka kenyataan yang telah diberikan secara ringkas daripada Menteri Kewangan ialah ekonomi sudah pulih, krisis sudah berakhir. Dengan adanya ini sebagai asas, saya rasa sudah sampailah masanya

untuk kerajaan terutamanya Bank Negara Malaysia mempertimbangkan cadangan supaya Ringgit Malaysia dinilai semula.

Saya mengambil perhatian apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kluang ada bahayanya manipulator dan lain-lain, maka saya bersetuju bahawa *peg* kepada Dolar Amerika Syarikat itu masih dikekalkan dan juga dikekalkan supaya Ringgit Malaysia tidak didagangkan di luar negara, itu tidak jadi hal. Ini bermakna Ringgit Malaysia masih dapat dikawal. Menteri tidak ada, Timbalan Menteri tidak ada, saya amat berterima kasih Setiausaha Parlimen sedang sibuk tulis nota. Tetapi, dengan adanya *peg* dan dengan adanya tidak didagangkan di luar negara, hanya kita inginkan supaya nilai Ringgit Malaysia itu dikaji semula. Bukan lagi RM3.8 kepada ASD1.00.

Saya berikan penjelasan seterusnya, setiap kali kita dapat lebih perdagangan luar negeri Ringgit Malaysia dibeli atau ditukar oleh pengimport dan pengeksport. Dan setiap kali kita dapat lebih akaun semasa (*current account surplus*) Ringgit Malaysia juga ditukar oleh pengimport dan pengeksport. Dan oleh sebab imbangan pembayaran (*balance of payment*) semakin bertambah, akaun semasa (*current account surplus*) juga semakin bertambah. Lebih perdagangan (*trade surplus*) juga semakin bertambah. Tuan Yang di-Pertua, secara *market demand*, Ringgit Malaysia memang akan naik nilainya.

Akaun semasa tahun lalu RM47.4 bilion. Tahun ini, ini kerana account surplus, tahun ini dianggarkan RM42.6 bilion. Ini adalah imbangan pembayaran yang begitu besar bagi negara kita. Rizab negara kita sudah begitu tinggi, lebih tinggi daripada sebelum gawat iaitu hampir US\$34 bilion. Perdagangan luar negeri (external trade) - trade surplus kita, lebih kita ini bagi tahun lalu RM72.3 bilion. Tahun ini diramalkan RM70.2 bilion. Ini trade surplus. Pendapatan eksport (export receive) jumlah bagi tahun ini RM321 bilion, penambahan 12%. Dan sebagai contoh menunjukkan bahawa pada masa kini Ringgit Malaysia sudah under value, dengan izin, berbanding dengan Dollar Amerika. Saya berikan beberapa trend pertukaran mata wang utama berbanding dengan Ringgit. Kita mulai dengan Sterling pound.

Pada tahun gawat 1998 Pound dibanding dengan Ringgit - 6.33, hari ini 6.05. (Deutschmark) Jerman dulu waktu gawat - 2.26, hari ini 1.85. (Yen)

Jepun waktu gawat - 3.31, selepas gawat - 2.22. Singapore (Dollar) waktu gawat - 2.28, hari ini - 2.22 sudah bertambah baik. (Euro) - 3.83, hari ini - 3.62. Tetapi bagi RinggitUS Dollar masih kekal - 3.8.

Kalau kita ikut pasaran Ringgit Malaysia sudah tambah nilainya dibandingkan dengan Dollar. Ada yang cakap 3.6, ada yang cakap 3.7, ada yang cakap 3.5, macam mana pun ini memang sudah ada menaikkan nilai bagi Ringgit Malaysia. Mungkin kerajaan ada sebab yang munasabah mengapa Ringgit kekalkan di tahap 3.8. Ada para analis berasa sudah masuk ke dalam negara Malaysia RM2 bilion baru-baru ini dan ini mungkin dilapor dalam Bursa Saham, ada mungkin dilapor di sektor yang lain dan sekiranya kita menilaikan semula Ringgit itu kemungkinan RM2 bilion akan keluar daripada negara dan mereka untung dari segi foreign exchange. Kalau ini benar maka ini memerlukan tindakan segera, kerana kalau kita tidak uruskan ini dengan baik-baik dan kita tunggu lagi enam bulan, lagi banyak wang asing masuk, tambah lagi kita punya current account surplus, tambah lagi kita punya trade surplus Ringgit Malaysia akan bertambah kuat. Ada lagi mata wang daripada negara lain masuk ke negara Malaysia, ada yang parking ada yang menunggu peluang akan datang. Kalau kemudian baru kita menilaikan Ringgit semula kemungkinan besar lagi besar kemungkinannya yang negatif apabila sudah terlalu banyak accumulated masalah under value Ringgit ini.

Oleh sebab itu, timing dalam masalah ini adalah penting, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, we can control the trade but we cannot control in a long term suppress market forces and market reaction. Terutamanya statistik yang saya berikan tadi itu dan ramalan yang kita dapat itu pihak peniaga, pihak pelabur, pihak analyst yang lain semua boleh dapat kalau kita membenarkan distortion to the economy, dengan izin, yang terlalu lama yang mungkin membawa kesan negatif kepada structure macro economy lain hari. Juga satu perkara dalam belanjawan di mana belanjawan ini untungkan belanja, secara specific kemungkinan pemegang biasiswa akan untung kerana apa juga action rate begitu juga biasiswanya tidak tukar. Tetapi bagi pelajar yang dibiayai oleh ibu bapa ataupun pihak swasta, nilai Ringgit Malaysia yang artificial yang kurang hari ini menjejaskan dan merugikan pelajar swasta. Lagipun kalau

kita menilaikan Ringgit Malaysia semula perbelanjaan biasiswa oleh kerajaan juga dapat dikurangkan.

Saya berharap kerajaan terutamanya Bank Negara akan memberikan perhatian yang lebih mendalam, mudah-mudahan kerajaan dapat membuat satu master stroke seperti yang dibuat pada 1 September 1998 yang lalu dengan penguatkuasaan kawalan pertukaran mata wang. Seterusnya perkara pasaran bon.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, ada yang minta penjelasan. Ya, sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gaya. Saya amat tertarik dengan pandangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Gaya terutama mengenai pertukaran Ringgit. Dan sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Ringgit telah pun di'pack' kepada US Dollar dan adakah ini menjadikan sebagai satu, dengan izin sebagai stabilizing factor dalam ekonomi kita kerana US Dollar ini menjadi major currency yang digunakan dalam perdagangan dalam negeri dan juga antarabangsa. Dan jikalau kita dengan izin, float balik Ringgit ini kepada pasaran antarabangsa mungkinkah keadaan Ringgit ini menjadi venerable kepada pasaran antarabangsa dan kita akan kembali kepada peri gawat, dengan izin, dan menjadikan Ringgit ini akan diserang kembali oleh spekulator mata wang. Sekian.

Datuk Yong Teck Lee: Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam memang saya sedar bahawa kalau kita unpack atau di'pack' Ringgit daripada Dolar Amerika kemungkinan kita balik kembali kepada keadaan sebelum gawat. Ini adalah satu risiko. Maka pihak-pihak Bank Negara dan pihak-pihak yang berkenaan memang ada semualah dia punya butir, dia punya input sebelum sesuatu keputusan dibuat. Hanya saya ada menyebut tadi, pack itu saya setuju dikekalkan. Juga Ringgit tidak dibenarkan didagangkan di luar negara. Hanya saya meminta supaya penilaian semula Ringgit dibandingkan dengan Dolar Amerika.

Seterusnya pasaran bon, sudah Ringgit ya. Perkara yang kedua..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, Rompin berdiri.

Datuk Yong Teck Lee: Berapa minit lagi Tuan Speaker?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Lagi 5, 10 minit lagi.

Datuk Yong Teck Lee: Ha, cukuplah. Cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha, ini perbincangan oleh bekas Ketua Menteri Sabah ini agak rancak sedikit. Memang ada dalam penganalisa-penganalisa ekonomi memang membahaskan isu Ringgit ini. Dia kata mungkin dikekalkan, mungkin ada juga suara dikekal tetapi kaji dia punya nilainya. Dia kata, in fact, dia kata ada juga penganalisa mengatakan under value Ringgit kita. Tetapi kalau kita lihat dari segi industri kita sendiri kita tidak tahu juga tentang nilai wang yang lain macam Hong Kong, macam di China. Pertama, kalau misalnya kita nilai currency dia itu mungkin hadapan akan diturunkan nilainya dan kita pun akan turunkan, adakah nanti kompetitif kita itu akan hilang. Saya merasakan bahawa adakah Yang Berhormat, minta pandangan Yang Berhormat sedikit, sebelum kita melihat dari segi harga sahaja tetapi adakah perlu sebelum kita menilai dia punya menilai harga atau menilai the worth of Ringgit kita itu perlu juga kita ambil kesan kepada industri kita. Sebab sekarang, alhamdulillah, kita sudah mendapat satu balance of payment yang amat baik sekali ini sudah semesti ada juga kena mengena dengan nilai wang Ringgit kita yang kompetitif. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat bekas Ketua Menteri Sabah kerana juga kepimpinan Yang Berhormat kita dapat kembalikan Kerajaan Sabah itu kepada rakyat Sabah yang sebenar, Barisan Nasional.

Datuk Yong Teck Lee: Terima kasih. Memang secara terus pihak pengeport merupakan satu lobi yang kuat supaya nilai Ringgit itu kurang. Tetapi yang akan merugikan itu pihak pengimport dan banyak barangan yang kita gunakan untuk perkilangan kemudian dieksport juga diimport pada awalnya. Jadi kesannya tidak begitu serius kerana dianggarkan 70% barang yang kita import itu diproses dan kemudian dieksport semula 70%. Jadi bakinya saya rasa bagi pihak perkilangan, pihak industri mereka sudah mati dua tahun kadar yang baik ini, saya rasa sampai masanya untuk mereka

menerima dengan baik satu kadar yang realistik, tidak lagi artificially reduce value of the Ringgit supaya mereka dapat untung.

Pada masa yang sama memang kalau ada perbahasan yang lain kita boleh bangkitkan soal insentif supaya pengekspor-pengekspor ini boleh gunakan seperti ditambah export credit refinancing, banyak skim-skim yang lain bagi pengekspor sekiranya dinilai semula, saya rasa ini semua akan dipertimbangkan semula oleh kementerian-kementerian, agensi-agensi kerajaan yang ada. Cuma saya bangkitkan di sini nilai itu kalau terlalu lama pro long distortion kemungkinan boleh ada masalah. Hari ini disyaki ada RM2 bilion sudah masuk sini tunggu. Kalau pasaran menganggap ini masih under value maka makin lama makin banyak masuk. The problem will be compounded dalam beberapa bulan akan datang dan kemudian baru kita nilaikan semula lagi banyak kita rugi.

Pasaran bon, boleh? Menteri Kewangan ada juga mengumumkan plan induk pasaran modal bagi memperlakukan kegiatan pasaran kewangan. Dan dalam ucapan Belanjawan 2000 pada 29 Oktober tahun lalu, ini ucapan lama Menteri Kewangan bercakap berkenaan mengurangkan pergantungan berlebihan ke atas sistem perbankan dan mengelak ketidaksepadanan (financing mismatches). Maka Jawatankuasa Pasaran Bon Kebangsaan ataupun (National Bon Market Committee) ditubuh. Ini adalah dialu-alukan dan disambut baik. Saya bagi kementerian Kewangan dan Securities Commission saya ingin mencadangkan supaya Jawatankuasa Pasaran Bon ini menimbang satu bon yang dinamakan bon hijau (green bon). Malaysia sebagai negara tropika, perhutanan kita dianggap tropical forest, maka International Tropical Timber Organization (ITTO), principles atau prinsip-prinsip pengurusan hutan secara mampan, sustainable forest management adalah dikehendaki.

Satu masalah bagi perhutanan kita hari ini ialah kekurangan kewangan, dengan izin, we need cheap financing in the long term. Cara pinjaman masa kini melalui bank-bank tidak lagi disibuk. Syer subscription juga bahaya, tidak digalakkan kerana syarikat boleh jatuh ke tangan orang asing. Bank financing dikehendaki jangka masa panjang oleh kerana psiko perhutanan semula penanaman dan lain-lain adalah 30 hingga 40 tahun gestation. Ini

setiap psiko kurang-kurangnya 30 tahun. Oleh sebab itu, green bon menjadi satu opsyen untuk mengelakkan financing mismatches dalam sektor pengurusan hutan. Dengan izin,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, Shah Alam.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat bercakap tentang, dengan izin reforestation daripada segi - saya tidak berapa ingat ada Ahli-ahli Yang Berhormat bangkitkan tentang - minta supaya pihak kerajaan di semua negeri memberhentikan pembalakan selama 25 tahun kerana mengiyakan pandangan yang disampaikan oleh setengah pihak yang cemburu dengan kita punya kehijauan kita. Bolehkah Yang Berhormat menceritakan pengalaman tentang reforestation yang dilakukan oleh kerajaan negeri Sabah zaman Yang Berhormat jadi Ketua Menteri dan sebenarnya dari segi piawaian yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan ini bahawa kita manage kita punya green dengan forest ini salah satu piawaian yang terbaik di dunia. Sekian.

Datuk Yong Teck Lee: Terima kasih. Sebenarnya satu laporan lengkap dalam satu buku *Forestry in Sabah – Status, Policy and Action*, begitu juga di Sarawak dan di Semenanjung Malaysia memang ada. *Policy framework* memang lengkap dan di kawasan di mana pembalakan dibenarkan, dia masa kini dikehendaki mengikut prinsip-prinsip pengurusan secara mampan, *sustainable forest management*, sekejap ada butir-butirlah, apa itu *sustainable forest management* iaitu dengan cara *civil culture, enrichment planting, rehabilitate*, pemeliharaan kampung, *reduce impact logging*. Ini semua menggunakan teknik dan teknologi baru dan pelbagai keperluan teknikal. Ini adalah pengurusan hutan secara mampan, memerlukan semua prinsip-prinsip, mempraktikkan prinsip-prinsip ini yang digubal oleh pihak ITTO. Maka *Green Bonds ...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Bandau, berdiri.

Datuk Yong Teck Lee: Saya baca dulu apa ini *Green Bonds* itu. Berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tinggal 4 minit lagi.

Datuk Yong Teck Lee: Saya habis dulu, nanti dia *injury time*. *Green Bonds*, dengan izin, *are legitimate financial instruments used to raise funds for the implementation of sustainable forest management plans. The issue of Green Bonds, will provide the vital source of cheap funding which will ensure the success of sustainable forest management, and doing so, will perpetuate the forestry resources for generations to come by facilitating the issuance of the Green bonds, the government can make up for the lack of fiscal incentives for sustainable forest management undertakings and live up to its obligation as a member of ITTO.*

Oleh sebab itu, pelaburan secara besar-besaran memerlukan banyak kewangan apabila kita ingin melaksanakan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara mampan.

Apabila ia berhasil misalnya kurang-kurangnya 20 tahun, kalau tidak 30 ataupun 40 tahun kemudian, ia amat beruntung. Saya difahamkan di Amerika, di Eropah ada institusi dan ada NGO dan juga pelabur yang ingin melabur dalam *Green Bonds* kerana *Green Bonds* ialah cara *make money and save the world*. *Save the world* kerana pengurusan hutan cara ITTO termasuk penjagaan *bio-diversity*, konservasi air dan fauna dan ekologi. *Green Bonds* juga merupakan *inter generation contract*. Hari ini kita masuk kontrak dengan *generation* akan datang. Supaya perkara ini mendapat perhatian secara mendalam, saya mencadangkan Kementerian Perusahaan Utama melalui Timbalan Menteri berasal dari Sabah dilantik dalam Jawatankuasa Pasaran Bon Kebangsaan terutamanya dalam produk *development*. Inilah dua perkara yang saya sampaikan kepada kerajaan dan untuk pertimbangan selanjutnya ada

Dr. Maximus Johnity Ongkili: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Buat soalan ringkas.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sangat pendek sahaja.
Yang Berhormat bagi Gaya mengatakan tadi bahawa antara masalah para syarikat pembalok-pembalok ini ialah kekurangan wang modal untuk

membangun sektor perhutanan, khususnya. Saya ingin minta penjelasan, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum di Sabah, hutan-hutan simpan itu telah pun diswastakan oleh kerajaan kepada – dari segi pengurusan dan ppembangunannya kepada kira-kira barangkali sekarang 20 syarikat. Saya ingin bertanya, adakah syarikat-syarikat ini menghadapi sama masalah dengan ‘dikatakan’ masalah tidak cukup modal. Kalau itu betul, kenapa kita telah benarkan pengswastaaan pada waktu itu, walhal syarikat itu tidak mampu untuk memajukan sektor perhutanan. Terima kasih.

Datuk Yong Teck Lee: Pada masa kini, kalau di negara Malaysia tidak banyak syarikat yang boleh mendapat cukup sumber kewangan untuk melaksanakan selama 20/30 tahun pengurusan perhutanan secara mapan, kerana ini memerlukan banyak teknik, banyak teknologi dan banyak pelaburan – dan 20 tahun ada kes-kes, 20 tahun melabur tidak boleh membalak di mana yang sudah cukup di degrader. Kalau kita berikan tanah, orang tanam kelapa sawit, 3 tahun dia sudah ada hasil, kalau koko 3 tahun ada hasil, kalau kayu balak dalam kawasan perhutanan, 20 tahun, kurang-kurang, ada yang 30 tahun. Jadi ini memerlukan banyak investment dan ini *long term*.

Oleh sebab itu kita cadangkan *Green Bons* sebagai satu *option*. Memang saya ingin mengambil peluang ini untuk mengelakkan satu keraguan iaitu apakah pembalak, pembalak ialah *lodges*, dia dapat *concession*, dia masuk, dia gasak, dia bayar *royalty* dia lari. Itu pun kalau dia tidakcuri. Dia masuk, dia gasak, ambil kayu balak, kalau pun dia bayar *royalty*, dia bayar, dia lari, tidak di tanam semula. Itu pembalak, *that is the lodger*.

Kita menggalakkan *forester*, iaitu orang menjaga, kawasan hutan itu baik-baik, *civil culture, management planting*, di tanam semula – 30 meter daripada sungai tidak boleh di balak. Semua ini karateria yang sudah ada yang dikenakan kepada syarikat yang dianugerah peluang - *sustainable forest management*, bukan membalak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Masa Yang Berhormat.

Datuk Yong Teck Lee: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tanjong Aru.

16.28 ptg.

Dr. Yee Moh Chai [Tanjong Aru]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyertai perbahasan Belanjawan 2000 ini. Memandangkan kesuntukan masa, maka saya akan mengutamakan hanya tiga perkara penting yang melanda negeri Sabah. Terdapat tigamasalah utama yang dihadapi oleh rakyat Sabah pada hari ini iaitu:

- i. kehadiran pendatang asing tanpa izin ;
- ii. masalah kekurangan kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Sabah; dan
- iii. penguatkuasaan dan penghormatan terhadap undang-undang.

Di mana saya harap kerajaan akan memberi perhatian terhadap cadangan-cadangan berikut sebagai jalan penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, kehadiran pendatang asing tanpa izin di Sabah yang begitu berleluasa masih menjadi masalah utama yang sangat merunsingkan rakyat Sabah. Kehadiran mereka telah menyumbang kepada perlakuan kes-kes jenayah dan pelbagai jenis penyakit. Di dalam statistik baru-baru ini, menunjukkan mereka sebagai punca utama Sabah direkodkan sebagai negeri dengan kes penyakit kusta yang tinggi.

Tambahan pula sangat jelas bahawa mereka ini juga telah terbabit dalam kes jenayah dengan menyertai secara haram membuang undi di dalam pilihan raya umum baru-baru ini dengan menggunakan kad pengenalan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku ini adalah sesuatu yang amat menyedihkan di mana sebagai satu negara, kita tidak berdaya untuk menghentikan jenayah seperti ini yang berlaku di depan mata kita sendiri melihat daripada kegiatan jenayah mereka yang berleluasa di Sabah. Adalah tidak syak lagi dalam jangkaan kita apabila kerajaan sebenarnya telah banyak memperkatakan untuk mengetatkan undang-undang dengan menjalankan program pemutihan bagi menyelesaikan masalah pendatangan asing ini, sebaliknya adalah suatu kegagalan yang paling besar.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan lagi selain daripada menghadapi masalah pendatang asing tanpa izin ini, satu lagi masalah serius yang dihadapi oleh Sabah ialah pengedaran kad pengenalan palsu. Pemegang kad pengenalan paslu ini biasanya adalah pendatang asing tanpa izin yang bukan hanya dilihat menyertai pilihan raya umum negara malah ada di antara mereka yang cuba untuk masuk ke dalam sektor perkhidmatan kerajaan, contohnya seperti perkhidmatan ketenteraan dan agensi-agensi keselamatan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun masalah-masalah ini telah dibangkitkan berulang kali di Parlimen tetapi masih belum ada jalan penyelesaian. Di dalam situasi seperti ini pihak kerajaan perlu menimbangankan untuk membentuk satu Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk membuat satu penilaian betapa seriusnya masalah ini terutama sekali di negeri Sabah dan juga untuk menyediakan penyelesaian yang realistik dan buat kali terakhir. Memandangkan kepada keinginan kita sendiri dan demi kepentingan keselamatan dan hak kita yang termaktub dalam Perlembagaan di atas sebab kenapa Suruhanjaya Siasatan Diraja ini tidak boleh dibentuk. Tiada guna slogan '*Malaysia Boleh*' kalau kita tidak dapat menyelesaikan masalah pendatang asing tanpa izin ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah kedua negeri Sabah iaitu kekurangan pendapatan kerajaan negeri untuk membiayai perbelanjaan, pengurusan dan pentadbiran, saya mempunyai tiga cadangan iaitu pertama, untuk memastikan Sabah mendapat tahap realistik untuk membiayai pembangunan negeri dengan meningkatkan hasil royalti minyak dari 5% kepada satu tahap yang tidak kurang daripada 20%.

Lagi pun melihat daripada saiz penduduk dan keluasan kawasan sememangnya punca minyak adalah datangnya daripada Sabah yang mana permintaan terhadap 20% hasil royalti minyak adalah sangat berpatutan. Yang nyata, bangunan Petronas Twin Tower akan sentiasa memberi peringatan kepada kita semua bahawa Sabah sepatutnya dari awal lagi diperuntukkan sebahagian besar daripada hasil minyak kita. Saya berharap pihak kerajaan akan mengambil jalan yang positif untuk memastikan Sabah mendapat bahagian yang sama rata daripada hasil minyaknya.

Keduanya, untuk tujuan menambahkan pendapatan kerajaan negeri dalam pembangunannya. Saya percaya ada suatu dasar betul dan tepat bahawa semua duti setem yang diperolehi daripada pengurusan dana di Sabah adalah milik Kerajaan Negeri Sabah dan patut diberi kepada Kerajaan Negeri Sabah. Lagi pula perihal tanah adalah suatu kepentingan hak bagi Kerajaan Negeri Sabah.

Ketiganya, ternyata bahawa pembayaran yuran regularisasi yang besar kepada pekerja asing menjadi satu beban berat kepada ekonomi Sabah. Satu cara untuk meringankan masalah ini ialah dengan memastikan semua cukai yang dibayar diberikan kepada kerajaan negeri supaya hasil yang besar ini yang diperolehi daripadanya dapat dipusingkan dan diedarkan kembali ke dalam Tabungan Ekonomi Negeri. Polisi seperti ini pasti tidak akan menghalang pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir memandangkan kepada bilangan besar pendatang asing tanpa izin di Sabah, ianya sangat merunsingkan melihat bilangan kecil anggota polis yang meronda di lorong-lorong dan jalan-jalan di dalam negeri. Ini adalah tidak mencukupi dari segi jumlah dan kekerapan demi kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam. Saya harap pihak kerajaan akan memastikan adanya penambahan tenaga kerja dan sumber pasukan polis untuk mengendalikannya dengan sedaya upaya segala bentuk cabaran yang akan mereka hadapi dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tuaran.

4.34 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya setelah beberapa kali berdiri dan tidak dapat peluang....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Biasalah itu, biasa.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada rakyat Malaysia kerana sekali lagi memberi mandat kepada Barisan Nasional membantu Kerajaan Malaysia ke-10 dengan

memberi majoriti lebih dua pertiga dalam pilihan raya yang lepas. Mandat rakyat ini telah membolehkan Belanjawan Tahun 2000 itu dibentangkan semula oleh Yang Berhormat Tun Dato' Daim Zainuddin, Menteri Kewangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Belanjawan tahun 2000 telah memfokuskan kepada kesinambungan usaha pemulihan ekonomi negara tetapi kandungan Belanjawan tersebut telah memperlihatkan kesungguhan kerajaan untuk memastikan agar pembangunan di semua sektor dipeseimbangkan. Masyarakat yang berada di pinggiran terutama sekali mereka yang berada di luar bandar dan kawasan pedalaman terus diambil kira dalam pembangunan ekonomi negara. Malah, Belanjawan tersebut memperlihatkan kesungguhan kerajaan untuk membawa masyarakat yang dianggap sebagai masyarakat pinggiran dibawa bersama ke dalam arus pembangunan perdana.

Sebagai contoh, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta untuk pembangunan Orang Asli di Semenanjung. Kita juga mengucapkan terima kasih atas peruntukan sebanyak RM201 juta yang diperuntukkan untuk membina serta menaikkan taraf jalan-jalan raya luar bandar dan kampung-kampung. RM201 juta untuk pekebun kecil melalui RISDA, RM301.8 juta pembekalan Telekom Malaysia untuk pembekalan telefon, RM129 juta untuk bekalan air luar bandar dan RM153 juta untuk klinik desa.

Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali jumlah peruntukan pembangunan luar bandar yang telah dicadangkan tidaklah dapat menampung ke semua dana yang diperlukan untuk menyediakan segala kemudahan asas yang diperlukan oleh rakyat di kawasan pedalaman terutama sekali dalam usaha memodenkan kawasan luar bandar seperti mana yang diharap-harapkan terutama sekali di Sabah dan Sarawak.

Rata-rata wakil-wakil rakyat yang telah berbahas dalam Belanjawan ini telah menyuarakan soal-soal permohonan luar bandar. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, masih banyak lagi ruang untuk mempertingkatkan peruntukan untuk permohonan luar bandar. Dalam soal ini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya memperuntukkan wang untuk menjalankan kajian terperinci tentang keperluan peruntukan yang diperlukan untuk menaiktarafkan setiap jalan-jalan luar bandar serta jalan-jalan yang

menghubungi kampung-kampung bagi setiap perkampungan di seluruh negara terutama sekali di Sabah dan Sarawak.

Kajian ini juga harus mengambil kira keperluan lebih raya-lebih raya strategik yang diperlukan untuk menghubungi daerah-daerah terutama sekali di Sabah dan Sarawak. Kajian ini hendaklah dibuat dengan serta-merta supaya hasil kajian ini dapat dimuatkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang bermula pada tahun depan.

Saya berharap sangat supaya kerajaan mempertimbangkan cadangan ini dengan serius sebab adalah penting bagi kerajaan untuk menentukan jumlah sebenar kewangan yang diperlukan untuk menyediakan semua kemudahan asas yang diperlukan untuk memodenkan kawasan luar bandar.

Saya nampak dalam huraian Belanjawan tahun 2000 ada peruntukan untuk kajian bekalan elektrik tetapi peruntukan yang serupa pula tidak diberi untuk kajian jalan-jalan raya, bekalan telefon dan bekalan air yang bersih. Saya menumpukan banyak perhatian terhadap Sabah dan Sarawak bukan hanya semata-mata saya ini datang daripada Sabah, sebab saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, dalam huraian Belanjawan bahawa pembangunan luar bandar di Semenanjung ini telah diambil kira dalam peruntukan diberikan kepada Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah seperti KESEDAR, KETENGAH, KEJORA dan sebagainya. Agensi-agensi ini telah banyak membantu membawa pembangunan luar bandar dan agensi-agensi ini terus mendapat peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, bagus jugalah kalau kerajaan mempertimbangkan untuk menubuhkan agensi-agensi seperti ini di negeri Sabah. Saya berharap agar kerajaan akan terus mengemaskinikan sistem pengagihan peruntukan kewangan kerajaan yang sedia ada menurut keutamaan ataupun kepentingan.

Saya berharap keutamaan ini akan difokuskan kepada pembangunan insan dan bukan hanya semata-mata dalam soal merangsangkan pertumbuhan ekonomi. Saya sentuh perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, setelah membaca di surat khabar tentang cadangan pembinaan Jambatan Pulau Pinang ke-II baru-baru ini, kalau tidak silap saya sebanyak RM3 bilion akan dibelanjakan untuk membina Jambatan Pulau Pinang ke-II.

Berbanding dengan peruntukan yang telah dicadangkan untuk membina dan menaiktarafkan jalan-jalan raya luar bandar dan kampung-kampung bagi tahun ini iaitu hanya RM201 juta, jumlah peruntukan ini hanya lebih kurang 6% daripada kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang ke-II yang dicadangkan.

Eloklah bagi Menteri Kerja Raya supaya memberi penjelasan apa keperluan membina Jambatan Pulau Pinang ke-II itu lebih mendesak berbanding dengan keperluan agar setiap kampung di luar bandar terutama sekali di Sabah dan Sarawak mendapat jalan raya yang sempurna. Rakyat di luar bandar Sabah dan Sarawak sudah sekian lama dahagakan pembangunan terutama sekali pembinaan jalan-jalan raya yang boleh dilalui oleh setiap kenderaan dan bukan hanya kenderaan pacuan empat roda.

Mereka juga mengharapkan agar setiap kampung menikmati bekalan elektrik, telefon dan air bersih, ini sudah cukup ramai bercerita tentang keperluan ini dalam Dewan yang mulia ini. Kemudian prasarana pendidikan mencukupi dan juga klinik desa. Harapan rakyat di luar bandar di Sabah ini jelas diperlihatkan dalam undi mereka terhadap Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas. Rakyat telah mengundi Barisan Nasional sebab rakyat di luar bandar yakin bahawa hanya Barisan Nasional yang berkemampuan untuk membawa pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya misalannya, saya telah memenangi dua daerah mengundi di mana kampung ini tidak boleh dihubungi dengan jalan raya. Dan kita lihat di kawasan pedalaman negeri Sabah, orang kuat pembangkang di Sabah iaitu Ahli Yang Berhormat dari Keningau undi ataupun majoriti yang beliau telah dapati dalam pilihan raya telah menurun daripada 9,000 undi kepada hanya 250 undi. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, ini melambangkan harapan dan keinginan rakyat di kawasan pedalaman untuk mendapat pembangunan. Sebab saya merasakan bahawa rakyat di kawasan pedalaman ini sudah cukup sengsara dan mereka sudah menghadapi keperitan hidup mendapatkan kemudahan asas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, supaya soal-soal pembangunan luar bandar ini jangan dipolitikkan. Hentikanlah kata-kata yang menuduh Kerajaan Barisan Nasional gagal

memberi pembangunan luar bandar khususnya di Sabah. Malah masalah kekurangan kemudahan asas di Sabah adalah disebabkan oleh robust politik, dengan izin yang telah berlarutan sekian lama.

Saya amat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Bentong bahawa kita berada di Dewan yang mulia ini untuk menyelesaikan masalah rakyat dengan serius dan bukan hanya semata-mata berpolitik. Masa sudah tiba bagi kita untuk membulatkan usaha untuk menyelesaikan masalah rakyat yang hakiki, sebab itu kenyataan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar yang dikeluarkan di Sabah semasa lawatan rasmi beliau baru-baru ini di mana beliau berkata: *“Sabah memang ketinggalan dalam pembangunan infrastruktur sebab Sabah lambat memasuki Malaysia. Dan ditambah pula dengan keadaan muka bumi Sabah yang berbukit bukau.”*

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan ini perlu diperjelaskan dengan betul. Memang betul Sabah itu berbukit bukau dan justeru itu memerlukan peruntukan kewangan yang lebih besar untuk membina atau membekalkan kemudahan asas. Tetapi apabila beliau menyentuh tentang kelambatan Sabah memasuki Malaysia, yang ini perlu diperjelaskan oleh pihak menteri dengan fakta-fakta yang meyakinkan. Perkara ini perlu dititikberatkan sebab sejarah pembinaan negara kita Malaysia menunjukkan bahawa sebagai rakan kongsi ataupun partner, dengan izin, dalam pembentukan negara kita pada tahun 1963, Sabah telah bersama-sama dengan semua negeri yang ada di Malaysia ini dalam ketujuh-tujuh rancangan lima tahun Malaysia yang dimulakan pada tahun 1965.

Penggunaan perkataan ‘Sabah masuk Malaysia’ juga tidak berapa tepat, sebab tidak ada negara di dunia ini yang bernama Malaysia sebelum tahun 1963. Sebuah negara yang bernama Malaysia hanya wujud setelah Akta Malaysia yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, pada tahun 1963 iaitu satu akta yang dibentangkan di Dewan ini selepas perjanjian Malaysia selesai ditandatangani. Jadi, perkataan yang sesuai dan betul ialah Sabah membentuk Malaysia bersama-sama Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Itu yang betul!

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia telah melalui liku-liku pembinaan negara bangsa dalam masa 37 tahun pembentukannya iaitu dari

tahun 1963 hingga lah pada hari ini. Saya merasa lega sebagai wakil rakyat yang pertama masuk ke Dewan yang mulia ini, dan setelah mendengar hujah-hujah perbahasan yang diberi oleh wakil-wakil rakyat, Ahli-ahli Parlimen, saya merasa lega sebab saya mendengar ramai pemimpin-pemimpin politik baik daripada kerajaan mahupun pembangkang daripada Semenanjung yang memperkatakan tentang pembangunan tidak kira asal usul mereka.

Bagi Sabah misalannya semakin ramai pemimpin daripada Semenanjung yang memperkatakan tentang pembangunan negeri Sabah. Saya berharap ini bukan sebab ada acara penting pada bulan Mei, tetapi kita berharap dan kenyataan ini adalah kenyataan ikhlas dan sememangnya saya berharap pihak-pihak yang berkenaan ikhlas dalam kenyataan mereka.

Saya juga menyasikan di Dewan yang mulia ini, di mana wakil-wakil rakyat Melayu sudah berebut-rebut memperkatakan tentang pendidikan sekolah Cina dan Tamil. Saya juga menyaksikan wakil-wakil rakyat yang berketurunan Cina yang memperkatakan tentang pemertabatan bahasa Melayu. Ini mudah-mudahan tidak lama lagi wakil-wakil rakyat daripada semua keturunan juga akan memperkatakan tentang pembelajaran bahasa Iban dan bahasa Kadazan Dusun di sekolah-sekolah kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus menitikberatkan tentang pentingnya kita memperimbangkan pembangunan di antara pembangunan minda atau dengan izin, the soft ware part of development dengan pembangunan fizikal atau the hard ware part of development, dengan izin. Gandingan kedua-dua perkara ini adalah penting untuk memastikan pembangunan ekonomi yang mapan. Perancangan pembangunan juga hendaklah berpaksikan kepada point of reference yang betul, dengan izin.

Keadaan di mana murid-murid sekolah rendah yang terpaksa berjalan kaki berjam-jam dan terpaksa pula bangun pada jam 3.00 pagi untuk hadir ke sekolah kerana ketiadaan jalan raya yang sempurna hendaklah diambil sebagai point of reference apabila merancang kemudahan infrastruktur fizikal pembangunan pendidikan.

Ini bererti bahawa apabila bangunan kelas dan rumah guru dibina, maka bangunan asrama juga hendaklah dibina di mana perlu termasuklah sekolah-sekolah rendah. Barangkali ini janggal didengar terutama sekali

asrama untuk sekolah rendah. Tetapi ini adalah kenyataan di Sabah. Di kawasan saya tidak kurang daripada lima asrama desa sekolah rendah yang diperlukan. Jadi, janganlah tunggu sampai tersentak membaca atau melihat laporan media tentang masalah seperti ini baru berbuat sesuatu. Buatlah kajian dan rancanglah pembangunan infrastruktur pendidikan itu dengan rapi dan tersusun.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bercerita sampai pagi tentang masalah pembangunan infrastruktur luar bandar. Namun, masa terlalu cemburu di Dewan yang mulia ini untuk saya berbahas. Memadailah saya menyatakan bahawa masih banyak lagi kampung-kampung yang masih menggunakan karosene, sebagai lampu penerang kegelapan termasuklah ibu bapa saya sendiri yang tinggal di Kampung Logos, Tuaran. Kami belum menikmati bekalan elektrik dan telefon. Jalan raya yang ada di kampung saya pun amat teruk, hanya kereta pacuan empat roda sahaja yang boleh menghubungi kampung saya.

Penduduk di kampung pula masih lagi bertani secara tradisional iaitu bertanam padi bukit. Jadi, kalau ayah kepada seorang wakil rakyat lulusan sarjana masih hidup dalam serba kekurangan hanya kerana tiada kemudahan asas setelah 37 tahun merdeka, bayangkanlah kedudukan ribuan lagi kampung-kampung di Sabah

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, masih ada masyarakat di Sabah yang merasa terpinggir ataupun merasa masyarakat mereka sebagai, dengan izin, 'enoughtator' community – program sudah buat, baru terfikir ada yang tertinggal. Namun saya tetap yakin dengan kemampuan Barisan Nasional untuk membawa pembangunan kepada negeri Sabah termasuklah kawasan saya iaitu Tuaran.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya nyatakan di sini berhubung dengan soal pembinaan negara bangsa Malaysia iaitu soal meningkatkan kematangan perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang suku bangsa serta pelbagai nations of intends atau, dengan izin, ataupun niat kenegaraan setiap kumpulan dan suku-suku bangsa yang ada di negara kita Malaysia.

Pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik negara kita Malaysia sejak pembentukan Barisan Nasional pada tahun 1972 telah dicapai kerana adanya falsafah, konsep, prinsip yang ditunjangi oleh amalan politik perkongsian kuasa Barisan Nasional. Sistem politik Barisan Nasional terbukti berjaya mengurus dan menangani kepelbagaian nation of intends, dengan izin, rakyat Malaysia yang berbilang etnik, keturunan dan kepercayaan. Tidak ada organisasi politik di negara kita Malaysia yang mantap, praktikal dan politically viable, politically workable and viable, dengan izin, untuk menghadapi cabaran pembangunan abad ke-21, selain daripada Barisan Nasional. Barisan yang lain itu hanyalah barisan tiruan.

Wakil Kepong yang sering memperolok-olokkan Barisan Nasional sebagai tidak rasional hanyalah olok-olok, ibarat benci tetapi rindu. Sebab barisan yang diikuti itu barisan yang tidak complete, barisan tiruan tetapi tidak complete. Rindu beliau terhadap Barisan Nasional kita alu-alukan dan bila tiba masanya kita akan terima dia dalam keluarga Barisan Nasional, mudah-mudahan.

Sebagai wakil rakyat parti komponen Barisan Nasional daripada pertubuhan Pasuk, 'Mambogun' Kadazandusun Bersatu (APKO), saya merasa amat gembira sebab sumbangan suku bangsa Kadazandusun telah mendapat pengiktirafan yang kukuh oleh pucuk pimpinan negara. Kerajaan Barisan Nasional telah meluluskan pembelajaran bahasa Kadazandusun di sekolah-sekolah kerajaan dan kini bahasa Kadazandusun sedang diajar di lebih 200 sekolah-sekolah rendah kerajaan di Sabah dan kita yakin kerajaan melalui Kementerian Pendidikan akan terus membangun bahasa Kadazandusun ini sehinggalah kita dapat membangun bahasa-bahasa ibunda bumiputera termasuklah bahasa Iban. Kerajaan juga telah bersedia untuk membangun bahasa Kadazandusun ini sehinggalah ke peringkat SPM dan kajian sedang dijalankan.

Dalam soal ini saya meminta Kementerian Pendidikan untuk menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, berapakah peruntukan yang akan diberikan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bahasa Kadazandusun dan bahasa Iban dalam Belanjawan 2000 ini. Sebab saya telah

mengkaji dalam huraian pecahan peruntukan dan saya tidak nampak mana-mana pecahan ataupun vot dalam soal ini.

Saya juga mencadangkan supaya kerajaan meletakkan bahasa Kadazandusun dan bahasa Iban ini dalam satu kategori baru dalam kurikulum persekolahan Malaysia iaitu kategori bahasa ibunda bumiputera. Untuk ini saya mohon Menteri Pendidikan menyatakan sama ada cadangan ini akan dipertimbangkan.

Saya juga mencadangkan supaya perayaan Hari Keamatan iaitu satu perayaan penting oleh suku bangsa Kadazandusun, Murut dan perayaan Hari Gawai yang diraikan oleh suku bangsa Dayak dijadikan sebagai perayaan nasional seperti perayaan-perayaan dirayakan oleh rakyat Malaysia yang lain. Alangkah eloknya jika sekiranya rakyat di Semenanjung dapat bersama-sama menikmati perayaan ini setiap tahun. Acara ini akan memberi sumbangan yang besar ke arah mempertingkatkan kematangan perpaduan rakyat Malaysia selain daripada mempertingkatkan tarikan pelancongan di negara kita.

Saya mohon Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk mempertimbangkan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menurut para pengkaji yang sempat saya baca, kadar kemiskinan negara kita Malaysia telah berkurangan daripada lebih 50% sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kepada hanya 17% Semenanjung, 35% di Sabah, 24% di Sarawak dalam tahun 1987 – ini sudah lamalah. Kemiskinan di Malaysia pada keseluruhannya adalah merupakan fenomena luar bandar dan bumiputera, manakala sasaran kemiskinan utama masih terdiri daripada penanam padi, pekebun kecil getah, pekebun kecil kelapa, nelayan dan pekerja estet.

Namun demikian, saya merasa terkilan apabila membaca data-data kemiskinan yang dihebahkan oleh media massa. Saya tidak tahu lagi mana satu kadar kemiskinan yang betul di Sabah. Seorang menteri datang dia sebut lain fakta, satu menteri lagi lain sebut lain, saya tidak tahu mana satu yang betul. Saya mohonlah kepada kementerian berkenaan – barangkali Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya memberitahu Dewan yang

mulia ini apa kaedah-kaedah yang telah digunakan selama ini untuk menentukan kadar kemiskinan negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, Larut berdiri.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh tanya sedikit, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Boleh, boleh.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tertarik dengan apa yang telah Yang Berhormat perkatakan tentang berhubung dengan penanam padi ini. Saya cuma hendak tanya sedikit berhubung dengan tanaman padi bukit, adakah masih lagi diamalkan di negeri Sabah dan bilangan mereka, kalau boleh Yang Berhormat perelaskan. Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Saya tidak dapat memberi data-data terperinci but memadailah kalau saya menyatakan bahawa penanam padi bukit di negeri Sabah ini memang ramai dan saya mohon kepada kementerian yang berkenaan – Kementerian Pertanian untuk mengkaji perkara ini sebab sebenarnya pengeluaran padi bukit di Sabah adalah merupakan satu saving, dengan izin, kepada kerajaan sebab penduduk-penduduk luar bandar tidak membeli beras yang diimport, mereka mengeluarkan dengan sendiri dan ini penanam-penanam padi bukit ini terdapat di kesemua daerah di negeri Sabah, didiapati. Terima kasih.

Apakah kita terus menggunakan basket of goods, dengan izin, atau menentukan planning poverty land (PPLI) untuk menentukan garis kemiskinan dan apakah PPLI ini masih mampu memberi gambaran kemiskinan yang sebenar. Jika tidak, adakah kerajaan bercadang memperkenalkan kaedah yang baru.

Kita buat perbandingan pencapaian pembasmian kemiskinan di setiap negeri di Malaysia, menurut buku kajian yang saya baca, Kelantan merupakan negeri yang mempunyai kadar kemiskinan tertinggi diikuti dengan Terengganu dan kemudiannya Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, apabila kumpulan warganegara atau apa yang dipanggil sebagai temporary immigrant dimasukkan dalam statistik kadar kemiskinan di Sabah, maka didapati bahawa Sabah mempunyai kadar kemiskinan tertinggi di Malaysia,

dalam kadar, dalam menurut Rancangan Malaysia Keenam, kadar dia adalah lebih kurang 34%.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar melipat-gandakan usaha ke arah membasmi kemiskinan terutama sekali negeri Sabah dan ini juga bererti bahawa Sabah bukan sahaja menghadapi cabaran membasmi kemiskinan tetapi Sabah juga berhadapan dengan cabaran menghadapi masalah kebanjiran pendatang tanpa izin, khususnya pendatang tanpa izin Filipina seperti yang telah dibahaskan oleh ahli daripada Kota Belud. Banyak sudah yang diperkatakan tentang soal ini, malah rakyat sudah merasa muak mendengar hujah-hujah....

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ada yang berdiri Yang Berhormat, minta penjelasan.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Sedikit sahaja.

Tuan Wilfred Mandius Tangau: Saya minta maaflah fasal panjang lagi, panjang lagi.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Ini tentang klasifikasi rakyat termiskin tadi ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Mandius Tangau: Saya minta maaf, minta maaf sebab saya panjang lagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Mandius Tangau: Kalau ada masa nanti saya bagi.

Malah rakyat sudah merasa muak mendengar hujah-hujah yang kurang menyakinkan tentang masalah pendatang tanpa izin di Sabah. Sebab itu kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Luar Negeri hendaklah mencari penyelesaian muktamad terhadap masalah kebanjiran pendatang tanpa izin atau masalah pelarian di Sabah dengan kadar yang segera. Masalah ini hendaklah dijadikan sebagai agenda tindakan nasional yang penting. Satu program komprehensif mestilah diambil dengan

segera untuk menangani masalah ini. Saya juga memohon mencadangkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya mengkaji peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dalam soal pembasmian kemiskinan dan juga dalam soal penyelesaian pendatang tanpa izin di Sabah. Sebab jika semua kampung-kampung di Sabah itu tidak mempunyai pendatang tanpa izin maka barangkali kita boleh sedikit-sebanyak menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin ini.

JKKK harus mempunyai data-data terperinci tentang insiden kemiskinan dan kehadiran pendatang tanpa izin di kampung masing-masing. JKKK juga harus disusun rapi untuk menjadi sebahagian daripada badan perancang dan badan pelaksana program pembangunan kerajaan. Peranan tradisional JKKK sebagai telinga dan mata kerajaan yang sering dilaung-laungkan perlu dikaji semula. Tanpa sebuah JKKK yang terlatih dan tersusun rapi gerakan desa wawasan yang sekian lama diperjuangkan oleh kerajaan Barisan Nasional tidak akan mencapai kejayaan. Sebab itu saya mohon mencadangkan supaya latihan kepimpinan masyarakat di peringkat JKKK perlu diperhebatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penggulungan perbahasan saya ini, saya mohon mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan memperhabatkan bantuan serta sokongan untuk memastikan kejayaan Taman Perindustrian Kota Kinabalu ataupun (KKIP). Saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana membina laluan, jalan Kota Kinabalu sulaman yang menelan belanja lebih kurang RM200 juta untuk mempertingkatkan lagi kemudahan infrastruktur di KKIP. Tujuan yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya satu lagi lebuh raya baru daripada KKIP bermula daripada pekan Talipuk ke pekan K iulu dan terus ke kampung Orang Dagong dalam daerah Ranau supaya cadangan ini kerajaan dapat muatkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

5.03 ptg.

Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian di dalam perbincangan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, abad ke-21 telah bermula. Seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan rupa kulit negeri atau fahaman politik yang berbeza mengharapkan agar tahun-tahun yang mendatang ini memberi perubahan dan cahaya harapan yang lebih terang di dalam kehidupan mereka sekeluarga.

Masyarakat bandar atau luar bandar pada hari ini ditakdirkan menyahut cabaran-cabaran baru di alaf baru ini untuk menangani realiti-realiti baru seperti masalah pertumbuhan ekonomi di Rantau Asia Pasifik, kecanggihan sains dan teknologi kemajuan perindustrian, ledakan maklumat, proses globalisasi dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang dibentangkan tempoh hari tidak banyak menyentuh dan memberi penekanan kepada sektor pertanian dan pemakanan, sektor pertanian yang begitu penting tidak harus diabaikan. Apakah dengan kemajuan teknologi hari ini serta berkembangnya teknologi maklumat serta sektor industri kita dapat menjamin bekalan makanan di negara ini mencukupi. Di dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga ada menyebut objektif utamanya adalah untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi serta keupayaan memperolehi makanan yang selamat dimakan, berkhasiat dan berkualiti pada harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada statistik yang dilaporkan penggunaan tanah pertanian meningkat daripada 5 juta hektar pada tahun 1985 kepada 5.8 juta hektar pada tahun 1995 iaitu bagi tempoh 10 tahun. Pertambahan ini adalah kesan daripada pembukaan tanah-tanah baru untuk tanaman kelapa sawit dan buah-buahan oleh pihak swasta dan agensi awam. 70% daripada penggunaan tanah ini adalah untuk tanaman kelapa sawit dan getah. Walaupun kita melihat keluasan tanah pertanian ini melebihi 5 juta hektar tetapi import makanan negara terus bertambah. Contohnya, pada tahun 1997 import makanan adalah ke angka RM10 bilion berbanding pada tahun 1990 importnya hanyalah sebanyak 4.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa misi Jabatan Pertanian adalah untuk memberi perkhidmatan berkualiti dan berkesan kepada pengusaha-pengusaha pertanian di dalam penggunaan teknologi tanaman dan industri hiliran supaya meningkatkan daya pengeluaran pertanian negara. Di dalam mencapai tujuan ini kita semua sedar bahawa sebuah universiti khusus telah ditubuhkan dengan nama Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Universiti ini yang bermula dengan sekolah pertanian pada tahun 1931 dan pada 1942 telah dinaikkan taraf kepada Kolej Pertanian, manakala pada tahun 1971 sekali lagi kolej ini dinaikkan taraf kepada Universiti Pertanian. Universiti ini bertujuan untuk melahirkan golongan profesional untuk memberikan khidmat nasihat, sokongan teknikal dalam pelbagai bidang pertanian khususnya tanaman makanan dan industri hiliran yang berasaskan pertanian.

Suatu ketika dahulu kita amat bangga kalau kita dengar bahawa mahasiswa-mahasiswa universiti ini apabila di 'ragging' ataupun menghadapi minggu suai kenal mereka, mereka telah diarah, diminta berenang dalam tahi lembu, minum air kencing lembu, mandi air kencing lembu dan sebagainya. Itulah realiti yang ada pada waktu itu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia khususnya para petani, penternak dan nelayan masih mengharapkan UPM menjadi tempat rujukan kepada institusi-institusi pertanian yang mahu mendapatkan nasihat kepakaran dan penemuan-penemuan baru di dalam bidang pertanian. UPM mempunyai kemudahan latihan pertanian yang lengkap bagi menyediakan tenaga teknokrat di sektor tersebut. Tetapi malangnya kerana letak duduknya di dalam kawasan Koridor Raya Multimedia ataupun yang lebih dikenali sebagai MSC serta permintaan yang tinggi di dalam bidang teknologi maklumat, maka pada 3 April, 1997 peranan universiti ini dan namanya sekali telah ditukar kepada nama Universiti Putra Malaysia. Ramai orang beranggapan nama universiti ini tidak sepatutnya ditukarkan kepada 'Putra' kerana pertukaran ini telah menghilangkan identiti UPM itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada sesebuah negara itu maju atau tidak, bidang pertanian adalah sama pentingnya dengan sektor lain. Malahan kegawatan mengajar kita betapa pentingnya sektor pertanian. Itu baru kegawatan, apatah lagi jika berlaku peperangan Soal keselamatan adalah

suatu yang penting dan kita jangan mudah mengejar kemajuan melalui sektor industri. Saya mencadangkan supaya kerajaan mengimbangi kemajuan di sektor pertanian selari dengan sektor industri yang lain. Keadaan ini dapat dilihat kepada negara-negara maju sama ada Amerika Syarikat atau negara-negara Eropah. Walaupun bilangan petani-petani yang terlibat di sektor ini adalah kecil di negara-negara tersebut iaitu di antara 3-5%, tetapi mereka mampu membekalkan tanaman dan makanan yang mencukupi untuk negara mereka malah untuk dieksport.

Saya ingin menarik perhatian bagaimana komen seorang profesor iaitu Profesor Mohamad Yusof Hussin daripada Dekan Fakulti Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia. Dia mengatakan, di negara maju petani mereka menerima jaminan daripada kerajaan masing-masing malah mereka menerima perlindungan khas kerajaan, ini kerana kerajaan mereka memahami akan kepentingan pertanian yang bukan semata-mata untuk keperluan dan komersial tetapi untuk tujuan keselamatan negara, sebab itu pertanian mereka maju dan bertahan. Jadi di sini kerajaan juga harus memberi perlindungan kepada petani supaya mereka tidak terhimpit dengan keadaan. Ini adalah komen daripada Profesor Mohamad Yusof Hussin iaitu Dekan Fakulti Pertanian UPM.

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ada yang minta penjelasan. Sila.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di negara kita ini banyak terdapat tanah pertanian yang telah ditukar menjadi tanah ataupun dijadikan sebagai tapak rumah ataupun kawasan perumahan dan ini menyebabkan sebahagian besar daripada tanah-tanah yang berpotensi untuk pertanian sekarang ini sudah menjadi 'status in status' perumahan.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiu dan memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiu tadi bahawa kita sekarang menghadapi masalah tanah pertanian yang sesuai tetapi telah ditukar menjadi kawasan-kawasan perumahan dan sebagainya dan memang kita mendesak pihak kerajaan supaya mengganti tanah-tanah yang

terlibat dengan tanah-tanah pertanian ini untuk digunakan semula ataupun dijadikan kawasan pertanian sejajar dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju benar di atas pandangan secara terbuka yang telah dibuat oleh seorang tokoh profesional yang neutral atau berkecuali daripada politik. Memang keadaan di Malaysia amat berlainan dan memalukan. Dasar Pertanian Negara dibuat tetapi tidak diikuti. Petani yang miskin yang sepatutnya dibantu dan dilindungi tetapi ditindas dan dizalimi. Diskriminasi terus berlaku, pemimpin-pemimpin UMNO khususnya di Kelantan menjadikan petani mangsa untuk membalas dendam. Hak-hak yang sepatutnya diterima oleh seorang petani cuba dihalang, subsidi baja dan subsidi harga padi diketepikan. Mungkin kerana itulah di Kelantan kita melihat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading berdiri minta penjelasan. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat atas perkataan bahawa kerajaan menzalimi petani-petani kerana mengikut budget kita lebih RM1 bilion yang diperuntukan oleh kerajaan kepada Kementerian Pertanian ini, sebahagian besar daripadanya ialah untuk memberikan bantuan sama ada berupa baja, subsidi benih dan subsidi jentera. Apakah itu semua tidak membantu kepada petani-petani untuk menentukan petani-petani dapat satu pendapatan yang lebih lumayan. Jadi apakah lebih lumayan itu boleh disamakan dengan ataupun untuk memberikan lumayan kepada petani-petani itu boleh dikatakan sebagai kezaliman kerajaan. Jadi saya mohon sedikit penjelasan. Terima kasih.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya menerima kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat tetapi apa yang saya perkatakan di sini ialah sesetengah daripada pemimpin-pemimpin UMNO di Kelantan khususnya yang menzalimi petani-petani yang berhak. Saya rasa saya telah memberi penjelasan di mana ada pertikaman lidah di antara Yang Berhormat Rantau Panjang dengan Yang Berhormat dari Barisan Nasional sebentar tadi dan saya telah memberi nama-nama mereka yang terlibat secara

khusus iaitu Mohamad Noor Abdullah dan juga saudara Hamzah Hussin di mana kedua-duanya adalah daripada Kampung Binjal Cetok sebagai membuktikan perkara ini. Kalau Yang Berhormat tidak puas hati bolehlah saya memberi laporan secara terperinci. Mungkin kerana itulah saya katakan di Kelantan Barisan Nasional kalah keseluruhannya kecuali Gua Musang, itu pun kerana Gua Musang tidak ada padi, kalau ada padi kalah juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat cadangan tambahan kepada cadangan asal Presiden UMNO yang juga Perdana Menteri supaya calon-calon pilihan raya yang akan datang ini bukan sahaja kepada mereka yang selalu hadir ke Parlimen ini tetapi saya juga minta supaya beliau menolak mana-mana pemimpin yang dikenal pasti menindas rakyat sebagai satu cadangan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan 2000 yang telah dibentangkan kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM201 juta untuk Risda melaksanakan program tanam semula yang melibatkan 45,000 hektar getah. Kita minta supaya peruntukan yang sebesar ini betul-betul sampai kepada peneroka-peneroka atau pekebun-pekebun yang terlibat. Kita tidak mahu ada pegawai-pegawai yang mengambil kesempatan terhadap peruntukan ini dan menyelewengkan peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, peneroka-peneroka yang terlibat dengan program tanam semula RISDA di sebuah rancangan tanah di dalam kawasan Parlimen saya iaitu di dalam kawasan Parlimen Tanah Merah, tidak dapat meneruskan program ini akibat daripada satu kes di mana berlaku penyelewengan terhadap pembayaran di bawah program ini dan kes ini telah dibawa ke BPR dan masih di dalam penyiasatan. Saya telah membuat perjumpaan dengan peneroka-peneroka yang terlibat dan mereka semua merayu supaya program tanam semula mereka patut diteruskan, bukannya ditangguhkan atau dibekukan sehingga kes tersebut selesai.

Tuan Yang di-Pertua, semasa menghadapi pilihan raya yang lalu tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai Risda juga telah diubah dan ditukarkan. Mereka telah ditugaskan bukan untuk menjaga pekebun-pekebun kecil getah tetapi membantu UMNO di dalam melaksanakan program PPRT ataupun Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Pegawai-pegawai ini terpaksa

membilang pokok-pokok kelapa di atas pulau-pulau yang tidak ada pokok getah yang mana tugas sebenar sepatutnya mereka lebih menitikberatkan soal getah. Pihak kementerian seharusnya mencari dan mengambil langkah-langkah tertentu di dalam menangani isu-isu sebegini tetapi kepada siapa hendak diadakan kerana ini adalah arahan Menteri pada masa itu. Menteri tukar tugas pegawai-pegawai RISDA ini kerana pada tempoh tersebut Risda kononnya tidak mempunyai kerja di negeri Kelantan, apakah perkara ini benar?

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal penekanan di sektor pertanian, negara jiran kita Thailand mengekalkan sektor pertanian sebagai sektor yang penting di samping meningkatkan sektor pembuatan yang lain. Saya ingin mengambil contoh mengenai kemasukan sayur-sayuran melalui pintu masuk negeri Kelantan. Sayur-sayuran yang terlibat kesemuanya 16 jenis seperti sawi, timun, terung, kobis, cili, tomato dan lain-lain. Kita melihat kepada angkanya pada tahun 1997 sayuran ini terpaksa dibawa masuk sebanyak 2,039 metrik tan, pada tahun 1998 sebanyak 2,842 metrik tan, pada tahun lepas 1999 angkanya meningkat lagi ke angka 3,522 metrik tan. Jumlah ini adalah terlalu besar dan adakah kita sedar berapa banyakkah wang kita mengalir keluar. Ini baru wang keluar melalui pintu masuk, ada ramai lagi rakyat Malaysia yang membawa keluar wang melalui pintu keluar negeri Kelantan atau Bukit Kayu Hitam untuk melabur di sana, itu kita tidak payah ceritalah.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia pertanian hanyalah sebagai cara hidup. Golongan yang bertani dalam masa yang sama juga turut berniaga, membawa teksi, menjadi buruh dan juga ada yang menjadi wakil rakyat atau melaksanakan berbagai-bagai kerja lain. Cabaran pertanian di alaf baru yang terbesar ialah bagaimana kita secara efisien dan berkesan dapat mengeluarkan sesuatu produk atau bahan secara banyak dan komersial dalam keadaan pasaran kompetitif dan kompleks. Dengan kata lain, jika kerajaan bersetuju memberi kenaikan 10% gaji kepada kakitangan awam, kerajaan juga terpaksa dan mesti berusaha untuk meningkatkan pendapatan petani ke tahap yang sama ataupun lebih.

Dalam isu ini, polisi pertanian negara hendaklah lebih kepada melindungi petani dan peladang. Polisi sistem pemasaran sepatutnya diubah supaya boleh dan lebih menguntungkan petani dan peladang. Harga-harga pertanian masih rendah. Yang untung bukan petani tetapi orang lain yang mengaut keuntungan di atas angin. Petani-petani kecil dan tempatan memerlukan subsidi demi untuk keperluan makanan rakyat dan juga keselamatan negara. Dahulu kita sering berfikir jika kita ada wang, kita boleh membeli segalanya. Kerajaan juga sama pada suatu ketika dahulu menumpukan kepada sektor pembuatan dan teknologi maklumat kerana akan banyak memberi keuntungan dan seolah-olah mengabaikan meninggalkan bidang pertanian. Ternyata pandangan ini tidak betul. Pertanian tidak boleh diketepikan dan mungkin di suatu masa kita ada banyak wang tetapi tidak ada apa yang kita hendak beli seperti yang berlaku di zaman Jepun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan dasar yang diambil oleh Kerajaan Kedah di bawah Menteri Besarnya yang baru di mana Kerajaan Kedah tidak membenarkan para peneroka tanah rancangan yang telah diberi hak milik menjual tanah mereka kepada pihak lain walaupun harganya melambung tinggi. Mengikut beliau harga tanah berkenaan kini dinilai mengikut perhitungan kaki persegi dan bukannya hektar. Ini sudah tentu akan munculnya jutawan segera di tanah rancangan seperti yang berlaku di negeri-negeri lain seketika dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah mendengar dan membaca dahulu bagaimana peneroka-peneroka yang menjadi jutawan segera ini tidak tahu menguruskan wang mereka dan akhirnya mereka kembali kepada takuk lama. Ada yang menjadi penoreh atau nelayan semula. Kawalan dan peraturan sebegini adalah baik memandangkan kerajaan membelanjakan wang yang begitu banyak untuk membuka sebuah rancangan dan menempatkan pegawai dan kakitangan yang cukup untuk membantu petani. Ia perlu dicontohi oleh negeri-negeri lain. Saya juga mencadangkan agar kerajaan memaksimumkan penggunaan tanah kerana masih terdapat 400,000 hektar tanah terbiar di seluruh negara yang perlu diusahakan dan memerlukan perhatian serius dari kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil kesempatan kepada peluang yang diberikan ini, izinkan saya menyentuh sedikit tentang pilihan raya yang lalu dan mengapa UMNO atau Barisan Nasional kalah teruk di Kelantan. Apa yang saya ingin sebutkan adalah gelagat dan tingkah laku pemimpin-pemimpin UMNO di Kelantan. Daripada 14 kawasan Parlimen yang dipertandingkan hanya satu Parlimen sahaja yang dimenangi oleh UMNO iaitu di Gua Musang. Kita ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Gua Musang kerana dapat lagi mempertahankan kerusinya sehingga saat ini. Dan mungkin beliau adalah wakil rakyat yang terakhir mewakili UMNO sebagaimana pernah dinyatakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah yang menyatakan mungkin ini adalah spesis yang terakhir daripada UMNO. *[Tepuk]*

Di Kelantan, sebut sahaja UMNO, rakyat sudah dapat membayangkan bahawa ini adalah parti yang kaya. Pemimpin-pemimpinnya kaya dan mewah. Memiliki kereta-kereta besar dan rumah-rumah besar, tetapi di sebalik kekayaan parti dan pemimpin mereka juga terbayang sifat rakus, sifat tamak, ketidakjujuran dan ketidakadilan yang juga dimiliki oleh sebahagian besar daripada pemimpin-pemimpin UMNO Kelantan. Negeri-negeri lain saya tidak berani hendak komen. Persepsi ini sudah sekian lama diketahui umum, bukan setakat rakyat Kelantan di bandar ataupun di luar bandar, miskin atau kaya tetapi kepada seluruh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan kecuali yang ada mempunyai kepentingan politik dalam UMNO ataupun yang hendak mengampu atau membodek, ringkasnya rakyat Kelantan tidak yakin lagi kepada UMNO dan pemimpin-pemimpinnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyertai UMNO sejak tahun 1978 lagi dan bergiat cergas di peringkat cawangan di peringkat bahagian, di peringkat negeri dan di peringkat kebangsaan dan setiap tahun pada waktu itu seja k di dalam Pemuda lagi saya tidak *miss*lah untuk menjadi perwakilan di Perhimpunan Agung UMNO di PWTC dan pernah bertanding di atas tiket Barisan Nasional pada tahun 1995 di dalam pilihan raya yang lalu. Penglibatan saya yang terakhir dalam UMNO ialah pada 13 Disember 1998 semasa menjadi perwakilan ke Perhimpunan Agung Khas untuk meminda perlembagaan UMNO. Jadi, saya minta maaflah kepada Yang Berhormat bagi

Gua Musang kerana pada waktu itu saya turut terlibat untuk meminda perlembagaan dan kalau tidak dipinda perlembagaan mungkin Yang Berhormat bagi Gua Musang ada canlah kali ini untuk bertanding.

Saya cukup faham dengan gelagat dan tingkah laku orang-orang UMNO di Kelantan. Biarlah mereka pandai menari mengikut apa rentak sekalipun di Kuala Lumpur ini tetapi mereka tidak boleh menari di depan rakyat Kelantan. Biar apa-apa pun sebab kekalahan UMNO di Kelantan dilaporkan oleh pemimpin-pemimpin mereka kepada pihak atasan atau kepada majlis tertinggi tetapi adalah sebagai menutup pekung di dada. Keadaan ini lebih-lebih lagi menjelang pemilihan UMNO di peringkat Malaysia yang akan tiba pada 11 Mei depan dan pemilihan perwakilan di peringkat bahagian yang sedang bermula.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Tuan Saupi bin Daud: UMNO sanggup pecat ahli-ahlinya yang dianggap belot.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Sri Gading ya. Berdiri hendak minta penjelasan. Boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Silakan, silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat. Sebenarnya sahabat lama ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, sama-sama lamalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sahabat kita lama dan sampai sekarang pun sahabat juga. Pilihan raya 1999 bukanlah segala-galanya. Kelantan 10 tahun dulu diperintah oleh Barisan Nasional dan sebelum itu Kerajaan PAS. Begitu juga Terengganu, soal menang kalah ini perkara biasa dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Yang Berhormat hari ini di pihak sebelah sana, mana tahu dalam pilihan raya yang akan datang boleh jadi tergerak hati hendak masuk sebelah sini. [*Tepuk*] So, perkara biasa.

Saya sedih sedikit kerana UMNO Kelantan diperkatakan seperti itu dan tidak ada wakil daripada Ahli Parlimen Kelantan. *[Ketawa]* Jadi, Yang Berhormat, saya rasa cerita sajarah tentang parti Yang Berhormat. Tentang parti UMNO itu biarlah kami orang-orang UMNO bercerita tentang parti kami. Kami tahu dan kami sedar hari ini memang rakyat Kelantan menolak UMNO dan keputusan rakyat Kelantan itu kita hormati.

Tuan Saupi bin Daud: Soalan, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, soalan saya ataupun mohon penjelasan daripada rakan sahabat lama sampai hari ini ialah bahawa soal menang kalah dalam pilihan raya itu soal yang boleh bertukar, boleh berubah. Jadi, setuju atau tidak setuju Yang Berhormat tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat, saya rasa mungkin terkeliru dengan penjelasan saya sebentar tadi dan saya menolakkah tawaran Yang Berhormat itu awal-awal lagi. *[Tepuk]* Sebab saya tahu kalau saya sanggup mengatakan dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah sanggup mengatakan ini adalah spesis terakhir, itu adalah keyakinan kami. *[Tepuk]* Satu lagi saya ingin nyatakan sebenarnya

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Saupi bin Daud: Nanti dulu Yang Berhormat. Saya habiskan dulu Yang Berhormat. Sebenarnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar dia habiskan. Masa dia pun hendak habis tu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Habiskan ya.

Tuan Saupi bin Daud: Masa pun hendak habis dah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya suka bergurau dengan sahabat saya ini.

Tuan Saupi bin Daud: Tak, tak. Nanti dulu

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ha, selesaikan.

Tuan Saupi bin Daud: Saya nyatakan ini adalah untuk kebaikan UMNO sebabnya kadang-kadang kalau UMNO ini terlampau baik sampai dia menuduh bahawa kekalahan dia itu disebabkan berpunca daripada fitnah PAS dan sebagainya. Jadi, saya hendak terangkan apa sebenarnya yang berlaku. Saya minta Yang Berhormat pun janganlah terkeliru sama dengan orang-orang UMNO di Kelantan. *[Ketawa]*

UMNO sanggup pecat ahli-ahlinya yang dianggap belot. Jadi, saya hendak minta suruh dia check betulkah belot atau tidak sebulu dengan pemimpin atau mencabar kedudukan pemimpin ataupun kedua-duanya sekali. Minggu lepas di Kelantan ada terima banyak surat-surat yang memberi tunjuk sebab dan juga pemecatan kepada ahli-ahli UMNO. Saya ingin menyatakan satu bahagian sampai 40 orang kena tunjuk sebab ataupun dipecat.

Kalaulah UMNO ini mempunyai 165 bahagian di seluruh Malaysia, kalau (165 x 4 = 660) orang. Jadi, saya ucapkan tahniahlah kepada UMNO kerana telah memberi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Yang Berhormat

Tuan Saupi bin Daud: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Masa, masa sudah habis Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Saupi bin Daud: Cukup dah ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ha, lebih pun saya sudah bagi. *[Ketawa]*

Tuan Saupi bin Daud: Tidak ada. Sekarang beginilah, mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan tertinggi UMNO kerana turut membantu menambahkan keahlian KeADILan dan PAS. *[Tepuk]* Apabila dipecat, dia tidak masuk dalam UMNO, dia masuk dalam KeADILan atau PAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Terima kasih. Habis ya.

Tuan Saupi bin Daud: Saya minta penggulangan ya. Ada lagi, terpaksa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Boleh sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sambung pun tidak boleh dah. Sudah cukup saya dah bagi 30 minit.

Tuan Saupi bin Daud: Tak ada, saya hendak gulungkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gulung itu banyak mana?

Tuan Saupi bin Daud: Ada seminit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha?

Tuan Saupi bin Daud: Satu minit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Okay, okay.

Tuan Saupi bin Daud: Biarlah itu kita ambil terimalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, teruskan.

Tuan Saupi bin Daud: Okay, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil satu contoh. *[Mengeluh]* Hai, rugi masa tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak usah contoh, contoh. Gulung saja Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Sebagai kesimpulannya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tuan Saupi bin Daud: Al-Quran juga memberi peringatan kepada golongan *out gone generation*, dengan izin ataupun generasi yang sudah memasuki usia senja ataupun masuk maghrib agar menyiapkan generasi penyusur atau yang akan datang ini dengan lebih kuat dan berilmu dan

sanggup menghadapi segala cabaran supaya mereka tidak meninggalkan zuriat yang lemah.

Di dalam kaitan ini, Umar Ibn Al-Khattab ada meninggalkan pesan yang amat relevan untuk kita semua. Katanya, ajarilah anak-anak kamu dengan ilmu dan pendidikan yang sesuai kerana sesungguhnya mereka diciptakan untuk zaman yang lain daripada zaman kamu. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya pesanan yang ditinggalkan oleh Khalifah Umar ini bukan sahaja kepada mereka yang sewaktu dengannya tetapi kepada seluruh manusia terutamanya umat Islam dan pemimpin-pemimpin yang dipilih dan diamanahkan untuk mentadbirkan bumi Allah ini.

Di dalam konteks negara kita, pesanan ini penting kepada pemimpin-pemimpin yang dipilih dan yang telah diberi mandat oleh rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Terima kasih.

Tuan Saupi bin Daud: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin minggu depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titawangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zanal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasar Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)

- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Dato’ Shanon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zul hasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Salamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Ham zah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

Alias bin Md. Nor

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Jilid II	Bil. 12	Khamis	2 Mac 2000
-----------------	----------------	---------------	-------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2000
(Halaman 28)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2000
(Halaman 28)

